

"DI DUNIA, jika kita sarat dengan hutang, ia boleh mendatangkan bermacam-macam ketidaktertaman, sementara di akhirat pula, jika hutang itu tidak dibayar ia akan membawa kepada keperitan dan kesusahan" - Titah perutusan sempena Hari Raya Aidilfitri tahun 1427H/2006M pada 24 Oktober 2006 di Istana Nurul Iman.



"TELAH timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang dilakukan oleh tangan manusia: Timbulnya yang demikian kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali insaf dan bertaubat." - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ar-Ruum ayat 41.

TAHUN 51 BILANGAN 50

RABU 13 DISEMBER 2006/1427 رابو 22 ذوالقعدة

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap

Oleh : Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 6 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Yang Teramat Mulia Putera Muqrin bin Abdul Aziz Al-Saud dari Arab Saudi.

Majlis mengadap berlangsung di Istana Nurul Iman. Hadir sama di majlis itu ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Awang Lim Jock Seng.

Yang Teramat Mulia Putera Muqrin bin Abdul Aziz Al-Saud berada di negara ini untuk lawatan selama dua hari.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Yang Teramat Mulia Putera Muqrin bin Abdul Aziz Al-Saud dari Arab Saudi. - Foto : Haji Sahrin Haji Asmat.

DYTM rasmikan Kad Visa Platinum Bank Baiduri

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

JERUDONG, Isnin, 11 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan melancarkan Kad Visa Platinum Pertama Bank Baiduri di negara ini yang berasaskan teknologi tinggi berlangsung di Empire Hotel and Country Club di sini.

Kad visa tersebut mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi yang mana memberikan ketenangan minda serta kemudahan tanpa had dan berprestij global.

Terdahulu dari itu keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Pengurus Besar Bank Baiduri, Pierre Imhof dan pegawai-pegawai bank berkenaan.

Majlis tersebut bermula dengan sembah alu-aluan oleh Pengurus Besar Bank Baiduri, Pierre Imhof yang antara lain menjelaskan mengenai faedah-faedah yang diperolehi daripada kad visa platinum berkenaan.

Selepas menyempurnakan pelancaran, DYTM berkenan menerima sembah yang disembahkan

oleh Pengurus Besar Bank Baiduri.

DYTM kemudian dijunjung menyaksikan pameran mengenai kad visa platinum serta faedah-faedah yang diperolehi melalui kad visa tersebut dan beberapa jenis kad visa dan master yang pernah dikeluarkan oleh Bank Baiduri sejak ditubuhkan dalam tahun 1994.

Lihat muka 16



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menyaksikan pameran sejour melancarkan Kad Visa Platinum Pertama Bank Baiduri. - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassin.

Pelanggan sebagai tetamu, bukan 'burden'

BERAKAS, Isnin, 4 Disember. - Pegawai dan kakitangan kerajaan hendaklah menganggap pelanggan sebagai tetamu jabatan semasa berinteraksi dengan mereka dan bukannya sebagai tanggungan (burden).

Oleh itu, pegawai-pegawai dan kaki tangan hendaklah memberikan layanan yang sebaik-baiknya kepada tetamu dengan penuh kemesraan, hormat-menghormati, bersopan santun disertai dengan senyuman yang ikhlas.

Oleh : Norlia Md. Zain

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adnan menegaskan perkara ini semasa berucap di Majlis Pelancaran Minggu Pelanggan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya yang berlangsung di Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat menambah, penjelasan harus disampaikan kepada pelanggan yang kurang memahami perkara yang di timbulkan dan menjadi kefahaman mereka.

Pada masa yang sama, Yang Berhormat juga menyeru agar para pelanggan memberikan kerjasama dengan memberikan maklumat yang betul, mematuhi syarat-syarat yang dikenakan di samping menyertakan dokumen-dokumen yang berkaitan mengikut jenis atau kategori permohonan.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat juga berkata imej dan kredibiliti sesebuah organisasi adalah bergantung kepada perkhidmatan pelanggan yang cemerlang serta keupayaan dalam memberikan kepuasan hati di kalangan pelanggan.

Sebaliknya jelas Yang Berhormat, jika perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan kurang memuaskan sudah setentunya mendatangkan kesan negatif bukan sahaja kepada pelanggan itu sendiri malah juga organisasi berkenaan.

"Adalah diharapkan minggu pelanggan ini dapat menyumbang kepada 'good governance', tegas Yang Berhormat.

Semasa berucap, Yang Berhormat juga menyatakan, pada realitinya masih ramai yang menganggap bahawa Perkhidmatan Awam itu sebagai sesuatu yang merimaskan dan penuh karenah birokrasi.

Lihat muka 16

ANTARA YANG MENARIK

- Hasrat Negara: ICT tingkatkan kehidupan masyarakat - Muka 2
- Pejabat Pelabuhan Cawangan Kuala Belait dirasmikan - Muka 5
- Berkenaan merasmikan persidangan kejururawatan antarabangsa - Muka 6
- 21 peratus meninggal dunia kerana penyakit jantung - Muka 10
- Memasarkan produk seni tempatan - Muka 11
- Sumbangan KDNK sektor bukan minyak meningkat - Muka 2 ANEKA
- Rasuah: Jejas imej negara, integriti Perkhidmatan Awam - Muka 4 ANEKA

TAHUKAH AWDA

PELAN INDUK NEGARA merupakan satu dokumen yang menggariskan polisi-perancangan dan pengagihan guna tanah bagi seluruh negara. Pelan ini sangat perlu kerana ianya membentangkan rangka kerja perancangan ruang untuk polisi perancangan guna tanah yang strategik asas bagi membuat keputusan di peringkat nasional. Ianya merupakan satu landasan ke arah pengurusan pertumbuhan yang berdaya tahan dan satu set dasar garispanduan yang menyalpsti hala tuju masa depan pembangunan negara manakala Pelan Induk Negara Brunei Darussalam 1987 merupakan pelan jangka masa 20 tahun untuk merealisasikan objektif pembangunan negara. Sebanyak 20 kertas kajian sektoral telah disediakan untuk membentuk strategik perancangan. Laporan akhir Pelan Induk tersebut mengandungi 'Main Volume' beserta tiga Pelan Kemajuan Daerah (Brunei-Muara, Kuala Belait dan Tutong). - Sumber dari Jabatan Ukur, Jabatan Tanah, NBDMP 1987 dan NLUMP, Deraf Terakhir 2006.



13 DISEMBER 2006 BERSAMAAN 1427 ذوالقعدة 22

MELANCONG DALAM NEGARA

BIASANYA, bulan Disember merupakan cuti hujung tahun yakni cuti panjang bagi semua persekolahan di Negara Brunei Darussalam. Inilah masanya kebanyakan mereka sama ada yang bekerja di sektor awam mahupun swasta masing-masing mengambil cuti panjang untuk beristirahat bersama keluarga. Kesempatan ini hanya hadir setahun sekali terutama di bulan Disember di mana peperiksaan persekolahan akhir tahun berakhir.

Ibu bapa, insan yang paling sibuk mengatur rancangan untuk kesejahteraan anak-anak. Peluang cuti panjang ini masa keemasan yang amat sesuai membawa anak-anak serta keluarga melancong beristirahat selepas 11 bulan memerah otak memantun pelajaran. Lebih-lebih bagi ibu bapa yang membuat 'janji' kepada anak-anak mereka yang lulus dalam peperiksaan PSR dan PMB yang disifatkan sebagai 'bonus' tahunan.

Bagi mereka yang mampu dan mempunyai 'rezeki' yang lebih sudah tentunya berkesempatan membawa keluarga ke dunia luar. Sementara, mereka yang kurang berkemampuan, sekadar berehat di rumah sambil menonton tayangan televisyen atau menyaksikan DVD, CD atau bermain 'game'.

Walau bagaimanapun ini tidak menutup peluang mereka untuk beristirahat, mereka boleh melakukannya dengan melancong dalam negara. Banyak lokasi menarik, tempat bersejarah, kawasan istirehat yang indah dan nyaman disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Antara yang menarik ialah Kuala Belalong di Temburong, Wasai Wong kadir, Labi, Belait dan pantai-pantai yang indah sesuai untuk beristirahat sambil menghirup udara yang bersih.

Janganlah kita melepaskan peluang untuk melancong dalam negara. Kenalilah negara kita terlebih dahulu sebelum mengenali negara orang lain. Bawalah anak-anak serta keluarga. Kenalkan mereka kepada tempat-tempat bersejarah dan yang ada nilai sejarah tanah air.

Dalam hubungan ini, pasti ada yang terkilan bila mendengar ada anak-anak tidak tahu Kampong Ayer. Maka pada peluang keemasan ini cubalah jinak-jinkan anak dan keluarga berkunjung ke Kampong Ayer, yang mendapat jolakan 'Venice of The East'. Amatlah rugi sebagai warga Brunei tidak mengetahui Kampong Ayer dan tidak pernah berkunjung ke tempat itu yang juga menjadi tumpuan pelancong luar.

Utamakanlah melancong dalam negara. Berbelanjalah di negara sendiri. Melancong di bumi sendiri banyak kelebihan dan menguntungkan negara.

Cuba bayangkan melancong ke luar negara, banyak memakan belanja. Tambang kapal terbang, penginapan, pengangkutan perlu dibayar di samping 'poket' mesti penuh untuk 'shopping' dan seumpamanya. Hitung panjang, kira sana kira sini, tentunya mencecah puluhan ribu atau lebih tergantung kepada 'naluri' hati.

Memang benar banyak melancong menambah pengalaman. Tetapi dalam waktu yang sama kita juga perlu sedar, akibat dan impak yang kita terima selepas itu. Awal tahun, Januari, bayaran, peralatan anak-anak sekolah juga perlu diambil kira. Jangan sampai 'mata kenyang' tetapi persekolahan anak-anak terjejas.

Satu lagi impak yang ketara ialah pengaliran wang ke luar negara. Cuba kita bayangkan jika seseorang berbelanja maksima B\$100.00. Kalau 10 ke 20 ribu tentunya berjuta-juta duit Brunei mengalir ke 'perut' luar. Ini belum lagi termasuk harga tambang, penginapan dan pengangkutan.

Begitu juga, nisbah ini, belum lagi termasuk mereka yang pergi ke negara jiran dengan menggunakan kenderaan sendiri. Kebiasaannya semasa musim cuti panjang, deretan kereta untuk keluar sempadan sehingga mencecah tiga ke lima kilometer jauhnya. Inilah sebenarnya senario orang kitani, sangat suka berbelanja di luar negara tanpa memperkirakan impak dan kesannya.

Sememang kita tidaklah ada kuasa menghalang rakyat negara ini keluar melancong. Semua itu menjadi hak mutlak masing-masing. Sesiapa pun tidak melarang apatah lagi untuk 'menahan' dari melancong. Cuma sekadar ingatkan agar kita tidak rugi dan menanggung kerugian di masa mendatang.

Jadi alangkah baiknya, duit itu dibelanjakan di dalam negara kita sendiri. Sententunya ekonomi negara akan meningkat serta 'purchasing power' akan lebih teguh. Perlu diingat semua barangan ada di sini, serba-sbi lengkap, tidak ada yang kurang. Cuma kalau yang kurang, barangan yang 'branded' dan jenama ternama yang menjadi igauan terutama sekali kepada anak-anak muda kita.

Jika semua jelama di negara ini memberikan prioriti melancong dalam negara sendiri, insya-Allah ekonomi negara akan terus mantap dan pengaliran 'duit Brunei' ke luar negara dapat dikawal.

Apapun alasannya, sudah sampai masanya bagi kita merenung bersama jauh ke hadapan dengan mengutamakan melancong dalam negara sendiri. Di pihak kerajaan juga sering menghimbau rakyat dan penduduk melancong dan membelanjakan di bumi Darussalam. Namun, semua itu tertakluk kepada budi bicara masing-masing. Semua orang mempunyai hak dan pilihan masing-masing. Tinggal lagi, bersamalah kita merenung dan memikirkan nasib bangsa dan negara sendiri.

SELAMAT BERCUTI DAN BERISTIREHAT

HASRAT NEGARA

ICT TINGKATKAN KEHIDUPAN MASYARAKAT

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

TERIMA kasih atas undangan untuk menghadiri perkumpulan yang berkebakikan ini.

Beta merasa sangat gembira mengalu-alukan para tetamu istimewa dan delegasi-delegasi ke Negara Brunei Darussalam.

Ia juga merupakan penghargaan kepada Majlis Wanita Brunei Darussalam sebagai tuan rumah Majlis Perhimpunan Agung Persekutuan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita ASEAN Kali Ke-12.

Beta juga ingin mengucapkan tahniah kepada Majlis atas kerja keras dan persiapan mereka dalam menjayakan Perhimpunan Agung ini.

Melihat tema Perhimpunan Agung kali ini ia memperlihatkan dengan jelas bahawa ACWO bersungguh-sungguh untuk memastikan peranannya relevan dengan isu-isu yang dihadapi oleh kaum wanita di rantau kita ini, terutama yang diwujudkan oleh globalisasi.

Globalisasi telah menjadi tarikan di alaf baru ini dan membawa bersamanya tarikan-tarikan yang lain termasuk 'Revolusi ICT', 'Dunia Tanpa Sempadan', 'Ekonomi Berasaskan Pengetahuan', 'e-Perdagangan' dan 'e-Kerajaan'.

Kita sering melihat globalisasi tertumpu dari segi cabaran terhadap ekonomi,

masyarakat, identiti keperibadian budaya dan cara hidup kita.

Untuk menangani cabaran-cabaran ini maka adalah sangat penting kita dapat mengurus kesannya kepada masyarakat.

Bagaimanapun, beta percaya kita juga perlu memberi perhatian yang sama memanfaatkan peluang-peluang yang ada seiring dengan cabaran-cabaran ini.

Sehubungan dengan ini, beta merasa gembira melihat perhimpunan pemimpin-pemimpin wanita, para akademik dan 'innovator', untuk membincangkan peluang-peluang yang terdapat dalam proses globalisasi.

Selain itu, Revolusi ICT juga membawa bersamanya kebebasan pengetahuan melalui saluran internet dan perkembangan pesat dalam perhubungan telefon bimbit.

Dua perkembangan asas dalam ICT ini telah menjana perubahan-perubahan yang mengagumkan terhadap kehidupan masyarakat di rantau kita dan cara-cara kehidupan kita berkomunikasi dan berinteraksi.

Keupayaan ICT ini telah meningkatkan kehidupan masyarakat di peringkat akar umbi dan juga menjadi alat yang berguna kepada kaum wanita di seluruh dunia.

Akses kepada ICT lebih memberi makna dari sekadar kos efektif perhubungan.

Ia juga bermakna akses kepada kos efektif pendidikan untuk semua peringkat masyarakat dan peluang-peluang yang baik kepada generasi muda untuk mencapai cita-cita ke tahap kehidupan yang tinggi.

Peluang-peluang ini hanya akan dapat dicapai melalui tindakan bersepadu oleh semua pihak yang terlibat dalam sektor awam dan swasta dengan peneraju utama agensi-agensi kerajaan, rakan kongsi NGO dan pemimpin-pemimpin sektor swasta di seluruh rantau.

Kesemua pihak yang terlibat sama ada dari sektor awam dan swasta, berkongsi cabaran dalam menyediakan keperluan persekitaran dan infrastruktur yang diperlukan untuk meraih kepentingan ICT.

Kerajaan hendaklah menyediakan keperluan asas pendidikan ICT kepada semua kanak-kanak serta peraturan dan dasar rangka kerja bagi pengamalan dan keselamatan penggunaan ICT dalam persekitaran komersial.

Sektor swasta sebaliknya mempunyai peranan penting dalam menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan yang boleh menjana dan menyokong persekitaran di mana penggunaan meluas ICT boleh mewujudkan kemakmuran.

Bagi NGOs, adalah menjadi tanggungjawab mereka sebagai peneraju idea-idea baru dan cara-cara meneruskan pengembangan penggunaan ICT



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam di Perasmian Perhimpunan Agung Persekutuan Pertubuhan Pertubuhan Wanita ASEAN (ACWO) Kali Ke-12 pada hari Jumaat, 25 Syawal 1427/17 November 2006 bertempat di Pusat Persidangan Antara-bangsa, Berakas.

dan untuk menterjemahkan penggunaan tersebut bagi meningkatkan tahap kehidupan semua masyarakat.

Sehubungan itu, beta mengharapkan kejayaan dalam perbincangan anda dan beta yakin perkumpulan ini akan berjaya dalam mencapai tujuan tema tahun ini, bagi membawa tahap kualiti kehidupan yang tinggi kepada semua komuniti di rantau ASEAN.

Semasa anda berada di sini, beta jua berharap anda akan mengambil peluang

dan merasakan layanan masyarakat Brunei Darussalam dan mengenali lebih mendalam mengenai kehidupan masyarakat dan cara hidup kami.

Dengan kalimah 'Bismillahir Rahmanir Rahim' beta sukacita merasmikan 'Perhimpunan Agung Persekutuan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita ASEAN (ACWO) Kali Ke-12'.

Wabillahir Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alai-kum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Konvokesyen Sekolah Rendah Yayasan

Oleh : Fa'ezah Hayati Haji Abdul Rahman

BERAKAS, Rabu, 29 November. - Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah telah mengadakan Majlis Mini Konvokesyen bagi murid-muridnya yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Berangkat ke majlis itu ialah cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Raqib.

Penyampaian sijil dan hadiah akademik di majlis berkenaan telah disempurnakan oleh Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Awang Abidin yang hadir selaku tetamu ke-

hormat di majlis berkenaan.

Kedua-dua cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hariisah Widatul Bolqiah adalah antara penerimanya.

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah menerima sijil dan hadiah di atas

kecemerlangan dalam bidang akademik dan terbaik dalam sivik, manakala Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hariisah Widatul Bolqiah pula menerima anugerah Pelajar Terbaik tahun ini selain sijil dan hadiah di atas kecemerlangan akademik, terbaik

dalam matematik dan terbaik dalam sivik.

Majlis itu turut disertai dengan beberapa persembahan pentas seperti tarian, drama dan nyanyian yang mana turut disertai oleh kedua-dua cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



KEDUA-DUA cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah (kiri) dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hariisah Widatul Bolqiah (kanan) ketika menerima sijil dan hadiah akademik dari Ahli Lembaga Pengarah YSSHB, Dr. Haji Awang Affendy. - Foto: Pg. Ibni Pg. Haji Hidup, Ak. Amirul Nizam Pg. Haji Mohd. Ali.

Santap malam meraikan YTM Putera Muqrin

BANDAR SERI BEGA-WAN, Selasa, 5 Disember - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan telah mengadakan jamuan santap malam bagi meraikan Yang Teramat Mulia Putera Muqrin bin Abdul Aziz Al-

Oleh: Bolhassan Haj Abu Bakar
bolhassan.abubakar@information.gov.bn
Foto: Haji Sahrin Haji Asmat

Saud dari Arab Saudi.

Berangkat sama di jamuan santap malam yang berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Ke-

menterian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Putera Abdul Aziz bin Bandar bin Abdul Aziz.

Yang Teramat Mulia Putera Muqrin bin Abdul Aziz berada di negara ini bagi lawatan dua hari.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan ketika berangkat ke Jamuan Santap Malam bagi meraikan Yang Teramat Mulia Putera Muqrin bin Abdul Aziz Al-Saud dari Arab Saudi.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan mengalu-alukan YTM Putera Muqrin bin Abdul Aziz Al-Saud, (kiri) dan seterusnya menerima mengadap sebelum Majlis Santap Malam (kanan).



Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri lawat China

BANDAR SERI BEGA-WAN, Selasa, 27 November 2006 - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan dan isteri berserta rombongan membuat lawatan kerja ke Beijing dan Shenzhen, Republik Rakyat China bermula 26 November hingga 1 Disember 2006 atas jemputan Tuan Yang Terutama Wang Qishan, Datuk Bandar Beijing.

Ia merupakan lawatan kerja yang berhubung kait dengan bidang tugas Kementerian itu khususnya mengenai hal ehwal perbandaran yang bertujuan untuk melihat secara lebih dekat lagi akan fungsi, peranan dan tanggungjawab Majlis Perbandaran Beijing dan Shenzhen termasuk perancangan Bandar Raya (city) dan kawasan Bandar (urban) serta aspek keselamatan selain menimba pe-

ngalaman mengenai perancangan kedua-dua bandar raya berkenaan.

Selain itu lawatan juga bertujuan mengeratkan lagi hubungan dua hala dan kerjasama yang sedia wujud khususnya di antara Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan beberapa rakan sejawat di Republik Rakyat China sambil bertukar-tukar maklumat, pandangan dan pengalaman serta mempelajari cara-cara untuk meningkatkan keberkesanan kementerian serta Lembaga Bandar Negara Brunei Darussalam.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan dan isteri mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Resepsi Hari Keputeraan Raja Thailand (kanan). - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

Resepsi Hari Keputeraan Raja Thailand

BERAKAS, Selasa, 5 Disember. - Thailand dan Negara Brunei Darussalam menubuhkan hubungan diplomatik sejak dalam tahun 1984 dan disusuli dengan perkembangan kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang termasuk promosi perdagangan, pelaburan, perikanan, kerjasama teknikal dan hubungan budaya.

Oleh: Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

Duta Besar Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Sornsilp Polteja's menyatakan perkara itu dalam ucapan alu-aluan sempena memperingati Hari Keputeraan Raja Thailand Raja Bhumibol Adulyadej Ke-79 tahun

dengan Majlis Resepsi Makan Malam yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Dengan adanya kerjasama itu jelas Tuan Yang Terutama akan dapat dipertingkatkan lagi bagi kepentingan kedua-dua ne-

gara. Thailand, katanya sentiasa menganggap Negara Brunei Darussalam sebagai rakan arkib di rantau ini.

"Hubungan antara rakyat kedua-dua negara lebih kukuh dan rapat dengan adanya keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri di Majlis Sambutan 60 tahun Raja Bhumibol Adulyadej Menaiki Takhta bulan Jun yang lalu telah menambahkan lagi kekukuhan hubungan antara kedua-dua keluarga di raja," ujarnya.

Di majlis itu TYT juga turut menjelaskan belakunya rampasan kuasa di Thailand pada 19 September yang lalu, melalui rampasan kuasa itu membuktikan pembaharuan undang-undang dan perintah awam yang mensasarkan pembaik-pulihan ekonomi gajah putih itu.

"Pasaran saham Thailand menjadi stabil bahkan kadar keyakinan juga tetap tinggi di mana Ke-

menterian Kewangan Thailand telah meningkatkan pertumbuhan ekonomi pada tahun 2006 kepada lima peratus dari 4.5 peratus, Kementerian Kewangan juga meraikan kenaikan dalam tahun 2007 antara empat dan lima peratus daripada antara 3.5 dan 4.5 peratus terhadap jangkaan pertumbuhan penggunaan domestik dan pelaburan," katanya.

Mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Resepsi itu, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan dan isteri.

Majlis Resepsi bermula dengan lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan dan diikuti dengan memotong kek Hari Keputeraan Raja Thailand. Majlis dimeriahkan dengan pelbagai persembahan pentas bercorak kebudayaan Thailand turut dipersembahkan termasuk tarian klasik dan tarian topeng Thailand.



MANTAPKAN PROGRAM KKC

RIMBA, Isnin, 6 November. - Sudah sampai masanya Perkhidmatan Awam (PA) di negara ini mengambil inisiatif untuk memantapkan lagi program Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) sejajar dengan tuntutan pelaksanaan wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21.

Antara langkah itu ialah memanfaatkan kemajuan teknologi infokomunikasi dan program e-Kerajaan dengan mewujudkan portal KKC yang akan berfungsi sebagai inisiatif berterusan Institut Perkhidmatan Awam (IPA) dalam memastikan program pembangunan KKC yang lebih mantap dan menyeluruh dengan pengkalan data yang sistematik dan komprehensif serta dapat dibangunkan supaya pengurusan KKC dapat dikemas kini dari masa ke semasa.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin berkata demikian ketika merasmikan Majlis Konvensyen KKC Peringkat Kebangsaan Ke-9 bagi 2006 di IPA.

Beliau berkata, penyediaan portal itu amat dinantikan oleh organisasi terutamanya masyarakat KKC dan seterusnya dapat memenuhi keperluan organisasi dalam mendapatkan maklumat yang komprehensif supaya pelaksanaan program KKC dapat dijalankan secara lebih bersestematik.

Melalui portal itu, tamabahnya, anggota PA berpeluang mengkaji dan menggunakan amalan terbaik yang dipraktikkan dalam

Oleh : Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin ketika berucap merasmikan Majlis Konvensyen KKC Peringkat Kebangsaan Ke-9. - Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman.

organisasi yang sudah berjaya dalam pengurusan projek KKC dan memudahkan perkongsian ilmu di antara komuniti KKC secara on-line.

Penyediaan portal itu juga katanya, akan mem-

bolehkan usaha mengkaji semula proses, prosedur dan sistem kerja yang sedia ada selain menyebarluaskan pengalaman serta fikiran yang inovatif yang dipraktikkan dalam organisasi masing-masing secara lebih meluas kepada jabatan lain dalam PA.

Beliau berkata inisiatif untuk mewujudkan anugerah fasilitator KKC tahunan kebangsaan perlu juga dipertimbangkan bagi tujuan menghargai peranan fasilitator KKC dalam meningkatkan dan menggalakkan penubuhan KKC seterusnya mengiktiraf penglibatan mereka dalam meningkatkan kualiti PA dalam agensi masing-masing.

"Perkhidmatan Awam hari ini dalam merealisasikan peranannya yang semakin kompleks dan mencabar akan terus berhadapan dengan tuntutan pelaksanaan kualiti dalam

penyampaian perkhidmatan dan produk.

"Perkhidmatan Awam kini sedang berhadapan dengan perubahan persekitaran yang dinamik dan harapan pelanggan yang semakin tinggi," jelasnya.

Untuk merealisasikan peranan PA dan memenuhi kehendak pelanggan katanya, Perkhidmatan Awam sudah tentu memerlukan pekerja yang berpengetahuan dan cekap dalam bidang masing-masing.

Beliau menjelaskan, teknik, alat dan disiplin yang diterapkan dalam pelaksanaan projek KKC mampu melatih dan mempersiapkan anggota kumpulannya meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi, kemahiran berfikir secara kritis, memiliki daya kreativiti yang dinamik serta menjadikan risiko dan pengambilan dasar sebagai suatu tugas sehingga mereka mempunyai motivasi dalaman yang tinggi.



TETAMU Kehormat Pertandingan Akhir Kuiz INFORAMA 2006, Dato Paduka Haji Sheikh Adnan bin Sheikh Mohammad menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang. - Foto : Pg. Ibtisam Pg. Haji Hidup.

Sekolah St. George, St. Andrews juara Kuiz Inforama 2006

Oleh : Fa'ezah Hayati Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 November. - Sekolah St. George muncul sebagai juara bagi Kategori Level I dan III, manakala Sekolah St. Andrews memenangi Kategori Level II dalam Pertandingan Akhir Kuiz Inforama 2006.

Bagi Level I tempat kedua dan ketiga ialah Sekolah Rendah Dato Marsal dan Sekolah Rendah Masin.

Sementara itu Maktab Anthony Abell mendapat tempat kedua dan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan di tempat ketiga bagi Kategori Level II.

Tempat kedua dan ketiga bagi Kategori Level III pula ialah Chung Hwa Middle School dan Sekolah St. Andrews.

Hadir selaku tetamu kehormat di pertandingan yang berlangsung di Dewan Raya Radio Televisyen Brunei (RTB) ialah Dato Paduka Haji Sheikh Adnan bin Sheikh Mohammad.

Juga hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dayang Apsah binti Haji Abdul Majid, Pengarah Sekolah-sekolah, pegawai-pegawai kanan, pengetua-petua dan guru-guru besar.

Projek INFORAMA 2006, merupakan projek tahunan Kementerian Pendidikan yang ditaja oleh Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn. Bhd.

Tujuan utama projek itu ialah bagi meningkatkan kesedaran terhadap pentingnya penggunaan ICT serta isu-isu yang berkaitan dengan teknologi maklumat di kalangan penuntut, guru-guru dan masyarakat.

Di samping itu ianya juga dapat dijadikan satu usaha untuk meningkatkan, memantapkan penggunaan ICT sebagai perhubungan alat elektronik dan pengendalian sistem maklumat.

Tema pertandingan INFORAMA pada tahun ini ialah 'ICT untuk kecekapan, kejayaan dan inovasi'.

Sumbangan 7 ribu untuk majalah Bahana

BERAKAS, Selasa, 7 November. - Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad (BSP), menyerahkan sumbangan wang \$7,000.00 bagi tajaan Kreatif Bahana kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang berlangsung di Dewan Patih Berbai di sini.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dr. Mataim bin Bakar menerima sumbangan tajaan itu daripada Penasihat Hal-Ehwal Luar Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn. Bhd., Awang Haji Zaini bin Haji Omar.

Pemberian hadiah Kreatif Bahana adalah salah satu projek tahunan Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka yang dikendalikan sejak tahun 1989.

BSP mula menaja projek ini pada tahun 1998 hinggalah sekarang.

Antara matlamat projek ini adalah sebagai usaha bagi mempertingkatkan lagi bahasa rasmi Negara Brunei Darussalam melalui kegiatan kesusasteraan dengan memilih dan menilai karya-karya penulis lelaki dan perempuan mengikut genre utama, iaitu cerpen dan puisi yang terbit di majalah Bahana tahun 2005 terbitan Dewan

Oleh : Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn

Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pada tahun 2005, sejumlah 40 buah cerpen yang dihasilkan oleh 27 orang penulis diterbitkan dalam majalah Bahana. Manakala dalam genre puisi pula terdapat 312 buah sajak diterbitkan hasil nukilan dari 71 penulis lelaki dan 48 penulis perempuan.

Sementara 14 buah pantun juga diterbitkan hasil dari 10 orang penulis dan dalam genre syair pula

sebanyak 18 buah diterbitkan hasil karya 14 orang penulis.

Turut hadir ke majlis berkenaan ialah Pemangku Timbalan Pengarah DBP, Dayang Aminah binti Haji Momin dan para pegawai serta kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Majlis penyampaian hadiahnya akan diadakan pada hari Khamis, 16 November di Balai Sarma-yuda, Dewan Bahasa dan Pustaka.



PENGARAH Dewan Bahasa dan Pustaka, Dr. Mataim bin Bakar ketika menerima sumbangan tajaan daripada Penasihat Hal Ehwal Luar Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn. Bhd., Awang Haji Zaini bin Haji Omar. - Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman.

Melangkah ke dunia kerjaya

Oleh : Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn

GADONG, Rabu, 15 November. - Sekolah Perdagangan telah menganjurkan forum kerjaya di dewan sekolah berkenaan dalam usaha memberi persediaan kepada para penuntut melangkah ke alam pekerjaan yang semakin mencabar.

Forum sehari itu bertemakan 'Melangkah Ke Dunia Kerjaya' dihadiri oleh kira-kira 80 orang

penuntut sekolah berkenaan dengan menampilkan empat orang penceramah undangan yang memberi panduan kepada penuntut untuk bersiap sedia memasuki alam pekerjaan.

Forum disampaikan oleh penceramah undangan termasuk dari Unit Kaunseling dan Bimbingan Bakat Kerja

Jabatan Sekolah-sekolah Dr. Ee Ah Meng; Pegawai Jabatan Buruh, Awang Hazmin bin Haji Hattat; Pengarah Program LiveWIRE, Pengiran Redzuan bin Pengiran Haji Abbas dan Penyelia Program Sekolah itu, Dayang Halimahtun Saadiah binti Haji Sulaiman.



DR. Ee Ah Meng, Pegawai dari Unit Kaunseling dan Bimbingan Bakat Kerja Jabatan Sekolah-Sekolah menyampaikan ceramah di forum sehari yang bertemakan 'Melangkah Ke Dunia Kerjaya' yang berlangsung di Dewan sekolah tersebut. - Foto : Ak. Amirul Nizam Pg. Mohd. Ali.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar ketika merasmikan bangunan Pejabat Pelabuhan Cawangan Kuala Belait.

PEJABAT PELABUHAN CAWANGAN KUALA BELAIT DIRASMIKAN

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

KUALA BELAIT, Sabtu, 25 November. - Suasana kerja yang lebih selesa akan dapat memberikan semangat dan dorongan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan untuk meningkatkan lagi prestasi dan produktiviti mereka, kata Pemangku Pengarah Pelabuhan, Haji Souyono Selamat.

Berucap di Majlis Pembukaan Rasmi Bangunan Pejabat Pelabuhan Cawangan Kuala Belait, beliau seterusnya menerangkan dengan siangnya bangunan tersebut semua agensi kerajaan yang mendukung operasi pelabuhan di daerah ini akan ditempatkan di bawah satu bumbung bagi

memudahkan segala urusan pengguna-pengguna pelabuhan.

Sebelum itu pejabat berkenaan dan agensi-agensi kerajaan yang mendukung operasi pelabuhan seperti Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Laut dan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan mempunyai pejabat mereka masing-masing di lokasi yang berlainan membuatkan pengguna-pengguna pelabuhan melakukan pengurusan ke beberapa pejabat untuk membuat formaliti pengurusan kargo dan kapal.

Bangunan tersebut dibuka rasmi oleh Menteri

Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar. Bangunan baru itu mula dibina pada 13 Mac 2004 dan siap pada 30 Jun lalu dengan harga hampir \$2 juta dan mempunyai kawasan seluas 1650 meter persegi.

Ianya dibekalkan sistem kawalan radio Jabatan Laut yang mempunyai keupayaan G.M.D.S.S untuk mengawal, memantau pergerakan kapal-kapal di perairan Sungai Belait dan kualanya serta meningkatkan tindak balas dalam sebarang insiden di laut dan di Sungai Belait.

Pamer sejarah dan cita-cita ASEAN

Oleh : Zahrani Haji Bojeng

JERUDONG, Selasa, 28 November. - Pelancaran Pameran Sudut ASEAN yang diusahakan di kebanyakan sekolah di negara ini memainkan peranan untuk memudahkan para penuntut di sekolah masing-masing mempelajari, memahami sejarah dan pembangunan semasa dan hasrat serta cita-cita bangsa-bangsa lain di rantau ini.

Pameran sudut ASEAN ini juga bertujuan untuk memberi maklumat dan pengetahuan kepada warga sekolah dan orang ramai mengenai negara-negara ASEAN, memberi kesedaran dan kepekaan kepada warga sekolah dan orang ramai akan adanya sudut ASEAN di sekolah ini serta menggalakkan sifat bekerjasama, bergotong-royong



PEGAWAI Tugas-tugas Khas di Kementerian Kebudayaan, Belaya dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Mahmud bin Haji Bakyr menyampaikan hadiah kepada salah seorang penuntut. - Foto: Pg. Rafee Pg. DP Haji Metassim.

dan bermuafakat di kalangan ahli.

Sehubungan dengan itu, Sekolah Menengah Sayyidina Hussein telah melancarkan Sudut ASEAN di Dewan Serbaguna sekolah tersebut yang telah disempurnakan oleh Pegawai Tugas-tugas Khas di Kementerian Kebudayaan, Belaya dan Sukan, Dato Paduka Haji Mahmud bin Haji Bakyr.

Sudut ASEAN juga antara lain bertujuan memberikan kesempatan kepada para pelajar, guru-guru, kakitangan sekolah dan orang ramai meluangkan masa untuk melawat dan menimba pengetahuan dari pameran sudut ASEAN bagi mengetahui tentang sosioekonomi, budaya, demografi dan lain-lain.

ASEAN diwujudkan bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi, kemajuan sosial dan perkembangan budaya serantau melalui kerjasama berasaskan semangat persamaan dan persahabatan ke arah masyarakat Asia Tenggara yang makmur dan aman selain untuk meningkatkan keamanan dan kestabilan berasaskan keadilan selaras dengan prinsip piagam Bangsa-Bangsa Bersatu.

Acara Pelancaran Sudut ASEAN Sekolah Menengah Sayyidina Hussein dimulakan dengan lagu kebangsaan diikuti dengan perarakan masuk bendera negara-negara ASEAN, persembahan koir dan tarian.

Di majlis tersebut tetamu kehormat juga menyampaikan hadiah-hadiah dan sijil serta melawat ke Pameran Sudut ASEAN.



SEKOLAH Menengah Sayyidina Hussein melancarkan Sudut ASEAN ke arah memperkenalkan sejarah dan perkembangannya. - Foto Pg. Rafee Pg. DP Haji Metassim.

Imbangi perubahan teknologi semasa

Oleh :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

KUALA BELAIT, Isnin, 20 November. - Dunia pendidikan tidak statik dan sentiasa berubah mengikut peredaran zaman oleh itu pendidik perlu mengimbangi dengan kehendak perubahan umpamanya cabaran-cabaran yang dibawa oleh arus teknologi masa kini, teknologi kejuruteraan, kurikulum teknikal dan industri.

Pemangku Pengetua Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah (MKJB), Cikgu Ibrahim Haji Abd. Rahman berkata demikian di Majlis Penyampaian Sijil dan Penghargaan Bagi Tenaga Pengajar Program Perkembangan di Foyer MKJB.

Sehubungan itu katanya Program Pembangunan Kakitangan (SDP) di kendalikan oleh maktab berkenaan dengan usaha sama Pusat Pembangunan Pembelajaran (LDCD), Brunei Shell bermula sejak bulan Mac tahun ini.

Beliau menambah MKJB telah mengambil langkah ke hadapan bagi memberikan pendedahan kepada beberapa orang tenaga pengajar baru, lepasan universiti mahupun lepasan Institut Teknologi Brunei (ITB) bagi menjalani program tersebut

dalam usaha meningkatkan pengalaman dan kemahiran mereka.

"Perhatian utama diberikan ke atas mereka untuk didedahkan dengan praktikal oriented selaras dengan kehendak kursus-kursus kejuruteraan yang ditawarkan masa ini yang menitikberatkan kemahiran praktikal di bidang masing-masing," ujarnya.

Sehubungan itu beliau berharap para tenaga pengajar akan menjadi generasi yang dinamik lagi berkemahiran serta mempunyai sikap kesedaran yang tinggi di samping mempunyai daya fikir yang proaktif.

Seramai 16 orang tenaga pengajar mengikuti program selama sembilan bulan itu, 13 orang daripada mereka dari maktab berkenaan dan dua dari Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah. Sijil disampaikan oleh Penolong Pengarah Pendidikan Teknik, Cikgu Noorhaizamin Haji Mosbi.

Program dijalankan pada waktu cuti-cuti semester dan setakat ini tiga bidang kejuruteraan telah

pun diserap dalam program berkenaan iaitu Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Elektrikal dan Kejuruteraan Peralatan dan Kawalan.

Dalam pada itu maktab tersebut juga sedang dalam peringkat perancangan untuk memperkembangkan kursus-kursus ke peringkat Higher National Diploma (HND) di bidang kejuruteraan tertentu.

Ke arah itu, kata Cikgu Ibrahim ianya memerlukan perancangan perkembangan tenaga pengajar yang kukuh sebelum pelaksanaannya dijalankan dengan harapan ianya akan dapat membekalkan tenaga pengajar dengan ilmu pengetahuan yang lebih luas serta mempunyai kemahiran yang banyak selaras dengan kehendak industri masa kini.

Program bertujuan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan proses pembelajaran di mana para pengajar dapat menunjukkan pengetahuan, kemahiran dan memahami konsep yang berhubung kait dengan teknologi.

Harga tenaga melonjak

Oleh : Maslina Awang Kurus

TUNGKU, Isnin, 27 November. - Tidak dinafikan, harga tenaga telah melonjak secara drastik beberapa tahun kebelakangan berikutan permintaan minyak yang tinggi dan suhu cuaca atmosfera yang kian meningkat di mana setiap orang berdepan dengan efisiensi penggunaan tenaga dalam persekitaran dan praktis perniagaan.

Sememangnya, potensi memanfaatkan pemeliharaan tenaga adalah sangat penting kerana ia berpotensi memberikan penjimatan kos di samping membantu meningkatkan daya saing syarikat.

Pengarah Perkhidmatan Elektrik, Awang Haji Aziz bin Abdul Hamid menyatakan demikian dalam teks ucapan yang dibacakan oleh Jurutera Kerja Kanan Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Awang Haji Ismail bin Putih pada Bengkel Mempromosi Keberkesanan dan Pemeliharaan Tenaga (PROMEEC) bagi Sistem Pengurusan Tenaga ASEAN yang berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam (IPA).

"Forum ini dapat dijayakan dengan adanya kerjasama antara kita dalam mempromosi keberkesanan dan pemeliharaan tenaga (PROMEEC) bagi sistem pengurusan tenaga ASEAN yang menerima respon membimbangkan dari pelbagai pihak yang terlibat termasuk pengusaha industri, pembuat dasar, pegawai kerajaan dan sebagainya", ujarnya.

Beliau mengharapkan, bengkel tersebut dapat menjadi forum yang signifikan ke arah pertukaran pengalaman dalam mencari jalan untuk memastikan elemen utama untuk mengurangkan penggunaan tenaga dan meningkatkan kebersihan alam sekitar.

Bengkel itu juga bertujuan untuk meneroka dan mencadangkan langkah-langkah bagi penggunaan tenaga yang efisien di Negara Brunei Darussalam dan rantau ini yang dapat menyumbang kestabilan pembekalan tenaga kepada Jepun.



BENGKEL ini bertujuan untuk meneroka dan mencari langkah-langkah bagi pengguna tenaga yang efisien. - Foto : Haji Sahrin Haji Asmat.

Menurutnya, para pengurus tenaga dan pengguna hari ini perlu mempunyai maklumat terkini mengenai teknologi tenaga terbaru ke arah memberikan lebih banyak bimbingan yang kos efektif, mesra tenaga serta komited dalam meneruskan usaha bagi kawalan penggunaan tenaga, penyebaran informasi dan kesedaran mengenai keja-

yaan dalam pelaksanaan pengurusan tenaga.

Bengkel tersebut diadakan selama dua hari di IPA dan dikendalikan oleh Bahagian Tenaga, Jabatan Perdana Menteri, Pusat Pemeliharaan Jepun (ECCJ), Pusat Tenaga ASEAN (ACE) serta Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri Jepun (METI).

BERKENAN MERASMIKAN PERSIDANGAN KEJURURAWATAN ANTARABANGSA

GADONG, Isnin, 4 Disember.- Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkih berkenan berangkat menyempurnakan perasmian Persidangan Kejururawatan Antarabangsa Dwi Tahunan Ke-7 di

Hotel Antarabangsa Rizqun, The Mall di sini.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman, Timbalan Menteri Pen-

didikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad dan ahli jawatankuasa penganjur.

Berangkat sama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah.

Di majlis itu YTM juga berkenan mengurniakan sabda perasmian dan menyempurnakan pengurniaan Anugerah 'Innovation' kepada seorang tenaga pengajar perbidanan, mengikuti penyampaian ucaptama dan menyaksikan pameran.

Anugerah 'Innovation' berupa wang tunai sebanyak \$1,000.00 dan plak kristal diterima oleh Pegawai Pelajaran, Dayang Hajah Jainah binti Haji Musa bagi mengenang jasa beliau sebagai tenaga pengajar dalam bidang perbidanan.

Ucaptama disampaikan oleh Profesor Kejururawatan dan Pengarah Eksekutif Joanna Briggs Institute, Universiti Adelaide, Australia, Profesor Alan Pearson.

Bagi memberkati majlis doa selamat dibacakan oleh Hakim Mahkamah

Oleh: Bolhassan Haj Abu Bakar
bolhassan.abubakar@information.gov.bn

Zahrani Haji Bojeng

Foto: Halim Haji Sulaiman

Tinggi Syariah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Sebanyak 40 kertas kerja dibentangkan oleh pembentang-pembentang dari dalam dan luar negeri pada persidangan dwi tahunan selama tiga hari yang disertai kira-kira 400 peserta terdiri dari tenaga pengajar,

jururawat, penuntut dan para peserta dari dalam dan luar negeri termasuk Malaysia, Republik Singapura, Republik Filipina, Republik Rakyat China dan Australia.

Sementara itu pameran disertai oleh beberapa buah agensi kerajaan dan swasta termasuk Kementerian Kesihatan, Jerudong Park Medical Centre (JPMC), Pusat Ehsan dan lain-lain.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkih menyaksikan pameran yang turut disertai oleh beberapa agensi kerajaan dan swasta (atas). Sementara gambar kanan YTM juga disertai oleh Paduka adinda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkih bersama adinda YTM juga berkenan menerima junjung ziarah dari mereka yang hadir di perasmian persidangan tersebut (kiri). YTM berkenan menyampaikan Anugerah 'Innovation' kepada Pegawai Pelajaran, Dayang Hajah Jainah binti Haji Musa (bawah).



YTM berkenan menerima cenderamata dari pihak penganjur (atas), sementara gambar kanan YTM juga berkenan menerima junjung ziarah dari para jururawat di persidangan tersebut.



KEMASYARAKATAN

YSHHB sumbang usaha sosial

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim ahmad.salim@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 November. - Yayasan Sultan Haji Hassan Bolkiah (YSHHB) menyampaikan sumbangan kewangan berjumlah B\$120,000.00 kepada dua buah badan sosial (NGO's) dan sebuah koperasi di negara ini.

Sumbangan disampaikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin yang berlangsung di Ibu Pejabat YSHHB, Jalan Kumbang Pasang di sini.

Persatuan Bagi Pengurusan Autisme Dalam Latihan, Pendidikan dan Sumber (SMARTER) menerima sumbangan sebanyak \$60,000.00. Dari jumlah tersebut \$50,000.00 sebagai sumbangan Yayasan bagi membantu membiayai pengurusan Persatuan SMARTER Brunei, manakala \$10,000.00 lagi merupakan sokongan Yayasan kepada persatuan tersebut untuk mengendalikan kegiatan-kegiatan yang dapat menghasilkan pendapatan persatuan.

Sumbangan berkenaan telah diterima oleh Yang Dipertua Persatuan SMARTER.

TER. Persatuan SMARTER Brunei merupakan persatuan bagi sekumpulan ibu bapa yang mempunyai anak yang autisme. Persatuan tersebut ditubuhkan sebagai satu pertubuhan bantuan ibu bapa dan ahli keluarga bagi anak-anak yang mempunyai masalah autisme.

Manakala Pusat Ehsan Kampong Bengkurong menerima \$50,000.00 sebagai sumbangan tahunan Yayasan kepada pusat berkenaan bagi tahun 2006. Yayasan telah memberikan sumbangan tahunan sebanyak \$50,000.00 setiap tahun kepada pusat tersebut sejak tahun 2001 dengan tujuan bagi memberi sokongan dalam mengendalikan perkhidmatannya.

Sumbangan diterima oleh Pemangku Lembaga Pemegang Amanah Kanan pusat tersebut, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin bin Abdul Wahab. Pusat tersebut merupakan sebuah badan bukan kerajaan yang berfungsi menyediakan perkhidmatan dan latihan kepada insan-insan istimewa yang kurang upaya dari segi anggota dan intelek untuk membolehkan mereka mencapai potensi ke tahap maksimum.

Manakala, Koperasi TASAMUL Mukim Lumapas menerima sumbangan \$10,000.00 sebagai sokongan Yayasan terhadap



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin menyerahkan sumbangan kepada Pemangku Lembaga Pemegang Amanah Kanan Pusat Ehsan Kampong Bengkurong, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin. - Foto : Pg. Ibtisam Pg. Haji Hidayat.

koperasi tersebut untuk mengendalikan dua sesi Skim Latihan Pra-Kerja TASAMUL.

Skim Latihan TASAMUL merupakan program latihan untuk belia-belia tempatan lepasan sekolah yang mencari pekerjaan sebagai asas kemahiran dan pengalaman untuk menuju ke alam pekerjaan sesuai dengan kebolehan, kemampuan dan kelulusan mereka. Sumbangan tersebut telah diterima oleh Pengerusi koperasi, Awang Haji Abdul Hakip bin Haji Burut.

Turut hadir di Majlis Penyerahan Sumbangan Kewangan itu ialah Pengarah Urusan dan sebahagian

Ahli-ahli Lembaga Pengarah serta pegawai-pegawai kanan YSHHB.

YSHHB sangat menyokong usaha-usaha badan-badan sosial seperti Persatuan SMARTER dan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajah Maryam yang telah mengambil inisiatif dalam menganjurkan program bagi membantu mempertingkatkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini khususnya bagi mereka yang kurang upaya dan kurang berkemampuan. Begitu juga usaha yang dikendalikan oleh Koperasi TASAMUL Mukim Lumapas yang telah mengendalikan program bagi belia juga dihargai.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad menyertai Walkaton KACA. - Foto : Pg. Ibtisam Pg. Haji Hidayat.

Walkaton kumpul dana KACA

Oleh : Aliddin Haji Moktal aliddin.moktal@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 November. - Persatuan KACA mengadakan walkaton sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-20 KACA yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di sini.

Walkaton itu antara lain bertujuan mengumpulkan dana bagi program dan aktiviti yang akan diadakan sempena ulang tahun persatuan itu.

Atur cara majlis dimulakan dengan senaman aerobik yang kemudiannya diikuti dengan acara walkaton sejauh dua kilometer yang bermula dan berakhir di Taman Haji

Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin dan didahului oleh Tetamu Kehormat, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud.

Ahli KACA kini adalah seramai 531 orang dari seluruh daerah dan ia mempunyai dua buah pusat, iaitu di daerah ini dan di Daerah Tutong.

IIT sumbang untuk dana

Oleh : Abu Bakar Haji Abd. Rahman

bakar.rahman@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 10 November. - Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim menerima sumbangan \$10,000.00 daripada Insurans Islam TAIB (IIT) pada Majlis Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2006 berlangsung di Pejabat Eksekutif Insurans Islam TAIB di sini.

Hadir menyerahkan sumbangan tersebut ialah Timbalan Menteri Pembangunan yang juga Pengerusi Perbadanan TAIB, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny bin Haji

Hussein kepada Ketua Pegawai Eksekutif Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim, Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim bin Haji Daud.

Sehingga kini seramai 1,700 orang anak yatim berdaftar dengan Sekretariat Dana dan mengikuti Pelan Takaful Siswa bagi anak-anak yatim di IIT.

Majlis pagi itu diselenggarakan dengan penyerahan cenderahati kepada anak-anak yatim yang berdaftar di bawah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah dan dilindungi



TIMBALAN Menteri Pembangunan yang juga Pengerusi TAIB, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny menyampaikan sumbangan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim, Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim. - Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman.

di bawah Pelan Takaful Siswa bagi anak-anak yatim yang berupa bawcer makanan 'Ideal Cash Meal Voucher'.

Pada sebelah petang IIT juga mengadakan rumah terbuka bagi pelanggan-pelanggan korporat dan rakan-rakan niaga.

Pusat Ehsan sambut Hari Raya

Oleh : Aliddin Haji Moktal

aliddin.moktal@information.gov.bn

BENGKURONG, Jumaat, 17 November. - Kemeriahan Hari Raya masih dapat dirasakan walaupun sudah meninggalkan bulan Syawal namun ahli-ahli Pusat Ehsan di Kampong Bengkurong telah diraikan oleh Kelab Rotary.

Menurut Pengarah Perkhidmatan Kemasyarakatan Ricky Ng, majlis itu diadakan sebagai salah satu projek perkhidmatan kemasyarakatan dan kelab itu bekerjasama dengan Pusat Ehsan sejak dahulu untuk menyokong keperluan pusat berkenaan.

Beliau juga mengatakan kelab itu akan menghantar 15 buah kerusi roda kepada pusat berkenaan.

Hadir pada majlis itu ialah Pemangku Lembaga Pemegang Amanah Kanan Pusat Ehsan, Kampong Bengkurong, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin bin Abdul Wahab dan Pemegang Amanah Eksekutif Lembaga Pemegang Amanah Pusat Ehsan, Datin Hajah Noraini binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin.

WI bantu kerajaan, masyarakat

Berita dan Foto : Noraisah Mohammad

TUTONG, Jumaat, 10 November. - Pertubuhan Perikumpulan Wanita Negara Brunei Darussalam (WI) tidak ketinggalan memberikan kerjasama dan komitmen yang baik kepada pihak kerajaan dan sektor swasta termasuk memberikan sumbangan berupa kewangan kepada anak-anak yatim, mangsa-mangsa bencana alam dalam dan luar negara.

Selain dari itu WI juga terlibat dalam sama-sama menjaga kesihatan rohani dan jasmani serta tidak ketinggalan menyahut seruan kerajaan dengan mengadakan dan menjalankan aktiviti sukan seperti bermain badminton, bersenam, walkaton, bermain bola jaring dan sebagainya.

Yang Dipertua WI, Dayang Hajah Marhani binti Abdul Latif menyatakan perkara tersebut ketika

berucap pada Majlis Ramah Mesra Sempena Hari Raya Aidilfitri kelolaan WI Cawangan Daerah Tutong berlangsung di Dewan Seri Kenangan Kompleks Dewan Kemasyarakatan di sini.

Beliau juga berbesar hati dengan inisiatif yang ditunjukkan oleh ahli-ahli yang sangat-sangat menggalakkan itu membuktikan betapa sifat kerjasama, prihatin, hormat-menghormati di kalangan ahli tetap kukuh sambil menekankan sifat sedemikian sangat penting dan mustahak serta perlu dikekalkan sampai bila-bila masa.

Kehadiran para belia dan remaja di majlis itu tegasnya, juga sangat membanggakan dan membuktikan bahawa WI bukan hanya dimonopoli oleh warga veteran malah diserai oleh para belia dan belia-

wanis yang sudi turut sama melibatkan diri dalam kegiatan berkegiatan untuk pembangunan diri dan juga masyarakat.

Di kesempatan itu beliau juga menyentuh penglibatan serta komitmen WI dalam sama-sama berganding tangan untuk membangun dan memberi sumbangan kepada masyarakat, seperti menjalankan aktiviti membuat kuih-muih, menjual sambil beramal di bulan Ramadan, membaca Al-Qur'an, berzikir, memberi ceramah-ceramah berbentuk motivasi, keagamaan, kesihatan, akhlak dan lain-lain lagi.

Majlis juga dihadiri oleh tetamu kehormat isteri Pegawai Daerah Tutong, Dayang Hajah Rokiah binti Mohammad dan Presiden ACWW Dato Ursula Goh serta rombongan WI Miri yang juga berkesudian menghiburkan hadirin.



YANG Dipertua Pertubuhan Perikumpulan Wanita (WI) Negara Brunei Darussalam, Dayang Hajah Marhani binti Haji Abdul Latif bersama para tetamu pada Majlis Ramah Mesra Sempena Hari Raya Aidilfitri di Dewan Seri Kenangan.



AHLI-AHLI Pusat Ehsan menerima sumbangan semasa Majlis Sambutan Hari Raya. - Foto : Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.

PENGAL-PENGAL PERSEKOLAHAN DAN HARI-HARI KELEPASAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM TAHUN 2007

BULAN / HARI	I	S	R	K	J	S	A	I	S	R	K	J	S	A	I	S	R
JANUARI <i>Zulhijah / Muharam</i>	1 11	2 12	3 13	4 14	5 15	6 16	7 17	8 18	9 19	10 20	11 21	12 22	13 23	14 24	15 25	16 26	17 27
FEBRUARI <i>Muharam / Safar</i>				1 13	2 14	3 15	4 16	5 17	6 18	7 19	8 20	9 21	10 22	11 23	12 24	13 25	14 26
MAR <i>Safar / Rabiulawal</i>				1 11	2 12	3 13	4 14	5 15	6 16	7 17	8 18	9 19	10 20	11 21	12 22	13 23	14 24
APRIL <i>Rabiulawal / Rabiulakhir</i>							1 13	2 14	3 15	4 16	5 17	6 18	7 19	8 20	9 21	10 22	11 23
MEI <i>Rabiulakhir / Jamadilawal</i>		1 13	2 14	3 15	4 16	5 17	6 18	7 19	8 20	9 21	10 22	11 23	12 24	13 25	14 26	15 27	16 28
JUN <i>Jamadilawal / Jamadilakhir</i>					1 15	2 16	3 17	4 18	5 19	6 20	7 21	8 22	9 23	10 24	11 25	12 26	13 27
JULAI <i>Jamadilakhir / Rejab</i>							1 16	2 17	3 18	4 19	5 20	6 21	7 22	8 23	9 24	10 25	11 26
OGOS <i>Rejab / Syaaban</i>			1 17	2 18	3 19	4 20	5 21	6 22	7 23	8 24	9 25	10 26	11 27	12 28	13 29	14 30	15 31
SEPTEMBER <i>Syaaban / Ramadan</i>						1 19	2 20	3 21	4 22	5 23	6 24	7 25	8 26	9 27	10 28	11 29	12 30
OKTOBER <i>Ramadan / Syawal</i>	1 19	2 20	3 21	4 22	5 23	6 24	7 25	8 26	9 27	10 28	11 29	12 30	13 1	14 2	15 3	16 4	17 5
NOVEMBER <i>Syawal / Zulkaedah</i>				1 20	2 21	3 22	4 23	5 24	6 25	7 26	8 27	9 28	10 29	11 1	12 2	13 3	14 4
DISEMBER <i>Zulkaedah / Zulhijah</i>						1 21	2 22	3 23	4 24	5 25	6 26	7 27	8 28	9 29	10 30	11 1	12 2

PENGAL-PENGAL PERSEKOLAHAN

PENGAL I	-	Mulai Hari Rabu 3 Januari hingga Hari Khamis 15 Mac, 2007 bersamaan 13 Zulhijah, 1427 hingga 25 Safar, 1428	49 hari
PENGAL II	-	Mulai Hari Isnin 26 Mac hingga Hari Sabtu 9 Jun, 2007 bersamaan 7 Rabiulawal hingga 23 Jamadilawal, 1428	53 hari
PENGAL III	-	Mulai Hari Isnin 25 Jun hingga Hari Khamis 6 September, 2007 bersamaan 10 Jamadilakhir hingga 24 Syaaban, 1428	52 hari
PENGAL IV	-	Mulai Hari Isnin 17 September hingga Hari Khamis 29 November, 2007 bersamaan 5 Ramadan hingga 19 Zulkaedah, 1428	46 hari

Jumlah : 200 hari

CUTI-CUTI PENGAL PERSEKOLAHAN

PENGAL I	-	Mulai Hari Jumaat 16 Mac hingga Hari Ahad 25 Mac, 2007 bersamaan 26 Safar hingga 6 Rabiulawal, 1428	10 hari
PENGAL II	-	Mulai Hari Ahad 10 Jun hingga Hari Ahad 24 Jun, 2007 bersamaan 24 Jamadilawal hingga 9 Jamadilakhir, 1428	15 hari
PENGAL III	-	Mulai Hari Jumaat 7 September hingga Hari Ahad 16 September, 2007 bersamaan 25 Syaaban hingga 4 Ramadan, 1428	10 hari
Cuti Khas Bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri	-	Mulai Hari Rabu 10 Oktober hingga Hari Jumaat 19 Oktober, 2007 bersamaan 28 Ramadan hingga 7 Syawal, 1428	10 hari
PENGAL IV	-	Mulai Hari Jumaat 30 November hingga Hari Isnin 31 Disember, 2007 bersamaan 20 Zulkaedah hingga 21 Zulhijah, 1428	32 hari

Jumlah : 77 hari

TARIKH-TARIKH PEPERIKSAAN BAGI TAHUN 2007

4 Januari – 8 Januari, 2007	Peperiksaan Ulangan Penilaian Sekolah Rendah
8 Mei – 13 Jun, 2007	Peperiksaan Brunei-Cambridge G.C.E. 'O' Level (Jun)
14 Mei – 15 Jun 2007	Peperiksaan Brunei-Cambridge G.C.E. 'A' Level (Jun)
4 Oktober – 9 Oktober, 2007	Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah
20 Oktober – 27 Oktober, 2007	Penilaian Menengah Bawah
16 Oktober – 21 November, 2007	Peperiksaan Brunei-Cambridge G.C.E. 'O' Level (Okt/Nov)
12 Oktober – 21 November, 2007	Peperiksaan Brunei-Cambridge G.C.E. 'AS' dan 'A' Level (Okt/Nov)
24 Ogos dan 26 Ogos, 2007	Peperiksaan Pemilihan Calon ke Sekolah Arab
21 November – 29 November, 2007	Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Dh VI
22 September – 9 Oktober, 2007	Peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama
22 September – 9 Oktober, 2007	Peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama

	KELEPASAN AWAM
	CUTI PENGAL-PENGAL PERSEKOLAHAN
	JUMAAT DAN AHAD
	TARIKH-TARIKH PEPERIKSAAN BAGI TAHUN 2007

*Hari Raya Aidiladha

Awal Tahun Masihi 2007

*Awal Tahun Hijrah 1428

Tahun Baru Cina

Hari Kebangsaan
Negara Brunei
Darussalam ke-23

Maulud Nabi
Muhammad SAW

Hari Ulang Tahun
Angkatan Bersenjata
Diraja Brunei

*Tertakluk kepada perubahan

AWAM BAGI SEKOLAH-SEKOLAH DAN MAKTAB-MAKTAB 2007 MASIHI / 1427 & 1428 HIJRAH

J	S	A	I	S	R	K	J	S	A	I	S	R	K	J	S	A	I	S
19 29	20 1	21 2	22 3	23 4	24 5	25 6	26 7	27 8	28 9	29 10	30 11	31 12						
16 26	17 29	18 30	19 1	20 2	21 3	22 4	23 5	24 6	25 7	26 8	27 9	28 10						
16 26	17 27	18 28	19 29	20 1	21 2	22 3	23 4	24 5	25 6	26 7	27 8	28 9	29 10	30 11	31 12			
13 25	14 26	15 27	16 28	17 29	18 30	19 1	20 2	21 3	22 4	23 5	24 6	25 7	26 8	27 9	28 10	29 11	30 12	
18 1	19 2	20 3	21 4	22 5	23 6	24 7	25 8	26 9	27 10	28 11	29 12	30 13	31 14					
15 29	16 1	17 2	18 3	19 4	20 5	21 6	22 7	23 8	24 9	25 10	26 11	27 12	28 13	29 14	30 15			
13 26	14 29	15 30	16 1	17 2	18 3	19 4	20 5	21 6	22 7	23 8	24 9	25 10	26 11	27 12	28 13	29 14	30 15	31 16
17 4	18 5	19 6	20 7	21 8	22 9	23 10	24 11	25 12	26 13	27 14	28 15	29 16	30 17	31 18				
14 2	15 3	16 4	17 5	18 6	19 7	20 8	21 9	22 10	23 11	24 12	25 13	26 14	27 15	28 16	29 17	30 18		
19 7	20 8	21 9	22 10	23 11	24 12	25 13	26 14	27 15	28 16	29 17	30 18	31 19						
16 6	17 7	18 8	19 9	20 10	21 11	22 12	23 13	24 14	25 15	26 16	27 17	28 18	29 19	30 20				
14 4	15 5	16 6	17 7	18 8	19 9	20 10	21 11	22 12	23 13	24 14	25 15	26 16	27 17	28 18	29 19	30 20	31 21	

HARI-HARI KELEPASAN AWAM

Isnin 16 Julai, 2007 / 11 Zulhijah, 1427 sebagai ganti Isnin 15 Julai, 2006 / 10 Zulhijah, 1427	Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-61	- Hari Isnin 16 Julai, 2007 / 1 Rejab, 1428 sebagai ganti Hari Ahad 15 Julai, 2007 / 30 Jamadilakhir, 1428
Isnin 16 Julai, 2007 / 12 Zulhijah, 1427 sebagai ganti Isnin 15 Julai, 2007 / 11 Zulhijah, 1427	*Israk Mikraj	- Hari Sabtu 11 Ogos, 2007 / 27 Rejab, 1428
Isnin 16 Julai, 2007 / 1 Muharam, 1428	*Awal Ramadan	- Hari Khamis 13 September, 2007 / 1 Ramadan, 1428
Isnin 16 Julai, 2007 / 1 Safar, 1428 sebagai ganti Isnin 15 Julai, 2007 / 30 Muharam, 1428	*Memperingati Nuzul Al-Quran	- Hari Sabtu 29 September, 2007 / 17 Ramadan, 1428
Isnin 16 Julai, 2007 / 6 Safar, 1428 sebagai ganti Isnin 15 Julai, 2007 / 5 Safar, 1428	*Hari Raya Aidilfitri 1426	- Hari Sabtu dan Hari Isnin 13 dan 15 Oktober, 2007 / 1 dan 3 Syawal, 1428 sebagai ganti Hari Ahad 14 Oktober, 2007 / 2 Syawal, 1428
Isnin 16 Julai, 2007 / 12 Rabiulawal, 1428	*Hari Raya Aidiladha	- Hari Khamis 20 Disember, 2007 / 10 Zulhijah, 1428
Isnin 16 Julai, 2007 / 14 Jamadilawal, 1428	Hari Krismas	- Hari Selasa 25 Disember, 2007 / 15 Zulhijah, 1428

KESIHATAN



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bersama jururawat dari pelbagai kepakaran di Kementerian Kesihatan, ABDB, Gleaneagles - JPMC dan Pusat Kesihatan Panaga semasa menghadiri Majlis Pembukaan Kursus Pengajar bagi Doktor dan Jururawat serta Pembekal Alat Bantuan Jantung Lanjutan Kebangsaan Kali Pertama (ACLS) yang berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam (IPA). - Foto : Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.

Sikap inovatif atasi segala masalah

BERAKAS, Ahad, 19 November. - Ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan, Kementerian Kesihatan baru-baru ini melancarkan Skim Penjana Idea Inovatif (SPIN).

SPIN dihasratkan bagi mencari kaedah baru atau inovatif dalam perkhidmatan dan menghadapi masalah-masalah yang dihadapi kerana ia mempunyai pengaruh penyampaian dan kualiti perkhidmatan.

Hanya dengan azam yang kuat dan kerjasama yang tinggi dan dengan menjalankan tugas dengan penuh semangat, insya-Allah akan dapat mengatasi apa jua masalah yang dihadapi.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman berkata demikian di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Menurut Yang Berhormat lagi, sebarang masalah yang dihadapi dengan usaha gigih akan dapat diatasi sedikit demi sedikit, walau bagaimanapun jika terdapat rancangan atau tuntutan kerja dan tugas yang masih belum terlaksana hendaklah diusahakan dengan sebaiknya.

"Kita telah berjaya mengharungi ancaman kejadian penyakit-penyakit berjangkit, sejak awal tahun ini, kita telah dilanda wabak Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut. Wabak (HFMD) ini telah menguji keupayaan Kementerian Kesihatan, khususnya dalam aspek menangani wabak penyakit-penyakit berjangkit," jelasnya.

Yang Berhormat seterusnya berkata, kejadian wabak (HFMD) telah dapat dikawal dengan berkesan, pada bulan ini hingga 16 November sebanyak 29 kes telah dilaporkan, jika dibandingkan dengan bulan Oktober sebanyak 100 kes dan bulan September 217 kes.

Pencapaian tersebut kata Yang Berhormat adanya kerjasama yang bersepadu dari semua pihak yang terlibat terutamanya pegawai dan kakitangan kementerian, pihak sekolah, media dan kementerian-kementerian kerajaan yang lain.

Dalam pada itu Yang Berhormat juga meningkatkan tentang meningkatkan kes-kes penyakit kronik di kalangan penduduk di negara ini seperti penyakit jantung, kanser, diabetes dan penyakit buah pinggang yang

membawa punca kematian paling tinggi di negara ini.

Sehubungan itu, Yang Berhormat berharap semua mesej yang telah kita sampaikan melalui jerayawara ke mukim-mukim dan daerah, melalui kaca televisyen, media cetak, poster dan risalah dapat memberi kesan kepada orang ramai untuk menjaga kesihatan sebagai tanggungjawab bersama.

Majlis dimeriahan dengan pelbagai persembahan termasuk persembahan nyanyian daripada ahli-ahli jawatankuasa sambutan membuka tirai persembahan dengan mendendangkan lagu Selamat Hari Raya, kemudian diikuti dengan nyanyian solo

daripada pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan.

Apa yang menarik dalam sambutan itu pertandingan pameran resipi-resipi sihat yang dibukakan kepada semua jabatan dan bahagian kecuali Bahagian Pemakanan Masyarakat dan Bahagian Diabetik Hospital-hospital.

Setiap jabatan dan bahagian yang menyertai pertandingan dikehendaki menyediakan tiga jenis hidangan sahaja yang wajib iaitu minuman sihat, dessert (pencuci mulut) berasaskan pisang dan hidangan utama yang berasaskan pasta atau mi atau nasi. Penghakiman bagi per-

21 peratus meninggal dunia kerana penyakit jantung

RIMBA, Ahad, 29 Oktober. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi berkata penyakit jantung koronari merupakan penyebab kedua kematian di negara ini selepas penyakit kanser iaitu kira-kira 21 peratus kematian pada tahun 2005.

Menurut Yang Berhormat sejak lima tahun kebelakangan ini iaitu 2001 - 2005, dianggarkan kira-kira 700 kematian setiap tahun disebabkan penyakit jantung dan yang berhubungan dengannya dan jumlah itu adalah tinggi selaras dengan angka yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang menyatakan penyakit jantung koronari adalah penyebab kematian tertinggi di Asia

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

tandingan ini diakhiri ketika berlangsung sambutan Hari Raya.

Pertandingan kumpulan turut diadakan di mana setiap kumpulan mempersembahkan nyanyian, lawak jenaka, tarian dan lagu-lagu 50-an dan 60-an. Dalam pertandingan tersebut sebanyak enam kumpulan mengambil bahagian terdiri dari Gabungan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam Temburong, Gabungan Kementerian Kesihatan, Hospital Suri Seri Begawan, Hospital Pengiran Muda Mahkota Haji Al-Muhtadee Billah Tutong dan Gabungan Jabatan Perkhidmatan Perubatan.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

Tenggara berbanding di Eropah.

Yang Berhormat menyatakan perkara tersebut semasa merasmikan Kursus Pengajar Bagi Doktor dan Jururawat Serta Pembekal Alat Bantuan Jantung Lanjutan Kebangsaan Kali Pertama (ACLS) di Institut Perkhidmatan Awam di sini.

Di majlis itu, Yang Berhormat melahirkan perasaan gembira atas usaha berkerjasama Jabatan Perkhidmatan Perubatan melalui bahagian kemalangan dan kecemasan dan penjagaan kritikal dalam menganjurkan kursus ACLS itu dengan matlamat untuk melatih jururawat dan pelatih perubatan membantu pesakit untuk terus hidup ketika mengalami serangan jantung peringat pertama.

Dalam hubungan itu, Yang Berhormat berharap agar Pusat Pemulihan Kebangsaan akan terus menjadi penyumbang utama dalam program bantuan seperti ACLS, PALS dan ATLS bagi doktor-doktor dan jururawat.

Jelas Menteri Kesihatan selain daripada profesional penjagaan kesihatan, adalah penting bagi orang ramai untuk mempelajari pemulihan kardiopulmonari (CPR), kemahiran penting dalam menyelamatkan nyawa.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat percaya ia menjadi cabaran global paling cepat kepada semua di mana dalam keadaan ini CPR dan kemahiran ACLS amat diperlukan.

Menyentuh mengenai Pusat Pemulihan Kebangsaan Yang Berhormat berharap ia akan terus menjadi pembekal kepada program bantuan hidup bagi doktor dan jururawat di negara ini, di samping kementerannya bercadang untuk menubuhkan Unit Tindakan Kecemasan Kesihatan selaras dengan usaha antarabangsa dan serantau dalam merumus strategi persediaan berkesan bertujuan untuk meningkatkan keupayaan tindak balas terutama dalam saat menghadapi bencana kebangsaan.

Kementerian Kesihatan melalui hospital, klinik kesihatan dan kakitangan kesihatan boleh memainkan peranan masing-masing dan pada masa yang sama mengurangkan kesan negatif terhadap kesihatan.

Kursus tersebut disertai oleh doktor-doktor dan jururawat-jururawat dari pelbagai kepakaran di Kementerian Kesihatan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Gleaneagles-JPMC dan Pusat Kesihatan Panaga.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi semasa berucap di pembukaan kursus tersebut.

Seramai lapan orang tenaga pengajar dari Rumah Sakit Tan Tock Seng Republik Singapura telah diundang dalam kursus berkenaan dan di atas kerjasama mereka itu diharap kedua-dua organisasi akan terus bekerjasama pada masa akan datang.

Antara yang hadir di majlis perasmian itu ialah Timbalan Menteri Kesihatan, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair, Pesuruhjaya Tinggi Singapura di negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Joseph Koh dan Dato Paduka Awang Haji Serbini. Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan.

Bekerjasama pantau kesihatan awam

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

GADONG, Rabu, 15 November. - Pemangku Menteri Kesihatan, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair berkata selain daripada kejadian wabak penyakit berjangkit, kesihatan awam di rantau ini juga tidak terlepas daripada ancaman pelanggaran keselamatan dan kualiti makanan serta ubat-ubatan yang berlegar di rantau ini.

Untuk mengekalkan kesedaran yang tinggi, kata Yang Dimulikan negara-negara anggota, Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia, Republik Singapura dan Thailand (BIMST) hendaklah terus bekerjasama dalam memperkukuhkan keupayaan masing-masing dalam memantau, mengawal dan memata-matai produk-produk yang tidak selamat.

Sebagai tambahan mekanisme pertukaran maklumat dan tindakan-tindakan bersama yang lain sudah sedia ada bagi memastikan keselamatan dan kualiti makanan dan ubat-ubatan perlu untuk terus diperkukuhkan, tambah Yang Dimulikan.

Kumpulan berkenaan, ujar Yang Dimulikan mungkin perlu untuk memikirkan bagi mempromosikan bidang-bidang baru kerjasama yang erat selanjutnya. Yang Dimulikan berucap demikian ketika merasmikan Persidangan Kesihatan Awam BIMST Ke-12 berlangsung di The Rizqun International Hotel di sini.

"Kesihatan awam juga diancam oleh bencana sama ada secara alami atau buatan manusia termasuk

tsunami, gempa bumi dan kejadian jerebu yang melanda rantau ini. Kita mesti terus mengekalkan dalam usaha kita untuk mencegah, di mana perlu dan untuk mengurangkan kesan daripada fenomena sedemikian. Ini boleh dilakukan melalui kerjasama antara sempadan dan menyediakan bantuan apabila diperlukan," jelas Yang Dimulikan.

Persidangan dua hari itu bertemakan 'Menggiatkan Tindak Balas Serantau Terhadap Ancaman Kesihatan Awam Yang Muncul Melalui Pembinaan Keupayaan' diadakan selama dua hari dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Intan binti Haji Salleh.

Yang Dimulikan seterusnya menjelaskan dalam menangani semua isu kesihatan awam, perundangan kebangsaan juga memainkan peranan yang amat penting dalam membantu penguatkuasaan dan penilaian semula langkah-langkah pencegahan dan pengawalan.

Dalam hal isu kesihatan sempadan kata Yang Dimulikan, langkah-langkah yang diambil hendaklah sejajar dengan Peraturan Kesihatan Antarabangsa Yang Telah Dikaji Semula 2005 yang memerlukan keupayaan utama yang minima dalam bentuk infrastruktur, tenaga kerja yang terlatih dan sumber yang seharusnya ada.

Yang Dimulikan yakin persidangan tersebut akan dapat dijadikan sebagai satu bidang perbincangan bagi

pengukuhan keupayaan utama negara-negara anggota BIMST.

Di antara perkara-perkara yang dibincangkan sepanjang persidangan itu termasuk menyemak semula laporan dan sokongan-sokongan Persidangan Kesihatan Awam BIMST ke-11 yang diadakan di Thailand pada tahun lepas dan laporan dari negara-negara BIMST.

Di samping itu persidangan juga akan menumpukan perbincangan isu-isu kesihatan mengenai empat perkara termasuk penyakit-penyakit berjangkit, kesihatan alam sekitar, keselamatan makanan dan kawalan ubat-ubatan dengan menekankan kepentingan isu-isu kesihatan sempadan.

Kira-kira 70 orang delegasi dan pemerhati menghadiri sidang tersebut. Negara Brunei Darussalam diwakili oleh seramai tujuh orang delegasi yang diketuai oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Intan.

Persidangan Kesihatan Awam BIMST diadakan setiap tahun dan dianjurkan oleh lima buah negara (Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia, Republik Singapura dan Thailand) secara bergilir-gilir.

Persidangan itu diharapkan akan dapat mencapai matlamat yang dihasratkan dan seterusnya memperkukuhkan lagi kerjasama di bidang kesihatan bagi kelima-lima buah negara ASEAN yang terlibat.



PEMANGKU Menteri Kesihatan, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair ketika merasmikan Persidangan Kesihatan Awam Brunei, Republik Indonesia, Malaysia, Republik Singapura, Thailand (BIMST) Ke-12 di The Rizqun International Hotel. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

INFO KESIHATAN

KENAPAKAH KESIHATAN JANTUNG PERLU DI JAGA?

Dengan menjaga kesihatan jantung awda, awda akan merasa lebih cergas, bertenaga dan kelihatan lebih sihat - juga seterusnya mengawal diri awda dari penyakit jantung.

APAKAH SEBAB-SEBAB BERLAKUNYA PENYAKIT JANTUNG?

Jantung awda memerlukan oksigen yang mana dibekalkan melalui pembuluh-pembuluh darah awda. Dari tahun ke setahun pembuluh darah tersebut boleh semakin berselaput dan tersumbat menyebabkan berhentinya bekalan oksigen kepada jantung awda. Inilah yang menyebabkan serangan jantung. (Sumber : Risalah Kementerian Pendidikan).

Memasarkan produk seni tempatan

'Semua pihak perlu membantu karyawan dan pencipta kita'

PRODUK Seni merangkumi pelbagai hasil karya atau ciptaan oleh pencipta yang berbakat. Ia berupa ciptaan berbentuk objek seperti hasil pertukangan dan kraf tangan, ukiran atau lukisan dan seumpamanya. Seni juga dihasilkan berbentuk karya tulisan seperti sajak, nyanyian, muzik, skrip lakonan dan banyak lagi.

Kini produk seni bukan sekadar dicipta secara tradisinya untuk kegunaan dan koleksi simpanan peribadi, dijual secara kecil-kecilan atau hanya sebagai hobi semata-mata. Seiring perubahan masa hasil seni sudah melangkaui sebagai produk industri yang boleh mendatangkan hasil yang lumayan kepada penciptanya.

Di negara ini sebilangan produk seni tempatan kita juga tidak kurang hebatnya dan mempunyai nilai seni serta keunikannya tersendiri. Dari segi perkembangannya pula ia nian kian hari semakin pesat dan menonjol.

Perkembangan tersebut merupakan sesuatu yang sangat baik dan perlu dimanfaatkan sepenuhnya. Ia boleh menjurus kepada penglibatan lebih ramai karyawan dan pencipta yang aktif meneroka serta mempelbagaikan produk dari bermacam jenis cabang seni.

Apa yang perlu kita fikirkan dari perkembangan itu ialah bagaimana kita boleh meningkatkan kualiti produk seni tempatan itu, di samping

membantu karyawan-karyawan dan pencipta-pencipta kita meraih keuntungan lumayan atau sekurang-kurangnya mendapat ganjaran berpatutan dari hasil produk seni mereka itu.

PENULISAN

Bagi produk seni dalam bidang penulisan umpamanya, sudah ramai orang-orang katani yang menghasilkan buku-buku sama ada berbentuk ilmiah, biografi, novel, sastera, buku-buku teks sekolah, buku-buku cerita bacaan kanak-kanak dan seumpamanya.

Hasil-hasil tulisan ini dibukukan dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka atau penerbit-penerbit dalam dan luar negeri untuk dipasarkan kepada masyarakat. Ini membolehkan para penulis memasyarakat dan memasarkan produk seni mereka sekali gus menerima 'royalti' dari hasil jualan buku-buku tersebut.

Selain dari itu ramai juga yang terlibat dalam penulisan rencana, cerpen, puisi, sajak, syair, skrip drama dan sebagainya. Karya seni ini juga diterbitkan di surat-surat khabar, majalah-majalah, disiarkan di radio atau ditayangkan di televisyen dan seumpamanya.

Oleh: Sahari Akim

sahari.akim@information.gov.bn

Produk-produk seni di atas juga menerima bayaran mengikut kadar yang ditentukan. Meskipun bayaran yang diterima tidak seluas atau setinggi yang diterima oleh karyawan-karyawan di luar negeri tetapi sekurang-kurangnya hasilnya sudah dapat dituai.

PERTUKANGAN/KRAFTANGAN

Produk-produk seni pertukangan tangan/kraftangan tempatan juga kini semakin berkembang. Antaranya termasuklah hasil pertukangan tangan dari tembaga, besi, kayu, tenunan kain songket, songkok, anyaman dan seumpamanya.

Hasil-hasil produk seni ini selain dipasarkan di negara ini, sebahagiannya sudah ada yang dieksport ke luar negeri meskipun masih dalam kuantiti yang kecil. Strategi pemasaran bagi produk-produk tersebut baik untuk di dalam mahupun ke luar negeri perlu kita fikirkan bersama.

Untuk mengekalkan dan mengembangkan produk seni tradisi tempatan terutama di kalangan generasi muda, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menubuhkan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei.

Pusat tersebut telah

banyak melatih belia-beliatempatan. Kebanyakan pelatih menjalankan perusahaan sendiri atau bekerja dengan pihak kerajaan atau swasta. Ini satu usaha yang baik agar warisan seni yang sudah bertapak turun-temurun itu tidak hilang ditelan zaman.

LUKISAN

Lukisan juga merupakan satu lagi cabang seni yang diminati oleh sebilangan masyarakat kita. Malah beberapa orang di antara pelukis tanah air telah menghasilkan lukisan-lukisan berkualiti dan boleh diketengahkan.

Seni lukis ketika ini juga sudah agak pelbagai, selain lukisan berbentuk potret, landskap, pemandangan dan seumpamanya itu, sebilangan pelukis-pelukis tanah air juga terlibat melukis kartun, ilustrasi, logo dan lain-lain untuk kegunaan surat-surat khabar, majalah-majalah dan buku-buku.

Produk-produk seni seperti ini pun kini sudah semakin berkembang dan boleh mendatangkan hasil kepada para pelukis kita.

KUALITI

Secara keseluruhannya semua produk seni tempatan yang disebutkan di atas itu masih ada yang memerlukan peningkatan dari segi kualiti pembuatan dan pengolahannya. Ini tidak dapat dielakkan ke-

rana cabang-cabang seni itu secara global juga semakin berkembang dan sering diberikan nilai tambah.

Tambahan lagi ketika ini para pencinta atau pengguna produk-produk seni juga semakin meningkat keperluan dan cita rasanya. Apatah lagi sebahagian produk seni tersebut juga mendapat saingan dari produk luar negeri.

Nah ini memerlukan peningkatan kualiti, di samping memberi nilai tambah kepada produk-produk yang dihasilkan untuk pelbagai kegunaan yang lain. Keadaan ini menghendaki karyawan-karyawan dan para pencipta kita mempertajam minda dan kreativiti selain meningkatkan inovasi.

Bercakap mengenai kualiti ini kita tidak dapat lari dari mengaitkannya dengan ilmu, kemahiran dan pengalaman. Sesetengah produk seni dilahirkan melalui ilham, daya fikir dan cita rasa. Sebahagian lagi melalui kreativiti, pengalaman dan kemahiran yang bersifat fizikal.

PEMASARAN

Seperti yang disebutkan pada awal tulisan ini terdapat produk-produk seni tempatan yang sudah dapat memberikan pulangan atau hasil seadanya baik melalui bayaran royalti

mahupun jualan.

Terdapat juga produk yang agak susah dipasarkan di negara ini. Ini boleh sahaja disebabkan minat pelanggan atau masalah harga dan sebagainya. Salah satu daripadanya termasuklah hasil 'lukisan', baik ia potret, landskap, pemandangan, objek dan lain-lain. Dalam hal ini pelbagai pihak perlu mencari jalan untuk mengatasinya.

Bayangkan jika sebahagian besar pejabat-pejabat kerajaan, swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan membeli lukisan-lukisan tersebut untuk hiasan di premis masing-masing. Tentunya lukisan-lukisan laris dijual, para pelukis mendapat hasil dan ruang pejabat terhias dengan hasil seni yang berunsurkan identiti dan budaya tempatan. Sebaliknya sebilangan kita lebih mengutamakan hasil seni luar negeri.

Begitu juga dengan produk-produk seni pertukangan atau kraf tangan tempatan yang lain. Jika sahaja produk-produk tersebut (diolah mengikut kesesuaian) dan dijadikan sebagai cenderamata atau cenderahati semasa mengadakan majlis-majlis berskala besar atau kecil atau diletakkan sebagai hiasan di ruang pejabat, maka kita akan dapat membantu para

pengusaha tempatan.

Alangkah baiknya jika produk-produk hasil kerja tangan itu diberikan kepada tetamu luar negeri sebagai hadiah yang tentunya secara tidak langsung kita sudah membantu mempromosikan hasil seni kita kepada masyarakat luar.

Cara lain, mungkin sahaja diwujudkan agensi khas yang bertindak sebagai orang tengah untuk membeli produk-produk seni itu dari pengusaha atau pencipta dan memarkannya di dalam dan di luar negeri.

Selain dari itu, ada baiknya wujudkan 'pasar seni' di Bandar Seri Begawan. Bangunan-bangunan lama yang mempunyai unsur sejarah seperti bekas bangunan Jabatan Kastam di dermaga lama menghidap ke Kampong Ayer sebagai misalan boleh dijadikan premisnya.

Sewa bagi petak-petak yang disediakan hendaklah ditawarkan pada kadar yang rendah kepada pengusaha. Selain membantu para pengusaha sekali gus mengangkat hasil seni tempatan kita juga dapat menyediakan tarikan kepada pelancong.

Itu hanya beberapa bantuan berbentuk mudah, tentu sahaja masih banyak mekanisme dan strategi lain yang boleh katani ungkayahkan.

Perpaduan penting bagi kesejahteraan

LUMUT. Sabtu, 18 November.- Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani berkata perpaduan dan persefahaman di antara anggota masyarakat penting kerana tanpa adanya perpaduan dan persefahaman tidak akan wujud rasa kekitaan dalam menjaga keselamatan, keamanan, ketenteraman dan kesejahteraan kampung.

Yang Dimuliakan menambahkan, setiap anggota masyarakat mempunyai peranan penting dalam menjaga dan memastikan keharmonian serta kesejahteraan di kawasan masing-masing termasuk mengambil tahu, memberikan teguran atau melaporkan kepada pihak berwajib jika terdapat anggota masyarakat yang terlibat dalam kes jenayah atau kerugian yang mencurigakan.

Yang Dimuliakan seterusnya berkata usaha pihak kerajaan dalam membangun dan memajukan negara tidak akan berjaya tanpa adanya penglibatan, kerjasama dan sokongan dari pelbagai pihak sama ada daripada

da orang-orang persendirian atau masyarakat secara umumnya di peringkat akar umbi. Yang Dimuliakan berucap demikian di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Masyarakat Mukim Liang Kali Ketiga berlangsung di Dewan Kelab Rekreasi Liang Lumut.

"Kesedaran akan peranan dan tanggungjawab masyarakat di peringkat akar umbi sebagai 'agen pembangunan' amat mustahak untuk difahami dan dihayati kerana tanpa adanya kesedaran, tanpa adanya semangat, sikap untuk maju dan memiliki jati diri yang positif adalah sukar bagi kita membangun dan memajukan serta menjadikan negara kita sebagai negara yang galati yang berdaya saing dan berdaya maju," ujar Yang Dimuliakan.

Oleh itu, Yang Dimuliakan menggesa setiap anggota masyarakat mukim dan kampung supaya memainkan peranan mengikut kebolehan dan kemampuan masing-masing bagi membangun dan memajukan mukim dan kampung dalam segala aspek.

Yang Dimuliakan se-

Berita dan Foto:

Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

saidah.omaralli@information.gov.bn

terusnya menyatakan mukim dan kampung yang diterajui penghulu dan ketua kampung perlu ada sokongan dan dukungan daripada penduduk mukim dan kampung dan dengan adanya kerjasama, sumbangan dan penyertaan semua program kerja yang dirancang akan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

"Dalam merancang apa jua projek kerja mukim

dan kampung, tumpuan haruslah diberikan kepada projek yang lebih mencabar, bertahan lama, bersifat 'sustainable' yang memberikan faedah berpanjangan bukannya projek yang dibuat sekali-sekala dan terhenti begitu sahaja," kata Yang Dimuliakan.

Majlis diserikan dengan pelbagai persembahan tarian dan nyanyian oleh penduduk mukim berkenaan.



TETAMU kehormat Pegawai Tugas-tugas Khas Pejabat Daerah Belait, Awang Haji Shueb Rizal Haji Abdul Malek diperkenalkan kepada ketua-ketua kontinjen yang mengambil bahagian di kejohanan tersebut.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani ketika menghadiri Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Masyarakat Mukim Liang Kali Ketiga.

Lahirkan atlet berbakat

KUALA BELAIT, Ahad, 26 November. - Lebih daripada 200 orang murid dari 17 buah sekolah rendah Daerah Belait menyertai acara Kejohanan Olahraga Bagi Murid-murid Penilaian Sekolah Rendah (PSR) Sekolah-sekolah Rendah Daerah Belait.

Acara tahunan yang diadakan di Kompleks Sukan Mumong telah mempertandingkan 23 acara balapan dan padang bagi murid-murid yang telah selesai menghadapi peperiksaan PSR yang bertujuan bagi mengisi masa terluang, di samping menanam minat bersukan dan

mencungkil bakat dalam melahirkan atlet-atlet negara pada masa akan datang.

Kejohanan dilancarkan oleh Pegawai Tugas-tugas Khas Pejabat Daerah Belait, Awang Haji Shueb Rizal bin Haji Abdul Malek. Lebih banyak latihan diperlukan untuk menjadikan pelajar-pelajar muda ini menjadi atlet yang lebih baik, ketika ini setiap sekolah menyediakan pelbagai kemudahan sukan selain itu pihak sekolah juga bertanggungjawab menyediakan tenaga pengajar yang terlatih untuk memberikan latihan yang bersesuaian kepada atlet-atlet muda berpotensi.

SUKAN



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi diperkenalkan kepada pasukan yang menyertai Kejohanan Bola Sepak Lima Sepasukan Piala Borneo Olimpik Khas. - Foto: Ramli Tengah.

Tujuh pasukan sertai Kejohanan Olimpik Khas

Oleh: Abu Bakar Haji Abd. Rahman rahman.bakar@information.gov.bn

BERAKAS, Jumaat, 1 Disember. - Sebanyak tujuh buah pasukan berentap bagi merebut Kejohanan Bola Sepak Lima Sepasukan Piala Borneo Olimpik Khas di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Kejohanan selama dua hari itu disempurnakan perasmian oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi.

Di kejohanan itu Negara Brunei Darussalam menurunkan dua pasukan iaitu (Brunei 'A' dan Bru-

nei 'B'), Sabah diwakili oleh pasukan dari Beaufort, Kota Kinabalu dan Tawau, Sarawak diwakili oleh pasukan dari Kuching, manakala Kalimantan mewakili Republik Indonesia.

Majlis bermula dengan perbarisan lalu dari tujuh buah pasukan yang menyertai termasuk pasukan pancaragam dari pasukan Kadet Polis.

Perlawanan yang bermula sejak pagi tadi di bahagikan kepada dua kumpulan mengikut sistem perlawanan 'round robin' bagi mencari dua kumpulan teratas untuk menerus-

kan perlawanan ke separuh akhir, manakala perlawanan akhir akan ditentukan pada malam esok di tempat yang sama.

Dalam perlawanan pembukaan pasukan Brunei 'A' tewas di tangan Sabah 'B' (Beaufort) dengan jaringan 0 - 5, manakala Brunei 'B' bangkit menebus kekecewaan dengan menundukkan Sabah 'C' (Tawau) dengan jaringan 8 - 3.

SO Indonesia juara bola sepak Piala Borneo Olimpik Istimewa

Oleh: Haji Ahmad Haji Salim ahmad.salim@information.gov.bn

BERAKAS, Sabtu, 2 Disember. - Pasukan SO Indonesia dinobatkan juara dan sekali gus merangkul Piala Borneo Olimpik Istimewa (Special Olympic) dalam Kejohanan Bola Sepak Lima Orang Sepasukan yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Pasukan SO Indonesia berjaya menewaskan pasukan SO Sabah di peringkat akhir kejohanan itu dengan jaringan 3 - 0. Gol pertama pasukan SO Indonesia terlayar di babak pertama apabila pemain jersi 3 Rahmat berjaya menembusi gawang pasukan SO Sabah di minit ke-5.

Gol kedua menyusul di minit ke-8 melalui pemain jersi 7 dan gol ketiga dijaringkan oleh penjaring pertama Rahmat kira-kira di minit ke-10. Dalam babak kedua perlawanan akhir itu kedua-dua pasukan tidak menambah sebarang jaringan walaupun dalam babak ini serangan demi serangan dilakukan oleh mereka sehingga pengadil

meniupkan wisel penamat perlawanan.

Tempat ketiga dalam perlawanan disandang oleh pasukan SO Sabah dan pasukan SO Brunei Darussalam selaku tuan rumah sepanjang kejohanan itu hanya mampu menduduki tempat keempat.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad kepada pasukan-pasukan yang berjaya. Sebanyak tujuh buah pasukan menyertai kejohanan bola sepak lima sepasukan terdiri daripada Negara Brunei Darussalam yang menghantar dua buah pasukan, Sabah tiga buah

pasukan, Sarawak sebuah pasukan dan Indonesia dua buah pasukan.

Hadir sama Ketua Pegawai Operasi HSBC, Matthew Martin dan pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan. Kejohanan pada tahun ini ditaja oleh HSBC yang merupakan penaja utama sepanjang kejohanan tersebut berlangsung.



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad menganjurkan pingat kepada pasukan yang berjaya di Kejohanan Bola Sepak Lima Sepasukan Olimpik Khas. - Foto: Pg. Ibni Pg. Haji Hidup.

Projek Brunei Gold 2007 dilaksanakan

Oleh: Fa'ezah Hayati Haji Abdul Rahman

BERAKAS, Sabtu, 11 November. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan melaksanakan Program Pembangunan Sukan Prestasi Tinggi, 'Projek Brunei Gold 2007'.

Ia merupakan antara rancangan strategik dalam usaha memajukan sukan di negara ini dengan harapan Negara Brunei Darussalam akan dapat meningkatkan dan seterusnya meraih kecemerlangan di kejohanan sukan serantau dan antarabangsa.

'Projek Brunei Gold 2007' itu sedang giat dilaksanakan di mana para atlet kebangsaan sedang menjalani latihan intensif dalam persiapan ke Sukan SEA Ke-24 di Thailand pada tahun 2007.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mendapat sumbangan tajaan perbelanjaan pemakanan bagi atlet-atlet elit negara yang sedang menjalani latihan intensif dalam negeri.

Penaja-penaja terdiri dari Sheraton Utama Hotel, Orchid Garden Hotel dan Royal Brunei Catering.

Setiap penaja akan memberikan sumbangan makanan kepada dua orang atlet elit Negara Brunei Darussalam yang berupa makanan 'buffet' pagi, tengah hari dan malam yang akan dipantau oleh pakar pemakanan dan jurulatih.

Majlis Penandatanganan Kerjasama di antara Penaja dan Jabatan Belia dan Sukan disaksikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal.

Jabatan Belia dan Sukan, diwakili oleh pengarah jabatan berkenaan Awang Haji Metassim bin Haji Jibah, manakala pihak Sheraton Utama Hotel diwakili oleh Pengarah Am Sheraton Hotel, Datin Hajah Zainah binti Md. Bujang.

Sementara itu pihak Orchid Garden Hotel ditandatangani oleh Shamsul Bahrin bin Pehin Orang



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal menyaksikan Majlis Penandatanganan Kerjasama di antara Jabatan Belia dan Sukan bersama Penaja-penaja Sektor Swasta. - Foto: Ramli Tengah.

Kaya Seri Pahlawan Dato Dr. Haji Ahmad dan pihak Royal Brunei Catering oleh Pemangku Pengarah Urusan Royal Brunei Catering, Haji Omar Ali bin Haji Mohd. Daud.

Majlis yang diadakan di bilik VIP, Stadium Negara Hassanal Bolkiah itu bertujuan untuk menghargai jasa dan sokongan pihak swasta khususnya pihak penaja dalam mendukung atlet-atlet elit Negara Brunei Darussalam untuk mencapai kecemerlangan dalam sukan antarabangsa yang akan disertai.



PENGARAH Belia dan Sukan, Awang Haji Metassim bin Haji Jibah membuka rasmi Kursus Permainan, Pengendalian dan Kejurulatihan Bola Baling. - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

Kursus permainan bola baling

Oleh: Fa'ezah Hayati Haji Abdul Rahman

BERAKAS, Ahad, 26 November. - Seramai 30 orang peserta terdiri dari pegawai dan kakitangan kerajaan dan swasta mengikuti Kursus Permainan, Pengendalian dan Kejurulatihan Sukan Bola Baling.

Majlis Pembukaan Kursus Bola Baling 2006 yang diadakan di Stadium Has-

sanal Bolkiah itu disempurnakan oleh Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Metassim bin Haji Jibah.

Kursus itu merupakan yang pertama dan julung-julung kalinya diadakan di Negara Brunei Darussalam dengan hasrat dan tujuan untuk memperkenalkan sukan bola baling di kalangan masyarakat Brunei dalam usaha Jabatan Belia dan Sukan mempelbagai jenis-jenis sukan di negara ini.

Kursus selama empat hari yang bermula pada 26 hingga 29 November 2006 itu dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Objektif kursus tersebut adalah untuk memajukan dan menggalakkan serta mengungkil bakat untuk diserapkan di peringkat serantau dan antarabangsa.

Penceramah kursus terdiri dari Abang Ismail bin Abang Haji Julhi dan Mr. Jayapalan Karuppayah yang masing-masing merupakan instruktur bola baling kebangsaan Malaysia dari Persatuan Bola Baling Malaysia.

Guangzhou jadi gelanggang temasya FESPIC 2010

KUALA LUMPUR, Jumaat, 1 Disember. - Tirai Kejohanan Sukan Orang Kurang Upaya Timur Jauh dan Selatan Pasifik (FESPIC) KL'06 berlabuh dengan majlis penutupan rasmi yang penuh warna-warni dan bersejarah di Stadium Bolasepak Kuala Lumpur, di sini.

Berakhirnya kejohanan FESPIC KL 06 itu juga mengakhiri edisi kejohanan apabila empat tahun sekali itu kerana selepas ini kejohanan itu akan dinamakan sukan Para Asia yang akan diadakan buat kali pertamanya di Guangzhou, China, pada 2010 nanti.

Kontinjen dari China itu sudah tentu bersedia menanti kunjungan peserta menjelang empat tahun akan datang apabila terus mengekalkan rekod kejuaraan FESPIC buat kali keenam berturut-turut dengan memperolehi 199 pingat emas, 72 perak dan 36 pingat gangsa.

Pasukan Thailand yang memperolehi 61 pingat emas, 42 perak dan 47 gangsa, sementara Korea merangkul 57 pingat emas, 42 perak dan 43 gangsa

masing-masing menduduki tempat kedua dan ketiga.

Kontinjen Negara Brunei Darussalam yang akur dengan peningkatan mendadak dari penyertaan negara-negara Asia Barat membawa pulang sebutir pingat gangsa yang diperolehi oleh Sibuang Haji Kalong menerusi acara javelin Kategori Kurang Upaya Penglihatan.

Majlis Penutupan Kejohanan FESPIC KL 06 yang dihadiri oleh lebih 15,000 orang ramai dari pelbagai peringkat menyaksikan perbarisan atlet lebih 4,000 orang atlet dan pegawai yang mewakili 47 buah negara bersaingan dalam 19 disiplin sukan selama lima hari.

Persembahan kebudayaan, nyanyian dari artis tempatan dan persembahan bunga api menyemarakkan suasana majlis penutupan yang juga sebagai landasan persahabatan kepada golongan orang kurang upaya.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said telah merasmikan penutupan Sukan FESPIC dengan mengharagai sumbangan kepada semua yang terlibat tema-

suk media dalam menjayakan temasya sukan itu.

"Kecekal hati dan semangat yang kental dalam mengatasi kekurangan fizikal adalah cara mencapai kecemerlangan," jelasnya yang menyaksikan kontinjen tuan rumah sekadar menduduki tempat keempat dengan merangkul 44 pingat emas, 60 perak dan 77 gangsa.

Sementara itu, dua atlet olahraga China, Guo Wei dan Li Ling dipilih sebagai olahragawan dan olahragawati Sukan Fesplic KL'06

Guo merangkul tiga emas dengan tiga rekod dunia dalam acara lontar peluru, javelin dan lempar cakera F35 manakala rakan sepasukan, Li Ling pula menangani pingat emas dalam acara lontar peluru, javelin dan lempar cakera F57 (kerusi roda) dengan mencatat rekod dunia yang baru dalam acara itu.

Dengan berakhirnya FESPIC KL '06, Datuk Zainal Abu Zarin dari Malaysia telah dipilih sebagai Presiden Jawatankuasa Paralimpik Asia (APC) yang baru diwujudkan bagi menggantikan Persekutuan FESPIC dan Majlis Paralimpik Asia.

SUKAN

KL'06
9th FESPIC GAMES
KUALA LUMPUR 2006
25 NOV - 1 DEC

Oleh:
Samle Haji Jait
samle.jait@
information.gov.bn

Foto:
Ampuan Haji Mahmood
Ampuan Haji Tengah



MESKIPUN kurang menyerlah mereka masih mampu menyumbang pingat gangsa dan memperbaiki rekod baru.



KETUA Kontinjen China menerima bendera FESPIC untuk Guangzhou mengambil tempat menjadi tuan rumah 2010.



"BERSAING dengan peserta handal merupakan satu pengalaman," Awang Shahri Haji Jumaat.

Olahraga murid-murid PSR

Berita dan foto sumbangan Yuli Zaman

TEMBURONG, Khamis, 30 November. - Sekolah Rendah Negalang anjuran bersama Jabatan Pendidikan Kokurikulum Negara Brunei Darussalam mengadakan Kejohanan Olahraga Bagi Murid-murid Darjah Enam di Daerah Temburong.

Kejohanan berlangsung di Kompleks Sukan Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Kampong Batu Apoi. Hadir selaku tetamu kehormat Cikgu Haji Hassan bin Haji Shamsuddin, Pemangku Pegawai Pelajaran Kanan Daerah.

Menurut Pengerusi kejohanan Cikgu Hajah Jamilah binti Haji Osman kejohanan tersebut adalah julung-julung kalinya diadakan di Daerah Temburong. Ianya adalah sebagai satu aktiviti untuk mengisi masa kekosongan murid-murid Darjah Enam selepas menghadapi peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR). Selain itu ianya juga bertujuan

untuk mencungkil bakat murid-murid dalam kemahiran olahraga padang.

Acara dimulakan dengan perbarisan padang dari 10 buah sekolah yang mengikuti kejohanan tersebut dan penyampaian sijil penyertaan kepada semua sekolah yang disampaikan oleh tetamu kehormat. Seterusnya bacaan ikrar sukan juga dimuatkan dalam sunan acara dan diketuai oleh salah seorang peserta daripada tuan rumah kejohanan. Kejohanan pada hari ini merupakan kejohanan di peringkat akhir dan peringkat saringan telah pun diadakan sebelumnya.

Kejohanan dinilai dari segi pingat-pingat yang diperolehi. Johan bagi peserta lelaki dimenangi oleh Sekolah Rendah Sultan Hashim, Batu Apoi. Manakala johan bagi peserta perempuan dimenangi oleh Sekolah Rendah Selangan.



PEMANGKU Pegawai Pelajaran Kanan Daerah, Cikgu Haji Hassan bin Haji Shamsuddin diperkenalkan kepada pasukan-pasukan.

Kontinjen negara gagal tambah pingat

KUALA LUMPUR, Khamis, 30 November. - Kontinjen negara gagal menambah lagi pungenan pingat di hari terakhir Kejohanan Sukan Orang Kurang Upaya Timur Jauh dan Pasifik Selatan (FESPIC) KL'06 di Stadium Kebangsaan Bukit Jalil, di sini.

Kehampaan itu bermula apabila Alihan Muda yang bersaing dalam acara javelin Kategori F35 hanya mampu mencatat 18.17 meter dan menduduki tangga kelapan.

Acara itu milik peserta China, Guo Wei yang mencipta rekod dunia yang baru dengan 46.18 meter sekali gus meleburkan rekod rakan senegara, Wei Guo Hin sejauh 46.06 yang dilakukan di Athens.

Pemenang pingat perak dari Iran, Kaedi Mohsen juga berjaya membaharui rekod FESPIC dengan catatan 34.20 meter berbanding 31.82 yang dicipta di Busan pada kejohanan lalu.

Sementara itu, atlet negara, John Vianni Chandau pula hampa apabila sekadar menduduki tangga keempat dalam acara buang peluru Kategori F42 Kurang Upaya Anggota selepas melontar 9.82



DAYANG Jusnani Haji Kamis mengumpul sepenuh tenaga bagi melakukan lontaran.

meter kurang dua meter dari lontaran peserta India, Surjeet Singh yang meraih gangsa.

"Persaingan yang cukup hebat dan bagaimana pun saya gembira mampu mengalahkan semua peserta negara-negara ASEAN dalam kategori ini," jelas John.

Perhitungan terakhir kontinjen negara disandar Sibuang Haji Kalong dalam acara buang peluru tetapi penyumbang pingat gangsa dalam acara javelin itu tidak mampu melanggi keceriaan kontinjen negara.

Atlet negara di Temasya FESPIC kurang menyerlah

KUALA LUMPUR, Rabu, 29 November. - Atlet negara kurang menyerlah pada persaingan buang peluru hari keempat di Kejohanan Sukan Orang Kurang Upaya Sukan Timur Jauh dan Selatan Pasifik (FESPIC) KL'06 yang berlangsung di Stadium Kebangsaan Bukit Jalil, di sini.

Awang Hirdan Haji Abd. Kadir sekadar mampu mencatat kejauhan 6.91 meter dan Shahri Haji Jumaat pula melontar sejauh 6.86 meter di mana masing-masing berada di tangga 12 dan 13 dari 16 peserta.

Ternyata kemunculan peserta-peserta dari negara Iran dan China membuat saingan acara buang peluru sangat getir sehingga menyaksikan Bagheri Jali berjaya mencipta rekod baru acara berke-naan di pertemuan FESPIC KL'06 dengan kejauhan 10.26 meter untuk meraih pingat emas.

Sementara itu, kedua peserta yang masing-masing memperolehi pingat perak dan gangsa, Zhang Yingbin yang mencatat 9.14 meter dan Trinh Cong Luan (8.91 meter) mengukir senyuman membarui rekod FESPIC dalam acara buang peluru Kategori F55 (Kerusi Roda).

"Bersaing dengan peserta handal dan berpengalaman merupakan satu kebaikan untuk kami. Kami tidak berputus asa malah mahu menjadikan kegagalan ini sebagai pengajaran terbaik untuk kami dalam persiapan kejohanan akan datang," jelas Shahri Haji Jumaat.

Sementara itu, peserta tunggal acara padang, Jusnani Haji Kamis juga melalui cabaran sukar untuk meraih pingat apabila sekadar menduduki di tangga kelima dengan catatan 29.86 meter pada acara lontar peluru wanita Kategori Kurang Upaya Anggota.

SUKAN

Memajukan Sukan Rantau Asia

DOHA, Ahad, 2 Disember. - Asia akan muncul sebagai benua sukan andainya semua persekutuan sukan negara-negara Asia bersatu tenaga untuk memajukan sukan di Benua Asia yang dihuni oleh lebih hampir tiga bilion orang.

Demikian ditegaskan oleh Tuan Yang Terutama Sheikh Ahmad Al-Fahad Al-Sabah, Presiden Majlis Olimpik Asia (OCA) ketika berucap di Perhimpunan Agung OCA Ke-25 sempena temasya Sukan Asia Ke-15 yang dilangsungkan di salah sebuah hotel terkemuka di Bandar Raya Doha di sini.

Menurut Tuan Yang Terutama, Sukan Asia Ke-15 yang sedang berlangsung di sini bukti jelas betapa Asia benar-benar berusaha melahirkan atlet-atlet berkaliber dan bertaraf dunia bagi menyaini negara-negara maju dalam Sukan Olimpik.

Untuk itu, Tuan Yang Terutama mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Qatar khususnya Duli Yang Maha Mulia Sheikh Hamad bin Khalifa Al-Thani, Amir Qatar di atas kejayaan penganjuran Sukan Asia yang terbesar pernah diadakan.

Sukan Asia Ke-15 yang berlangsung dari 1 hingga 15 Disember merupakan sukan terbesar yang disertai oleh lebih 13 ribu atlet dari 45 buah negara Asia yang bergabung dengan OCA.

Doha, Qatar menjadi saksi sebagai bandar raya Timur Tengah kedua menganjurkan Sukan Asia selepas Tehran, Republik Islam Iran pada tahun 1974.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) telah berangkat bersama-sama dengan perwakilan daripada 45 buah negara Asia menghadiri perhimpunan itu.

Juga hadir selaku perwakilan Negara Brunei Darussalam ialah Awang Japar bin Bangkol, Setiausaha Agung BDNOC yang juga selaku Chef de Mission Kontinjen Negara ke Sukan Asia.

Ketika ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI yang berada di Doha bagi membuat liputan Sukan Asia di sini, Setiausaha Agung BDNOC menjelaskan bahawa perhimpunan kali ini adalah bertujuan bagi membincangkan kemajuan sukan di Benua Asia.

Selain daripada itu, jelas Awang Japar, perhimpunan itu akan mendengar laporan daripada Jawatankuasa Pengelola



Liputan :
Jaafar Ibrahim
jaafar.ibrahim@
information.gov.bn
Foto: Haji
Masmaleh
Haji Mohd. Ali
dari Doha, Qatar



DYTM bersama-sama Ahli-ahli Majlis Olimpik Kebangsaan (NOC) dari beberapa buah negara-negara Asia, ketika berangkat ke Pelancaran Logo Sukan Asia yang baru.

Berangkat melawat kompleks menembak Lusail

DOHA, Ahad, 3 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berangkat melawat Kompleks Menembak Lusail dan menyaksikan acara menembak Sukan Asia Ke-15 yang rancak berlangsung di sini.

Keberangkatan tiba DYTM di kompleks berkenaan telah dijunjung oleh Mohammad Al-Maadeed, Presiden Persekutuan Menembak Qatar yang juga mengiringi dan menyebarkan taklimat ke hadapan majlis DYTM sepanjang lawatan itu.

Antara tempat yang DYTM lawati termasuklah lapang sasaran menembak bagi acara trap dan skeet, 10 meter, 25 meter dan 50 meter Range yang berkebetulan berlangsungnya acara-acara menembak.

Selain itu, DYTM juga dibawa melihat secara dekat bilik pengurusan Sukan Asia antaranya termasuklah bilik-bilik VIP dan atlet.

Semasa DYTM melawat kompleks berkenaan, DYTM tertarik dengan model bangunan baru tempat menembak yang akan dikenali dengan nama Kompleks Menembak Antarabangsa Hamad sambil menerima sembah penerangan daripada Presiden Persekutuan Menembak Qatar.

Semasa berada di Bilik Pengurusan Sukan Menembak, DYTM bertukar-tukar pandangan dan beramah mesra dengan Salman S.S.H. Al-Sabah, Presiden Persekutuan Menembak Asia (ASC) yang juga selaku Presiden Persekutuan Menembak Kuwait dan Tuan Medah Wadahn, Naib Presiden Persekutuan Menembak Antarabangsa (ISSF) yang juga merupakan seorang perwakilan teknikal bagi acara menembak Sukan Asia Ke-15.

Dalam pertemuan itu, DYTM juga menerima sembah penerangan maklumat mengenai Kejohanan Menembak Asia Ke-11 yang akan dilangsungkan

di Kuwait pada 3 hingga 13 Disember 2007.

Sepanjang berada di kompleks berkenaan, DYTM sempat menyaksikan pertandingan peringkat akhir merebut pingat emas dalam acara trap perseorangan lelaki yang dimenangi oleh penembak Kuwait, Naser Meqlad.

Kompleks berkenaan, sebelum berlangsungnya Sukan Asia juga telah

Tamim bin Hamad Al-Thani, Pengerusi Lembaga Pengarah-pengarah Jawatankuasa Pengelola Sukan Asia Doha (DAGOC).

Juga hadir di majlis itu ialah Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam ke Qatar, Tuan Haji Ali Hasan bin Haji Mohd. Salleh dan Awang Japar bin Bangkol, Chef de Mission Kontinjen Negara ke Sukan Asia.



TERTARIK ... DYTM tertarik dengan model Kompleks Menembak Antarabangsa Hamad sambil menerima sembah penerangan dari Presiden Persekutuan Menembak Qatar, Mohammed Al-Maadeed.

digunakan bagi kejohanan menembak bertaraf antarabangsa. Kompleks yang serba canggih itu dilengkapi dengan pelbagai kemudahan serta boleh menampung 1,500 penonton dan terletak di kawasan padang pasir yang luas dan jarak perjalanan dari pusat Bandar Doha memakan masa 40 minit.

Pada sebelah malamnya, DYTM berangkat menghadiri Majlis Makan Malam Rasmi Sukan Asia Doha yang berlangsung di Hotel Ritz-Carlton bagi meraikan Ketua-ketua Perwakilan Majlis Olimpik Kebangsaan (NOC) negara-negara Asia yang menyertai temasya itu.

Majlis tersebut dibekiri oleh DYTM Sheikh



DYTM berangkat menyaksikan perlawanan acara boling lelaki Sukan ASIA Ke-15.

Gagal memberikan saingan

DOHA, Ahad, 2 Disember. - Pemain-pemain boling negara gagal menyerlah dalam acara boling perseorangan lelaki yang membuka gelanggangnya di Pusat Boling Qatar.

Pemain yang kita harapkan Ak. Aizat Pg. Abu Samah yang sebelum ini diberikan tumpuan untuk memberikan cabaran sedikit gementar dan tidak menunjukkan kesungguhan permainan yang diharapkan.

Dalam permainan perseorangan lelaki, pemain dibahagikan dua kumpulan. Ak. Aizat dan Haji Yaakub diletakkan dalam kumpulan satu, sementara Shawall Haji Mustafa ditempatkan dalam kumpulan dua.

"Ak. Aizat sedikit gementar dan memulakan permainan pertama dengan hanya 152 jatuhan pin. Ini merupakan persembahan terburuk anak buahnya itu," jelas Jurulatih Kebangsaan, Mike Griffith selepas permainan boling bagi kumpulan satu berakhir.

Untuk itu beliau mengharapkan agar Ak. Aizat akan menunjukkan 'performance' yang sebenar dalam acara-acara yang berikutnya.

Berangkat menyaksikan acara itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Ne-

gara Brunei Darussalam (BDNOC).

Mengulas permainan Haji Yaakub, Mike Griffith menjelaskan pada permulaan beliau menunjukkan saingan yang cukup kuat di mana dalam permainan pertama beliau menjatuhkan 213 pin.

Walau bagaimanapun katanya, dalam pertengahan permainan, Haji Yaakub gagal mengekalkan rentak permainannya sehingga beliau hanya menduduki tempat ke-48 dari 58 peserta dengan 1104 jatuhan pin.

Sementara itu, Ak. Aizat pula dalam kedudukan ke-51 dengan 1096 jatuhan.

Dalam keseluruhannya permainan boling itu Shawall menduduki tempat ke-87 dengan 1140 jatuhan pin, Haji Yaakub di tangga ke-93 dan Ak. Aizat di kedudukan ke-97 dari 114 pemain boling Asia yang menyertai perseorangan lelaki.

Berikutan dengan permainan Ak. Aizat yang kurang memberangsangkan, jurulatih kebangsaan merehatkan beliau dalam acara bergu.

Cabaran negara dalam acara ini akan dipikul oleh Haji Yakub dan Shawall dalam misi untuk mencari kedudukan yang terbaik.



Haji Yaakub dengan penuh semangat beraksi dalam acara perseorangan boling di Pusat Boling Utama Qatar.

SUKAN

Berangkat balik meninggalkan Doha, Qatar

DOHA, QATAR, Sabtu, 9 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) awal pagi tadi berangkat balik kira-kira jam 00.15 pagi waktu tempatan dan 6.15 pagi waktu Negara Brunei Darussalam setelah menghadiri upacara pembukaan rasmi temasya Sukan Asia Ke-15 di Doha, Qatar.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Doha bagi mengalu-alukan keberangkatan balik DYTM ialah Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Qatar, Tuan Haji Ali Hasan bin Haji Mohd. Salleh, Ketua Kontinjen Negara Brunei Darussalam Ke Sukan Asia Ke-15, Awang Japar bin Bangkol selaku Chef de Mission serta pegawai-pegawai Urusetia Kontinjen Negara.

Sepanjang 10 hari berada di sini, DYTM menyaksikan acara-acara menembak, boling, dan tenpin bowling. DYTM juga diberi penghormatan untuk mengalungkan pingat-pingat bagi acara menembak.

Di samping itu, Duli Yang Teramat Mulia juga berangkat menghadiri Perhimpunan Agung Majlis Olimpik Asia Ke-25 (OCA) dan Upacara Menaikkan Bendera Kebangsaan di Flag Plaza.

DYTM dalam usaha untuk memberikan motivasi dan sokongan moral kepada kontinjen negara juga berangkat meninjau Perkampungan Atlet dan meninjau sesi latihan para atlet.

Sukan Asia edisi ke-15 berlangsung dari 1 hingga 15 Disember mempertandingkan 39 acara dengan disertai oleh 45 buah negara gabungan Majlis Olimpik Asia (OCA).

Penyertaan negara ke temasya itu merupakan kali kelima dengan menghantar seramai 15 orang pegawai dan atlet dengan mempertaruhkan sukan tenpin bowling dan karatedo yang dibarisi tujuh orang atlet.



Liputan :
Jaafar Ibrahim
jaafar.ibrahim@information.gov.bn
Foto :
Haji Masmaleh
Haji Mohd. Ali
dari Doha, Qatar



BERSALAMAN ... Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) bersalaman dengan Pegawai-pegawai Urusetia Kontinjen Negara sejeurus sebelum berangkat balik.



MENGGALAS HARAPAN ... Skuad Karatedo dari kiri Haji Abdul Malik, Haji Eddie Jofraini, Mohammad Fazil Rewandie, Haji Okhida (Jurulatih), Syed Haji Jeffreydean (Pengurus Pasukan) dan Mohd. Sofian.

Ulangi kejayaan buru pingat karatedo

DOHA, Sabtu, 9 Disember. - Ketua Urusetia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Asia, Awang Mohd. Zamri bin Dato Paduka Haji Hamdani menjelaskan bahawa kita mempunyai harapan yang tinggi untuk meraih pingat dalam acara karatedo.

Acara karatedo akan membuka tirai pertandingan pada 12 Disember di Dewan Tertutup Kelab Sukan Qatar.

Harapan tinggi itu katanya, kita sandarkan terutama kepada Haji Eddie Jofraini, Haji Johari dan Mohammad Fazil Rewandie. Mohd. Faizah yang keduanya akan bertanding dalam acara komiti.

Beliau melahirkan harapan itu semasa ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI di Perkampungan Atlet di sini, sehari sebelum skuad karatedo negara tiba di Doha.

Beliau yang sangat kecewa dengan 'performance' barisan boling, penuh berharap agar wira-wira karatedo akan menunjukkan persembahan yang mantap dan cemerlang bagi meraih pingat untuk negara.

"Saya mengharapkan pasukan karatedo negara

yang akan bertanding di Sukan Asia pada 12 dan 13 Disember ini akan menunjukkan 'performance' yang cemerlang. Sebagaimana juga yang kita ketahui skuad karatedo tidak pernah gagal untuk menyumbangkan pingat iaitu gangsa di temasya Sukan Asia yang lalu," jelas beliau.

Awang Mohd. Zamri juga mengharapkan agar barisan karatedo setelah menjalani latihan 'warm-up' di Indonesia selama lebih kurang tiga minggu sebelum datang ke bumi Doha akan membawa pengalaman yang raih dan bertanding bersungguh-sungguh demi mencapai kejayaan.

"Mudah-mudahan mereka ini akan membuat yang terbaik bagi Negara Brunei Darussalam kerana inilah satu-satunya peluang untuk meraih sekurang-kurangnya pingat gangsa bagi mengekalkan rekod pencapaian di Sukan Asia sebelum ini," jelasnya dengan nada penuh harapan.

Dalam usaha untuk menggapai impian itu, katanya, pihaknya akan menanamkan semangat 'Brunei boleh' serta memberikan motivasi agar mereka lebih fokus, lebih yakin kepada

perlindungan kerana masa pertandingan karatedo tidak lama, di mana peluang untuk menang mesti digunakan dalam masa tiga minit itu.

"Peluang itu memang ada, maka terpujalah kepada para atlet kita untuk membuat yang terbaik, kerana pegawai dan jurulatih hanya mampu memberi tunjuk ajar, tetapi di tangan merekalah sebenar kejayaan itu terletak kerana apabila berada di gelanggang merekalah yang akan berjuang untuk melaksanakan tugas bagi mendapatkan kejayaan," tambah Awang Mohd. Zamri lagi.

Skuad karatedo tiba di Doha hari ini dalam misi untuk memburu pingat.

Barisan atlet kita terdiri dari Mohd. Suffian Abdullah yang akan bertarung dalam acara komiti perseorangan 80 kilogram ke atas, Md. Fazil Rewandie Md. Faisal bagi acara komiti perseorangan bawah 75 kilogram, Haji Eddie Jofraini Johari, komiti perseorangan bawah 55 kilogram dan Haji Abdul Malik Md. Zaini dalam acara kata perseorangan.

Sementara itu, Pengurus

Pasukan Karatedo, Haji Syed Jeffreydean Haji Syed Mohammad ketika ditemu bual setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Doha berkata, setelah menjalani beberapa siri latihan dalam dan luar negara skuad kita kini bersedia menggalas cabaran dan akan cuba sedaya upaya membuat yang terbaik bagi menyumbangkan pingat.

Ditanya mengenai peluang pula, beliau dengan nada merendah diri hanya penuh berharap supaya skuad karatedo akan dapat mengulangi kejayaan yang lampau untuk meraih sebarang apa jua pingat untuk kecemerlangan Negara Brunei Darussalam.

Pada Sukan Asia Ke-12, di Hiroshima, Jepun 1994, dua serikandi negara, Dk. Marliza Pg. Omar dan Lo Megan masing-masing meraih pingat gangsa menerusi acara komiti perseorangan bawah 53 kilogram dan komiti perseorangan 60 kilogram ke atas. Di Sukan Asia Ke-14, Busan Republik Korea 2002, sekali lagi wira karatedo, Tong Kit Siong menyumbang pingat gangsa menerusi acara komiti perseorangan bawah 75 kilogram.

DYTM UCAP TAKZIAH KEPADA KONTINJEN KOREA

DOHA, Jumaat, 8 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) menyabdakan ucapan takziah kepada Kontinjen Republik Korea berikutan kematian salah seorang atlet negara berkenaan di temasya Sukan Asia Ke-15 di sini.

Atlet Korea yang maut itu ialah Kim Hyung-Chil, seorang atlet veteran ekuin berumur 47 tahun.

Duli Yang Teramat Mulia menyampaikan ucapan takziah itu kepada Presiden Ekuastrian Republik Korea dan abang kepada mendiang Kim Hyung-Chil semasa DYTM mengunjungi Perkampungan Atlet di sini.

Tragedi malang itu menimpa Kim ketika beliau mengambil bahagian dalam acara rentas desa perseorangan eventing malam semalam (7 Disember) yang berlangsung di Mesaieed Endurance

Course dalam keadaan tanah yang becak akibat hujan yang melanda bandaraya Doha.

Berita kematian itu menggemparkan temasya Sukan Asia khususnya kontinjen Korea.

Tragedi malang itu adalah merupakan kali pertama menimpa atlet dalam sejarah Sukan Asia sejak dilangsungkan 55 tahun lalu di New Delhi, India pada tahun 1951.

Berikutan dengan berita malang itu, Jawatankuasa Pengelola Sukan Asia Doha, (DAGOC) mengarahkan satu siasatan serta-merta bagi mengenal pasti punca berlakunya kematian.

Menurut sumber rasmi yang dipetik di sini, DAGOC juga meminta Persekutuan Ekuastrian Asia dan juga perwakilan teknikal menyiapkan laporan lengkap mengenai insiden tersebut sebelum DAGOC menyerahkan laporan berkenaan kepada Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan Korea.



KETUA Urusetia Kontinjen Negara ke Sukan Asia Ke-15, Awang Mohd. Zamri membincangkan sesuatu dengan para skuad karatedo negara sejeurus mereka tiba di Doha.

Dari muka 1

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya dijunjung menandatangani buku pelancaran kad visa platinum dan berkenan berangkat bagi menikmati santai tengah hari.

Kad visa platinum merupakan yang pertama di Negara Brunei Darussalam berasaskan kesahihan data dinamik dan teknologi anti pemalsuan yang memberikan perlindungan tertinggi daripada ditiru dan juga amalan-amalan meniru data dari kad melalui urus niaga yang halus.

Kad visa tersebut juga merupakan yang pertama menggunakan label jenama dan reka cipta baru yang digabungkan dengan ciri-ciri keselamatan perlindungan.

Keahlian Kad Visa Platinum Bank Baiduri adalah eksklusif kerana ahli-ahlinya adalah mereka yang diundang sahaja bagaimanapun ia tidak hanya memberikan beberapa

faedah kepada ahlinya tetapi malahan memberikan faedah yang eksklusif bagi kepentingan tempatan melalui hubungan strategik bank dengan pertubuhan-pertubuhan yang terama di Brunei.

Antara faedah kad berkenaan ialah membolehkan ahli-ahlinya menikmati layanan VIP di Empire Hotel and Country Club melalui pas komplemen keluarga, penginapan di hotel, diskaun 15 peratus bagi pesanan makanan, diskaun rawatan SPA, diskaun 10 peratus pembelian peralatan golf di kedai golf Empire Hotel and Country Club dan lain-lain lagi.

Ahli kad visa platinum juga menerima diskaun 20 peratus di bank perdagangan di negara ini termasuk beberapa pertubuhan-pertubuhan perdagangan yang lain.

Selain itu ahli-ahli kad juga menerima perlindungan insuran pengembaraan sehingga setengah juta ringgit Brunei termasuk kelambatan, kerosakan serta kecurian bagasi.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adnan ketika menerima penerangan ringkas mengenai pameran Perancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dari seorang pegawai kementerian tersebut. - Foto: Abdullah Haji Awang Damit.

Pelanggan sebagai tetamu bukan 'burden'

Dari muka 1

Justeru itu tegas Yang Berhormat pegawai dan kakitangan PA perlulah bersama-sama bertanggungjawab untuk mengubah persepsi negatif dan tanggapan sedemikian supaya PA akan lebih mesra pelanggan dan memudahkan cara dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang.

Menurut Yang Berhormat, salah satu cabaran yang sering dihadapi oleh PA ialah bagaimana kita hendak menyampaikan perkhidmatan yang lebih efisien, efektif serta memuaskan hati pelanggan.

Yang Berhormat juga menyeru agar warga kerja KHEDN supaya melipatgandakan usaha dan bersikap profesional, komited, kompeten, responsif dan proaktif dalam apa jua hal yang berhubung kait dengan 'core business' kementerian dan jabatan masing-masing.

"Kita perlu membuat perubahan paradigma ('paradigm shift') dan lontaran jauh ke hadapan agar lebih maju apatah lagi dalam era globalisasi yang memaksa kita berdaya saing demi survival bangsa dan negara," tegasnya.

Terdahulu Yang Berhormat menjelaskan Minggu Pelanggan antara lain bertujuan untuk memberigakan kepada orang ramai selaku pelanggan mengenai bidang tugas dan 'core business' KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya serta memberikan pendedahan yang lebih jelas dan 'transparent' tentang perkhidmatan dan tatacara pemprosesan permohonan yang ada kaitannya dengan bidang tugas jabatan-jabatan di bawah kementerian

tersebut.

Yang Berhormat juga menyatakan, kejayaan perkhidmatan yang penuh cekap, efisien dan efektif banyak bergantung kepada keupayaan dan integriti sumber manusia selaku agensi pelaksana dan penyampai perkhidmatan.

KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya juga disasarkan supaya sentiasa mempunyai perancangan dan mengubah 'mindset' dan bersikap daya maju bagi mempertingkatkan lagi mutu penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai selaku pelanggan.

Juga hadir di upacara tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani bin Haji Ibrahim. Setiasa-setiasa Tetap KHEDN, Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Belaman dan Dato Seri Setia Haji Md. Yusof bin Haji Ismail, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Mawardi bin Haji Abdullah, pegawai-pegawai kanan di bawah KHEDN dan ahli-ahli perniagaan.

Antara aktiviti-aktiviti di majlis pelancaran itu termasuklah pameran mengenai Perancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan pameran dari jabatan-jabatan di KHEDN mengenai produk dan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR).

Selain dari itu sesi dialog juga diadakan bertujuan untuk menerima pandangan dan persoalan daripada pelanggan-pelanggan terdiri daripada sektor swasta, ahli-ahli perniagaan, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan lain-lain pihak yang berkaitan.

17 warga tempatan meninggal dunia akibat HIV/AIDS

Oleh: Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.abubakar@information.gov.bn

BERAKAS, Khamis, 30 November. - Laporan terkini mencatatkan seramai 30 orang warga tempatan menghadapi jangkitan HIV/AIDS yang terdiri daripada 21 lelaki dan sembilan perempuan yang mana 17 orang daripadanya telah meninggal dunia akibat wabak penyakit itu.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi berkata, Negara Brunei Darussalam telah dikategorikan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai negara yang rendah penularan penyakit berkenaan dan tindakan-tindakan sewajarnya dalam melaksanakan komitmen bagi menangani epidemik AIDS telah dijalankan oleh kementerian berkenaan.

Berucap di Sambutan Hari AIDS Sedunia 2006, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa laporan yang dikeluarkan oleh UNAIDS/WHO pada 21 November 2006 yang bertajuk '2006 AIDS Epidemic Update' menunjukkan seramai 39.5 juta penduduk dunia kini menghadapi penyakit yang boleh membawa maut itu.

Dalam tahun 2006 ini saja, ujar Yang Berhormat, dianggarkan 4.3 juta jangkitan AIDS yang baru dengan 2.8 juta daripadanya terjadi di kawasan Afrika dan peningkatan yang begitu ketara sekali ialah di Eropah Timur dan Asia Tengah di mana kajian menunjukkan kadar jangkitan AIDS telah me-



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi ketika berucap di Sambutan Hari AIDS Sedunia 2006. - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

ningkat lebih daripada 50 peratus sejak tahun 2004.

"Dianggarkan seramai 2.9 juta manusia telah meninggal dunia disebabkan oleh AIDS pada tahun ini," jelas Yang Berhormat di sambutan yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Yang Berhormat menjelaskan, di antara langkah-langkah dan komitmen yang telah dilaksanakan termasuklah menjalankan aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan dan kesedaran mengenai HIV/AIDS melalui kempen-kempen di peringkat nasional.

Di samping itu, kata Yang Berhormat, kementerian berkenaan juga membuat pemantauan bagi memastikan bekalan darah adalah selamat, selain menyediakan perkhidmatan bagi penghidap HIV/AIDS, termasuk ubat-ubatan antiviral serta

kaunseling.

Lebih membimbangkan, tambah Yang Berhormat, sehingga ke hari ini, dunia masih belum menemui vaksin bagi mencegah jangkitan HIV dan ubat yang boleh menyembuhkan pesakit AIDS.

"Oleh yang demikian, langkah-langkah pencegahan dan kawalan kepada jangkitan HIV adalah amat penting untuk membendung wabak ini dari terus menular," ujar Yang Berhormat.

Yang Dipertua Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam (BDAC), Datin Hajah Edah binti Haji

Mohd. Noor dalam ucapan alu-aluannya di sambutan yang bertemakan 'Hentikan AIDS - Tunaikan Janji' menjelaskan bahawa BDAC telah merancang pelan-pelan serta strategi untuk membanteras jangkitan HIV/AIDS secara menyeluruh.

Menurut Datin Hajah Edah, sepanjang tahun 2006, BDAC telah menyusun dan mengadakan pelbagai aktiviti berunsur pendidikan serta kesedaran dengan tujuan untuk menyebarkan lagi pengetahuan mengenai pencegahan HIV/AIDS kepada masyarakat Brunei Darus-

salam terutama sekali kepada remaja-remaja negara ini.

Pada tahun 2006 di Asia adalah dianggarkan seramai 8.6 juta orang menghadapi HIV/AIDS termasuk satu juta manusia yang baru dijangkiti. Dianggarkan 630,000 orang yang meninggal dunia akibat penyakit berbahaya itu.

Negara-negara Asia Pasifik telah mengalami kerugian dari segi ekonomi sebanyak AS\$7.3 bilion pada tahun 2001 yang mana kerugian ekonomi dijangkakan mencecah AS\$17 bilion setiap tahun jika jangkitan di rantau ini berlanjutan.

HARI PELANGGAN JABATAN PENERBANGAN AWAM 14 DISEMBER

JABATAN Penerbangan Awam buat julung-julung kalinya akan mengadakan sambutan Hari Pelanggan Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei 2006 pada 14 Disember 2006, dengan tema 'Santunan, Pemedulian dan Efisien Keselamatan Pelanggan Diutamakan.'

Tema ini dipilih sesuai dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memberikan perkhidmatan yang berorientasikan pelanggan, cekap, berkesan, telus (transparent), pemedulian dan bersopan santun.

Pelbagai perkhidmatan diberikan oleh agensi-agensi kerajaan dan syarikat swasta di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ini termasuk Jabatan Penerbangan Awam yang memberikan perkhidmatan seperti maklumat penerbangan, penggunaan bilik-bilik VIP, kawalan lalu lintas udara, ramalan kaji cuaca, Perkhidmatan Bomba Lapangan Terbang

dan sebagainya.

Jabatan-jabatan lain yang juga terlibat dalam memberikan perkhidmatan kepada pengguna-pengguna lapangan terbang termasuklah Jabatan Kastam Eksais Diraja Brunei, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Perkhidmatan Pos, Jabatan Perubatan, Jabatan Kesihatan dan sebagainya. Manakala syarikat-syarikat swasta yang terdiri dari syarikat-syarikat penerbangan seperti Syarikat Penerbangan Diraja Brunei yang memainkan peranan terbesar di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, pekedai-pekedai dan kaunter-kaunter perkhidmatan yang juga memberikan perkhidmatan secara terus (direct) kepada orang ramai dan penumpang-penumpang.

Sambutan Hari Pelanggan ini akan diadakan setiap tahun dengan hasrat bukan sahaja bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada warga Perkhidmatan Awam (PA) di lapangan terbang ini mengenai dengan kepentingan perkhidmatan yang berorientasikan 'mesra pelanggan' bahkan juga untuk memberikan pendedahan kepada orang ramai ber-

hubungan dengan jenis-jenis perkhidmatan yang diberikan kepada pengguna-pengguna di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas.

Di antara atur cara yang akan diadakan semasa Hari Pelanggan itu nanti ialah perasmian Hari Pelanggan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar Bin Haji Apong, selaku tetamu kehormat serta pelancaran pakaian seragam pekedai-pekedai yang beroperasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Majlis juga akan diselenggarakan dengan acara pembukaan rasmi restoran Royal Brunei Catering, Airport Restaurant.

Selain itu, aktiviti-aktiviti khusus juga akan diunkayahkan yang dibuka kepada orang ramai dan penumpang-penumpang, selama seminggu bermula dari tarikh pelancaran tersebut.

Di samping itu, Kuiz Hari Pelanggan juga akan diadakan di sepanjang hari pelancaran tersebut yang akan

diunkayahkan oleh Jabatan Penerbangan Awam khusus bagi penumpang-penumpang dan orang ramai manakala 'promotional gifts' juga akan diberikan kepada penumpang-penumpang yang membeli-belah di kawasan 'airside' Dewan Bertolak.

Beberapa taklimat yang menjurus kepada pemberian perkhidmatan-perkhidmatan yang berbentuk 'customer oriented' telah dilaksanakan seperti taklimat adat istiadat dan kursus perkhidmatan pelanggan. Taklimat keselamatan di lapangan terbang juga telah diadakan yang disampaikan oleh Pegawai Polis Lapangan Terbang yang bertujuan untuk memberikan pengetahuan kepada semua agensi-agensi yang berkhidmat di Lapangan Terbang Antarabangsa berhubung dengan penggunaan pas badan dan barang bawaan atau jualan yang dibawa masuk ke kawasan terlarang di lapangan terbang ini.

Sehubungan itu, jabatan ini mengalu-alukan orang ramai untuk sama-sama hadir dan mengikuti aktiviti-aktiviti yang disediakan pada Hari Pelanggan itu nanti.

CEGAH RASUAH NEGARA BERMARUAH چڭه رشواه نڭارا برمرواه

تدريبتكن اوله جياتن فتراغن، جياتن فردان منترى دان دچيتق اوله جياتن فرچيتقن كراجان، جياتن فردان منترى، نڭارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicitak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

BILANGAN 50

RABU 13 DISEMBER 2006

رابطه 22 ذوالقعدة 1427

PERCUMA

TALIAN PENTING

Ambulans

991

Polis

993

Bomba & Penyelamat

995

Mencari & Menyelamat

998

PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN PENTING

Air

140

Talian Kebajikan

141

Elektrik

144

Maklumat Penerbangan

2331747

Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut)

2332600

Unit Pengurusan Bencana Alam

2381874

2381313

2382143

2382027

Selesema Burung

8984777

8985777

KEJOHANAN Sukan Orang Kurang Upaya Bagi Timur Jauh dan Pasifik Selatan (FESPIC) Kuala Lumpur '06 menjadi pengukur terbaik buat penyertaan atlet Orang Berkeperluan Khas negara untuk mempersiapkan diri lebih mantap dan menilai sejauh mana kemampuan bersaing pada peringkat antarabangsa.

Pertemuan kali kesembilan yang berlangsung di Kuala Lumpur yang bermula pada 25 November sehingga 1 Disember itu merupakan persaingan terakhir bagi edisi kejohanan FESPIC kerana selepas ini ia akan dinamakan Sukan Para Asia yang bermula pada tahun 2010.

Ketika Kuala Lumpur memahat sejarah menjadi venue terakhir dan Jepun mencatat kenangan manis menjadi medan persaingan sulung FESPIC, kontinjen negara pula akur dengan kemampuan membawa pulang satu pingat gangsa yang diperolehi menerusi acara javelin oleh Sibuang Haji Kalong.

Jika dihitung dengan jari, jumlah kutipan pingat itu dilihat sangat berbanding jumlah yang diperolehi pada kejohanan FESPIC Ke-8 di Busan yang memberi habuan sebanyak dua pingat emas, tiga perak dan dua pingat gangsa sekali gus menduduki tangga ke-18 dari 43 buah negara.

Sebaliknya, jika diamati prestasi dan penonjolan atlet yang memberi persaingan, ia boleh membanggakan malah beberapa rekod dari penyertaan mereka pada sukan itu telah berjaya diperbaharui cuma penyertaan julung kali dari negara-negara Asia Barat kerap menghalang kejayaan atlet negara.

Penyertaan negara-negara Asia Barat telah memberikan persaingan sangat mencabar dan begitu kompetitif dan penonjolan sulung mereka juga membuahkan hasil yang baik.

Ketua Kontinjen Negara Brunei Darussalam, Dayang Hajah Misnah Haji Bolhassan yang mengesahkan perkara itu menjelaskan selama empat tahun selepas kejohanan di Busan merupakan satu proses perubahan yang banyak dan peningkatan sesebuah negara juga sangat ketara.

Hakikatnya, penurunan jumlah kutipan pingat ini bukannya disebabkan kemerosotan keupayaan atlet negara tetapi disebabkan keazaman atlet-atlet luar yang menyertai sukan ini begitu tinggi sehingga pada sesuatu pencapaian boleh menyaingi atlet normal.

FESPIC KL'06 telah menyaksikan sebanyak 26 rekod dunia bagi Sukan Para Olimpik Antarabangsa telah dipecahkan dan 66 rekod FESPIC juga diperbaharui.

Namun, kontinjen negara perlu mendapat pujian kerana FESPIC Ke-9 telah menyaksikan negara menduduki tangga ke-36 dari 46 buah negara dengan beberapa rekod peribadi yang dilakukan di ASEAN Para Games juga berjaya diperbaharui.

Kejayaan ini merupakan penanda terbaik bagi peningkatan prestasi sekalipun pencapaian terbaik mereka itu tidak mampu menjelmakan habuan kilauan pingat.

Malah lebih membanggakan Dayang Hajah Misnah ialah tercapainya misi kontinjennya yang telah berjaya membuktikan kesungguhan untuk menyaingi atlet antarabangsa sekali gus menunjukkan persaingan kontinjen negara juga hebat dalam sukan ini.

Seramai sembilan orang atlet yang menjadi sandaran negara bersaing edisi FESPIC terakhir ini terpilih berasaskan sukat-sukat dari rekod dan pencapaian mereka dalam sukan 3rd ASEAN Para Games 2005.

Sibuang Haji Kalong, Shahri Haji Jumaat, Rosli Haji Hastan, Hirdan Haji Abd. Kadir, Jusnani Haji Kamis, John Vianni Chandau dan Alihan Muda



KETUA Kontinjen Negara Brunei Darussalam bagi Sukan FESPIC KL'06, Dayang Hajah Misnah Haji Bolhassan mahu mencungkil lebih banyak atlet muda untuk menyertai pelbagai acara Sukan Orang Berkeperluan Khas.

menyerlahkan saingan masing-masing dalam acara Lempar Cakera, Rejam Lembing dan Buang Peluru.

Sementara, Ampuan Yusri Ampuan Yusof dan Dk. Norol Afizah Pg. Osman bersaing dalam lompat jauh, acara larian 100 meter, 200 meter dan 400 meter.

Pencapaian suram kontinjen negara ini boleh dijadikan landasan terbaik untuk mengukur sejauh mana kebolehan atlet negara kerana apa sahaja penyertaan negara pada kejohanan-kejohanan akan datang pasti mencabar dan persaingannya juga getir.

Dari sinilah, para atlet perlu terus berusaha dan membuat perubahan untuk bersaing dengan atlet antarabangsa dengan memperbaiki kelemahan dan melalui pengalaman serta pembelajaran yang diperolehi ini menjadi



Oleh:
Samle Haji Jait
samli.jait@
information.gov.bn

Foto:
Ampuan Haji
Mahmood
Ampuan Haji
Tengah



PINGAT SULUNG ... Sibuang Haji Kalong satu-satunya menyumbang pingat gangsa untuk kontinjen negara di Sukan Orang Kurang Upaya Bagi Timur Jauh dan Pasifik Selatan (FESPIC) KL'06 menerusi acara javelin bagi Kategori Kurang Upaya Penglihatan.

FESPIC KL'06 **Kontinjen negara** **raih satu pingat gangsa**

Pencapaian rekod peribadi baru di Sukan FESPIC KL'06

Atlet	Acara	Rekod Lama (Sukan Para ASEAN Kali Ke-3 di Manila)	Rekod Baru (FESPIC KL'06)
Rosli Haji Hastan	Lempar Cakera	35.00 meter	36.06 meter
Jusnani Haji Kamis	Lempar Cakera	16.25 meter	17.43 meter
John Vianni Chandau	Javelin	33.60 meter	35.90 meter
Hirdan Haji Abd. Kadir	Javelin	17.26 meter	17.73 meter
Shahri Haji Jumaat	Javelin	21.24 meter	22.72 meter

langkah terbaik kepada peningkatan semua atlet khususnya Orang Berkeperluan Khas.

China yang akan menjadi tuan rumah pada Kejohanan Sukan Para Asia 2010 merupakan peluang terbaik bagi mencungkil bakat-bakat baru dan muda untuk diasuh dalam beberapa disiplin sukan yang mampu memberi saingan tanpa hanya mempergunakan acara padang dan bala-ban.

Sukan Orang Berkeperluan Khas yang dijangka pada awal

tahun 2007 turut membuktikan usaha terbaik untuk menarik minat atlet Orang Berkeperluan Khas di negara ini bagi menyertai beberapa acara sukan untuk diketengahkan selain seperti renang, boccia, boling padang, badminton, angkat berat, tenis bowling dan 'goal ball' sekali gus membantu mempelbagaikan penyertaan sukan di negara ini pada kejohanan yang lain nanti.

Sementara itu, latihan secara intensif juga perlu diteruskan dari semasa ke semasa bagi meman-

tapkan dan peningkatan prestasi dalam persediaan Sukan 4th ASEAN Para Games yang dijangka berlangsung pada tahun 2007 dan sukan 5th ASEAN Para Games (2009) sebelum berlangsungnya Asia Para Games pada 2010.

Adalah diharapkan persiapan awal dengan penampilan muka-muka baru itu nanti akan dapat memperbaiki kedudukan negara dan juga kutipan pingat pada penyertaan kita di kejohanan peringkat ASEAN dan antarabangsa.

KONTINJEN Negara Brunei Darussalam perlu mendapat pujian selepas memberi saingan yang begitu memberangsangkan sekalipun gagal memperolehi lebih banyak pingat (kiri).

BANGGA ... Sibuang menyumbang pingat gangsa dalam acara javelin Kategori FII Kurang Upaya Penglihatan (kanan).



Sumbangan KDNK sektor bukan minyak meningkat

MANGGIS, Selasa, 7 November. - Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, berkata sektor bukan minyak menyumbang 43 peratus jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan 15 peratus daripada sektor kerajaan dan 28 peratus daripada sektor swasta.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad menambah dengan sumbangan sektor bukan minyak gas kepada pertumbuhan ekonomi memperlihatkan peningkatan sektor ini sejajar dengan usaha kerajaan mempelbagaikan kegiatan ekonomi negara bagi meredakan pergantungan terhadap kedua-dua sektor itu.

Dalam perangkaan bulan Ogos 2005 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan dan Kema-juan Ekonomi (JPKE) harga semasa oleh beberapa negara jumlah KDNK telah diperuntukkan kira-kira \$16.9 bilion, dengan pertukaran per kapita ialah \$42.90.

Menurut Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama lagi, walau bagaimanapun, sektor minyak dan gas kekal menjadi tunjang pertumbuhan ekonomi negara dengan menyumbangkan 57 peratus jumlah KDNK.

Jumlah itu meningkat kerana sumbangan sektor bukan minyak dan gas pada 1991 ialah 37.7 peratus, semasa berucap pada Majlis Penyampaian Anugerah Bisnes LiveWIRE 2005/2006 yang berlangsung di salah sebuah kompleks membeli-belah terkemuka di sini.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat yakin bahawa untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah negara maju yang berkekal, pemikiran negara harus tertumpu kepada membangunkan budaya pencapaian tinggi agar dapat bersaing dengan dunia luar dan tidak hanya terikut-ikut.

Bagi menuju hasrat itu, Yang Berhormat menegaskan supaya sikap rakyat dan penduduk bersikap kreatif, inovatif, tinggi daya ciptaan dan berjiwa keusahawanan perlu ditekankan dan digalakkan bagi meningkatkan pembangunan minda kreatif mereka.

Yang Berhormat juga menyarankan supaya wawasan dan matlamat jangka panjang pembangunan sumber manusia perlu dikaji semula dan dikesampingkan bagi mencapai matlamat itu.

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, tegas Yang Berhormat mempunyai wawasan untuk bagi mencapai pembangunan yang berpulangan tinggi serta berkekal dan pada tahun 2023, kementerian akan meningkatkan sumbangannya bagi pembangunan sumber manusia kepada \$4.5 bilion berbanding dengan hanya \$500 juta ketika ini.

Oleh : Dk. Hajah. Fatimah

Pg. Haji Md. Noor

fatimah.noor@information.gov.bn

Yang Berhormat juga menyatakan program yang dianjurkan oleh LiveWIRE yang bermula pada 2001 membantu pembangunan ekonomi jangka panjang perusahaan kecil dan Sederhana (SME) negara.

Setelah lima tahun penubuhannya, Yang Berhormat mencadangkan supaya maklumat mengenai kejayaan dan kegagalan yang dicatatkan oleh program itu disalurkan kepada kementerian supaya

dapat digunakan sama dalam perancangan masa depan kementerian.

Yang Berhormat menambah, kementeriannya mempunyai dua tugas utama iaitu melaksanakan dasar mempelbagaikan ekonomi supaya selaras dengan sumbangan terkini kepada ekonomi negara dari minyak dan gas serta menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah masyarakat perniagaan yang maju

dengan kewujudan budaya keusahawanan tinggi di kalangan generasi muda.

Di akhir majlis, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menyampaikan hadiah-hadiah dan sijil-sijil penyertaan kepada para pemenang dalam pelbagai kategori iaitu Business Plan dan The Business Star-Up. Program LiveWIRE Brunei adaptasi dari Shell United Kingdom, salah satu rancangan strategi sosial pelaburan yang ditaja sepenuhnya oleh Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP).



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad ketika menyampaikan hadiah berupa wang tunai \$4,000.00 kepada Dayang Nadia binti Haji Adenan dari Lemonaden Hair & Beauty yang mendapat naib juara bagi Kategori Business Start-ups. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad menyampaikan Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-23. - Foto : Ramli Tengah.

MPUSB dinaikkan taraf kepada Diploma Perguruan

Oleh : Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 November. - Kementerian Hal Ehwal Ugama sudah menyiapkan perancangan untuk menaikkan taraf pengajian dan Latihan Perguruan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan (MPUSB) ke peringkat Diploma Perguruan mulai tahun depan.

Langkah terbaru itu bagi menggantikan taraf pengajian dan latihan bertaraf sijil yang sudah berusia 33 tahun.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin berkata demikian pada Majlis Konvokesyen Ke-28 MPUSB yang berlangsung di dewan maktab berkenaan di sini.

Yang Berhormat menjelaskan, penaikan taraf itu bagi menjunjung titah dan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya taraf pengajian maktab berkenaan dinaiktarafkan setelah lebih suku abad penubuhannya.

"Dengan berilhamkan kerja keras dan kebijaksanaan sewaktu MPUSB ini ditubuhkan dan mula berfungsinya pada 1972 yang didorong oleh niat murni dengan wawasan dan misi yang jelas demi kepentingan kehidupan beragama yang sempurna di Brunei, maka mudah-mudahan kita akan berjaya meninggikan taraf latihan serta pengajiannya daripada taraf sijil kepada taraf diploma," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat berkata, maktab itu adalah antara mercu tanda perkembangan Islam di negara ini dengan hasilnya yang ketara ialah pelajar lepasan maktab itu kini menyumbangkan khidmat bakti mereka dalam bidang agama terutama di bidang perguruan serta pengurusan pelajaran agama.

Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat menasihatkan lepasan maktab supaya sentiasa menjaga status kerjaya mereka sebagai guru agama kerana latihan dan ilmu yang

dikuasai, meskipun hanya bertaraf sijil cukup untuk membawakan peranan menjadi 'orang agama'.

"Sekurang-kurangnya orang agama, dalam keluarga anda dan di kampung halaman anda," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menasihatkan mereka supaya memperdalamkan ilmu yang diterima menerusi amalan untuk menambah lagi pengalaman, di samping memahami sepenuhnya nilai kerjaya masing-masing.

Sementara itu Pengetua maktab berkenaan, Awang Haji Abdul Rahim bin Haji Gantang dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan pada tahun ini seramai 115 pelajar menerima Sijil Latihan Perguruan Ugama Seri Begawan bagi sesi 2003 hingga 2006.

Pada majlis itu juga, 14 orang guru menerima Sijil Lanjutan Seni Membaca Al-Qur'an bagi sesi pengajian 2005 dan 2006 dan 11 orang

lagi menerima hadiah Pelajar Terbaik bagi sesi 2005 dan 2006.

Seorang pelajar pula dianugerahi hadiah Pelajar Cemerlang dan Praktis Mengajar pada tahun ini.

Penyampaian sijil-sijil disempurnakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin menyampaikan sijil kepada seorang guru di Majlis Konvokesyen Ke-28 Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan (MPUSB). - Foto : Haji Sahrin Haji Asmat.

Persiapan acara sambutan

Oleh : Maslina Awang Kurus

JALAN KEBANGSAAN, Sabtu, 18 November. - Semua pihak yang telah diamanahkan untuk menangani acara-acara sambutan yang telah disepakati diingatkan supaya akan segera menggerakkan dengan sempurna mengikut perencanan yang telah disusun.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud mengingatkan perkara tersebut pada Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Tertinggi Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-23 berlangsung di Dewan Digadong di sini.

Pada mesyuarat itu Yang Berhormat juga mengambil maklum bahawa satu Mesyuarat Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Kerja telah diadakan dan beberapa keputusan telah diambil dengan mengambil kira pertimbangan yang munasabah dan nilai-nilai yang terbaik.

Mesyuarat kedua diadakan bagi mendengar Laporan Urus Setia tentang perkembangan terkini persediaan sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan Ke-23 seperti yang telah disepakati dalam mesyuarat kali pertama,

termasuklah gagasan serta huraian persembahan padang.

Yang Berhormat pada mesyuarat itu juga sukacita menyebarkan ucapan menjunjung kasih dan menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih atas kerjasama yang padu dan komitmen yang tinggi semua pihak yang terlibat dalam setiap kali usaha sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan.

Pada mesyuarat kali pertama, majlis telah menerima tema 'Iltizam Memperkasakan Bangsa' yang menekankan peri mustahaknya bangsa Brunei memiliki iltizam yang tinggi untuk membina peradaban yang lebih cemerlang demi memperkasakan semangat kebangsaan, beragama dan bernegara.

Tema tersebut telah pun mendapat titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui warak baginda pada 1 Julai 2006.

Selain itu mesyuarat juga meneliti laporan 'post-mortem' sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan Ke-22 yang sangat berguna sebagai panduan untuk kerja-kerja sambutan Hari Kebangsaan Ke-23 iaitu memperbaiki mana-mana kelemahan dan jika perlu menambahkan nilai-nilai tambah yang berdaya kreatif tinggi.

Sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan Ke-23 akan diusahakan dalam format selayaknya sebagai statusnya perayaan nasional.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berharap sambutan itu nanti dapat mempamerkan persembahan berkualiti tinggi yang menjurus kepada tema sambutan tetapi yang lebih penting ia berkesan untuk mempertahankan semangat patriotik kebangsaan dan bernegara, di samping mengeratkan kerjasama seluruh lapisan rakyat di negara ini.

Sastera dan Budaya

سستردان بوداي

Ibadat Haji dalam masyarakat Melayu Brunei :

Oleh : Cenderawasih

ANTARA AGAMA DAN ADAT

Terdapat juga orang-orang Melayu Brunei yang bersedekah dengan cara yang berlainan. Lazimnya orang-orang Brunei kita juga akan bersedekah dengan cara menyimpan barang-barang yang akan disedekahkan itu di atas tudung dulang yang diterbalikkan. Tudung dulang itu akan disimpan makanan ringan seperti keropok yang bertujuan supaya jemaah haji itu akan sentiasa ringan. Begitu juga sedekah yang berupa makanan atau minuman yang sejuk-sejuk seperti ais krim, air sejuk dan sebagainya yang bertujuan supaya jemaah haji itu tidak akan merasa dahaga atau kehausan. Ada juga di antara orang-orang kita yang bersedekah telur kepada kanak-kanak yang tidur. Telur itu akan disimpan di tepi bantal kanak-kanak itu tadi sehingga ada yang di antara kanak-kanak yang tidur tadi terkejut melihat telur yang berada di tepi bantal tidur mereka. Ini juga sering dilakukan pada masa dulu, kerana keluarga bakal haji berpendapat bahawa dengan berbuat demikian jemaah-jemaah haji di tanah suci akan mendapat kemudahan untuk mengutip batu-batu yang digunakan untuk melontar di Mina nanti. Bagi saya amalan sedekah itu memang digalakkan dan disunatkan dalam Islam tetapi janganlah kita sesuka hati membuat andaian sendiri yang kita bersedekah itu dan ini kerana sesuatu perkara, malah kita bersedekah kerana Allah dan kita memohon kepadanya agar sesuatu yang kita hajati itu akan terkabul.

Apabila tibanya waktu makan pula, keluarga di rumah pada kebiasaannya akan memasak jenis makanan harian yang sering dimakan oleh bakal haji atau masakan kegemaran bakal haji. Fahaman mereka ialah supaya orang haji itu akan terhidu bau makanan yang dimasak, lebih-lebih lagi ia adalah masakan kegemaran bakal haji. Mereka juga berpendapat supaya bakal haji yang berada di tanah suci itu terasa untuk memakan makanan kegemarannya dan akan mencarinya serta boleh menambah selera makan bakal-haji tersebut. Pendapat ini juga kurang berasas kalau difikirkan dengan akal tetapi inilah pendapat sebilangan orang-orang Melayu Brunei kita dahulu dan mungkin juga sekarang.

Tentang Hajarulaswad pula memang ramai yang telah mengetahui mengenainya. Menurut hadis yang mengatakan bahawa Hajarulaswad itu adalah batu yang datang dari syurga dan berwarna sangat putih, lebih putih daripada susu tetapi yang menghitamkan ialah dosa-dosa anak Adam dan boleh menyembuhkan sebarang penyakit dengan izin Allah Ta'ala jua. Maka banyaknya di antara orang-orang Brunei kita ingin menyentuh atau mencium batu Hajarulaswad bagi mendapatkan keberkahannya. Sehingga ada yang berpendapat bahawa barang siapa yang tidak mencium Hajarulaswad, maka tidaklah sempurna ibadat haji seseorang bakal haji itu. Pandangan ini adalah salah sama sekali. Sedangkan kita ketahui mencium Hajarulaswad itu hanyalah sunat dan bukannya rukun dalam menunaikan haji. Lebih-lebih lagi ada yang sanggup berebut-rebut, tolak-menolak berlaku dan ada juga yang mula menyerbu Hajarulaswad beramai-ramai selepas selesai mengerjakan sembahyang. Kadangkala perbuatan ini akan mengakibatkan kecederaan kepada golongan orang tua, kanak-kanak dan kaum perempuan. Perbuatan sedemikian mungkin sudah menimbulkan dosa dan perlu diambil iktibar. Mencium Hajarulaswad itu cukup sekadar dengan cara cucupan istilam sahaja. Ini menunjukkan Allah itu Maha Bijaksana dan ia tidak pernah menyusahkan hambanya tetapi hamba itu yang menyusahkan dirinya sendiri. Ada juga yang berpendapat bahawa Hajarulaswad itu adalah seperti simbol kelahiran perempuan sehingga ada pada sesetengah orang-orang kita semasa mencium itu menyebut "Aku mencium rahim ibuku" kerana mereka melihat pada struktur atau bentuk luaran Hajarulaswad itu sendiri. Fahaman ini sudah bercanggah dengan ajaran Islam dan boleh membawa kepada dosa kerana kita sudah mengetahui akan kelebihan Hajarulaswad, asal usulnya, keagungan dan kesuciannya.

Semasa mengerjakan tawaf pula, orang Brunei mahupun orang lain akan sama-sama mengelilingi Ka'bah sebanyak tujuh kali. Ramai juga di antara orang-orang kita yang pernah menolong jemaah-jemaah haji yang lain dengan perasaan yang gembira. Di sebalik itu juga ada terselit sebilangan jemaah haji kita yang membawa fahaman-fahaman yang karut dan tidak ada dalam perkara-perkara menunaikan tawaf. Ianya sudah menjadi adat kebiasaan orang-orang Melayu Brunei yang membawa barang-barang bersama mereka untuk ikut tawaf kerana berfahaman untuk mendapatkan berkat. Barang-barang yang dibawa itu adalah seperti wang ringgit, emas, perak dan barang-barang kemas yang lain. Sehingga timbulah istilah 'wang berkat' atau 'gelang berkat' yang diperolehi dari hasil tawaf itu tadi. Ada juga yang berpendapat wang atau barang kemas yang ditawarkan itu boleh memurahkan rezeki dalam kehidupan. Walhal perbuatan itu tadi boleh menyebabkan kehilangan wang atau barang kemas yang membawa kepada kerugian tetapi timbul pula pendapat bahawa wang atau barang kemas yang hilang itu adalah wang atau barang kemas yang tidak mempunyai berkat. Saya rasa perbuatan ini patut dihapuskan di kalangan masyarakat kita kerana ianya boleh membawa kepada syirik dan bida'ah kerana rezeki yang baik itu adalah rezeki yang diperolehi dari usaha dan titik peluh sendiri serta hendaklah kita memohon kepada Allah kerana Dialah Tuhan yang Maha Kaya, pemberi rezeki kepada hamba-Nya.

Dalam kita menunaikan ibadat haji itu, ibadat wukuf adalah ibadat yang paling penting sekali dan yang paling utama. Wukuf itu bermaksud berhenti di Padang Arafah yang disyaratkan supaya dikerjakan dalam masa mulai dari tergelincir matahari, 9 Zulhijah hingga fajar pada 10 Zulhijah. Hari wukuf itu juga adalah hari yang paling agung apatah lagi jika hari wukuf itu jatuh pada hari Jumaat maka haji itu digelar *Haji Akbar* atau *Haji Agung* atau *Haji Besar* yang sama dengan tujuh kali menunaikan haji. Ibadat wukuf di Arafah itu sangat penting kerana tanpa wukuf, tiadalah sah haji baginya. Dalam hadis pun ada menyatakan bahawa haji itu adalah Arafah, tiada Arafah tiada haji.

Ketika orang-orang Brunei kita menunaikan wukuf itu, ada juga timbul fahaman-fahaman yang keluar daripada ajaran-ajaran Islam. Kita ketahui hari wukuf itu adalah hari yang mempunyai banyak kelebihan dan penuh dengan keberkatan, jadinya terdapat segelintir orang-orang Brunei kita yang membawa *kerak* nasi bersamanya yang dibungkus dengan bahan yang lain. Ia dipercayai untuk mendapatkan berkat dan kemudiannya bertujuan untuk dimasukkan ke dalam tiang rumah yang hendak dibangunkan. Ada juga adat sesetengah orang Brunei yang memeluk tiang jin yang terletak di Mekah di mana mereka berpendapat barang siapa yang memeluk tiang itu dan semasa memeluk itu jari tangan kanannya sampai menyentuh dengan jari tangan kirinya, maka ia dipercayai akan sampai lagi ke sana kelak atau dalam erti kata lain ia akan datang lagi ke Tanah Suci untuk menunaikan ibadat haji dan begitu juga sebaliknya. Bagi saya, adat ini adalah salah dan bertentangan dengan kepercayaan kita sebagai penganut agama Islam.

Hanya Tuhan saja yang tahu akan ganjaran yang bakal kita terima kelak dari apa yang kita lakukan. Sepatutnya kita memohon dan meminta belas kasihan Allah untuk mengampunkan segala dosa-dosa yang pernah kita lakukan dan janganlah kita menambah dosa pula dengan melakukan perkara-perkara yang dilarang dalam Islam. Dalam mencari keberkatan dengan membawa kerak nasi itu tadi, sudah menunjukkan bahawa seseorang itu sangat mengharap kepada kerak nasi tersebut yang sudah bertukar menjadi benda *mand* untuk keberkatan rumahnya nanti. Bagi saya, ini adalah salah kerana rumah yang berkat itu adalah rumah yang disinari dengan cahaya Al-Qur'an di mana penghuninya sentiasa membaca Al-Qur'an dan berzikir kepada Allah. Manakala mengenai dengan adat memeluk tiang jin itu pula terpesong fahamannya kerana mungkin kita boleh membuat anggapan atau janji yang kita akan menunaikan haji lagi tetapi Tuhan jua yang menentukan kerana kita tidak mengetahui sama ada kita berkesempatan untuk menunaikan haji sekali lagi atau tidak. Lebih-lebih lagi kita tidak ketahui apa yang akan berlaku kelak.

Sebelum menyambut kedatangan jemaah haji untuk pulang ke tanah air, ahli keluarga di tanah air sangat sibuk dengan persiapan yang sepatutnya disambut dengan meriah dan kegembiraan. Adakalanya semingggu sebelum jemaah haji balik ke tanah air, selalunya mengikut adat kebiasaan ahli keluarga akan bersedekah makanan *Apam Balik* dan *Calak Lambai*. Ada juga di antara orang-orang Brunei kita yang masih mengamalkan adat sedekah sedemikian. Mereka percaya bahawa dengan bersedekah makanan *Apam Balik* yang bertujuan supaya jemaah haji itu akan selamat balik. Ada juga yang berpendapat bahawa bersedekah makanan *Calak Lambai* yang bermaksud melambai jemaah haji tersebut agar segera pulang atau cepat pulang ke tanah air kerana memandangkan perjalanan pada masa dulu dari tanah suci dengan menggunakan kenderaan kapal laut boleh mengambil masa kira-kira tiga bulan.

Mereka juga percaya dengan bersedekah makanan tersebut dapat mempercepatkan lagi masa perjalanan jemaah haji dari Tanah Suci ke tanah air. Pendapat saya adat bersedekah ini adalah baik di sisi agama dan sangat digalakkan tetapi janganlah kita beranggapan bahawa bersedekah makanan tersebut boleh mempercepatkan waktu, menyelamatkan jemaah haji dan sebagainya. Adalah juga digalakkan kita bersedekah makanan selain daripada makanan *Apam Balik* dan *Calak Lambai* itu dengan bermohon sepenuhnya kepada Allah kerana lebih baik kita tumpukan keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah serta mengharapkan pertolongan-Nya. Kita tidak mengetahui apa yang akan berlaku selama perjalanan jemaah haji pulang menuju ke tanah air itu. Ada juga jemaah haji yang sempat menunaikan haji tetapi tidak sempat untuk mene-

Siri Akhir

mui keluarga dan sanak saudara di tanah air kerana perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku ketika dalam perjalanan pulang. Sebaliknya kita berusaha terlebih dahulu, kemudian berdoa kepada Allah untuk memohon perlindungan bagi jemaah-jemaah haji, percaya akan ketentuan Qadad dan Qadar Allah Ta'ala dan seterusnya bertawakal kepada Allah dengan hati yang reda.

Setiap tahun selalunya jemaah-jemaah haji Brunei Darussalam akan memakai pakaian seperti orang Arab iaitu dengan memakai *gamis*, *igal*, *jubah*, *sahal* dan sebagainya mengikut selera masing-masing. Tetapi adalah menjadi adat kebiasaan bagi jemaah akan selalu memakai topi haji atau kupiah haji yang berpendapat bahawa ianya mesti dipakai bagi menandakan haji seseorang dan ada kalanya menjadi larangan terhadap jemaah haji jika tidak memakai topi haji. Ini menjadi perbualan yang besar terhadap orang-orang Brunei dalam pemakaian topi haji. Sebenarnya pemakaian topi haji itu bukanlah satu kemestian atau kewajiban bagi jemaah-jemaah haji untuk memakainya bagi menandakan haji seseorang. Ini kerana hukum memakai kupiah atau topi haji itu adalah sunat sahaja dan yang pernah saya bincangkan di awal artikel ini. Rasulullah sendiri tidak menggelarkan dirinya Haji Muhammad walaupun telah menunaikan ibadat haji. Jadinya adalah salah jika kita menghukumkan memakai topi haji itu adalah wajib ke atas orang yang balik selepas menunaikan haji atau orang yang sudah menunaikan haji kerana kalau kita lihat jemaah haji dari Indonesia sendiri tidak memakai topi haji tetapi cukup hanya dengan memakai songkok hitam sahaja.

Apabila jemaah haji selamat sampai ke tanah air, keadaan riuh rendah akan berlaku bagi menyambut kedatangan jemaah haji sehingga dipeluk dengan erat oleh ahli keluarga dan kaum kerabat. Bagi saya, perbuatan ini tidaklah dilarang dan ini sudah menjadi adat kebiasaan orang-orang Brunei tetapi janganlah sampai berlaku peluk memeluk dengan yang bukan mahram kerana ini sudah menjadi haram atau larangan. Ini kadang-kadang berlaku disebabkan oleh perasaan sangat gembira yang tidak dapat dikawal lagi dan mungkin disebabkan ada pendapat bahawa memeluk jemaah haji itu adalah juga untuk mendapatkan berkat sehingga tidak lagi menghiraukan hukum bersentuhan kulit antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram.

Bagi memeriahkan lagi suasana menyambut kepulangan orang haji setiap rumah haji akan dihias dengan perhiasan dan daun seperti buluh, bendera-bendera dan yang menjadi adat ialah mendirikan pintu gerbang kerana amalan ini dikatakan tidak lengkap bagi menyambut orang haji tanpa pintu gerbang. Adat mendirikan pintu gerbang ini sudah menjadi kebiasaan orang-orang Brunei menyambut kepulangan orang haji sehingga ia menjadi kemestian. Bagi pandangan saya, adat mendirikan gerbang ini bukanlah satu kemestian bahkan ia adalah lambang kegembiraan sahaja terhadap kepulangan jemaah haji. Adat ini tidaklah menyalahi dari segi agama tetapi janganlah terselit rasa bangga diri, menunjuk-nunjuk atau adanya sikap berlawanan-lawan dengan jiran atau siapa sahaja yang juga menyambut kepulangan jemaah haji. Ini adalah kerana dengan adanya sifat-sifat yang keji tersebut boleh membawa kepada sesuatu yang haram dan saya rasa adalah lebih baik jemaah haji mendirikan pintu gerbang jika terselit sifat-sifat yang keji sedemikian.

Apabila datang ke rumah, sebelum jemaah haji melangkah hendak masuk ke pintu, jemaah haji akan memijak kain *'puadai'* iaitu kain putih yang panjang diletakkan sepanjang laluan orang haji. Ada yang beranggapan bahawa setiap langkah bakal haji iaitu tapak kakinya yang bersentuhan dengan kain *'puadai'* itu adalah berkat. Memanglah keberkatan itu ada pada jemaah haji tersebut sehinggalah terjadi perebutan sesama sendiri sama ada lelaki, perempuan mahupun kanak-kanak yang berebut untuk mengoyak kain *'puadai'*. Adat ini sudah ada sejak dahulu lagi tetapi ia telah berkurangan pada masa sekarang. Pendapat saya tentang adat ini sebenarnya tidaklah menjadi salah tetapi akan menjadi kesalahan dari segi agama jika menimbulkan pergaduhan, tolak-menolak dan menimbulkan rasa kebencian bagi mereka yang tidak memperolehi kain *'puadai'* itu tadi dan sebagainya. Lebih-lebih lagi seperti yang pernah berlaku semasa orang ramai menarik kain *'puadai'* itu ianya boleh menyebabkan jemaah haji terjatuh atau hampir terjatuh. Ini boleh men-

gundang dosa kepada penariknya dan sekali gus kepada adat ini dan saya rasa adalah lebih baik tidak mengadakan amalan ini.

KESIMPULAN

Memanglah kita ketahui bahawa jemaah haji yang baru balik dari tanah suci itu mempunyai berkat hasil dari mereka yang menziarahi tempat-tempat suci seperti Masjid Nabawi, Masjidilharam, Baitullah, mencium Hajarulaswad, wukuf di Arafah dan sebagainya. Tetapi adalah lebih baik jika kita meminta supaya orang haji tersebut agar mendoakan keampunan ke hadirat Allah kepada mereka yang hadir sebelum ia memasuki rumahnya. Seperti yang diriwayatkan dalam hadis:

"Apabila engkau menemui seorang haji (yang baru pulang dari menunaikan fardu haji) maka berilah salam kepadanya dan berjabat tanganlah (bersalaman) dengannya serta mintalah dia mendoakan untukmu keampunan sebelum dia memasuki rumahnya. Sesungguhnya keampunan itu adalah untuknya."

Ibadat haji itu adalah ibadat Rukun Islam yang keempat. Dalam menunaikan ibadat haji yang penuh dengan dugaan, rintangan dan memerlukan pengorbanan ini, janganlah dicampuradukkan dengan perkara-perkara yang mengurangkan kepercayaan-kepercayaan yang terpesong dari ajaran-ajaran agama Islam. Perbuatan seperti membawa wang ketika tawaf, barang kemas, membawa kerak nasi, memeluk tiang jin dan sebagainya itu hanyalah akan mengundang kemurkaan Allah dan mengakibatkan balasan api neraka.

Seperti dalam kita Al-Arba'ina An-Nawawiya ada menyebutkan yang bermaksud:

"Barangsiapa yang membuat dan mengadakan benda yang tiada di dalam Islam dengan sesuik hatinya dikatanyanya benda itu ada dalam Islam, adalah ditolak dan jadi sia-sia bahkan sebaliknya mendatangkan dosa dan masuk neraka."

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Siddik, *Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia*, Kuala Lumpur. Universiti Malaya, 1975.
- Aliy As'ad, Drs., *Fat-Hul Mu'in*, Jakarta: Menara Kudus, 1979.
- Hasbi Ash-Shiddieqy, Prof. T.M., *Al-Islam*, Jakarta: Bulan Bintang, 1972.
- Latif b. Haji Ibrahim, Haji, *Haji: Persepsi Orang Melayu Brunei*, Brunei, 1989.
- Mohd. Taib Osman, *Masyarakat Melayu: Struktur, Organisasi dan Manifestasi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.
- Osman b. Jantan Haji, *Pedoman Haji: Umrah dan Ziarah*, Singapura: Pustaka Nasional PTE. LTD., 1982.
- Taib Azamuddin Mohd. Taib, Al-Ustadz Haji, *Hikmat-Hikmat Ibadat Puasa dan Haji*, Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan, 1986.
- ¹ Prof. T.M. Hasbi As-Siddieqy, *Al-Islam*, bulan Bintang, Jakarta, 1972, hlm.134.
- ² Al-Ustadz Haji Taib Azamuddin Mohd. Taib, *Hikmat-Hikmat Ibadat Puasa dan Haji Pustaka Al-Mizan*, Kuala Lumpur, 1986, hlm.27. (Selepas ini al-Ustadz Haji Taib Azamuddin, Mohd. Taib, *Hikmat-Hikmat Ibadat Puasa dan Haji*).
- ³ Al-Ustadz Haji Taib Azamuddin Mohd. Taib, *Hikmat-Hikmat Ibadat Puasa dan Haji*, hlm. 26.
- ⁴ Haji Latif b. Haji Ibrahim, *Haji: Persepsi Orang Melayu Brunei*, Brunei 1989. hlm.9. (Selepas ini Haji Latif b. Haji Ibrahim, *Haji: Persepsi Orang Melayu Brunei*).
- ⁵ Abdullah Siddik, *Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975, hlm.3. (Selepas ini Abdullah Siddik, *Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia*).
- ⁶ Mohd. Taib Osman, *Masyarakat Melayu: Struktur, Organisasi dan Manifestasi*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989, hlm.148. (Selepas ini Mohd. Taib Osman, *Masyarakat Melayu: Struktur, Organisasi dan Manifestasi*).
- ⁷ Mohd. Taib Osman, *Masyarakat Melayu: Struktur, Organisasi dan Manifestasi*, hlm. 149.
- ⁸ Abdullah Siddik, *Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia*, hlm.7.
- ⁹ Haji Latif b. Haji Ibrahim, *Haji: Persepsi Orang Melayu Brunei*, hlm.23.
- ¹⁰ Haji Latif b. Haji Ibrahim, *Haji: Persepsi Orang Melayu Brunei*, Brunei, hlm.24.
- ¹¹ Haji Osman b. Jantan, *Pedoman Haji: Umrah dan Ziarah*, Pustaka Nasional PTE. LTD. Singapura, 1982, hlm. 6.

RASUAH : JEJAS IMEJ NEGARA, INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM

MARILAH kita tingkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan, dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya, mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Dalam kehidupan kita bermasyarakat, adalah menjadi kebiasaan dan amalan hidup untuk saling bantu-membantu antara satu sama lain tanpa mengira bangsa dan agama. Amalan ini merupakan salah satu cara bagi mengeratkan perhubungan silaturahim. Islam sendiri menggalakkan umatnya untuk melakukan apa jua kebaikan sama ada pertolongan tersebut berupa hadiah, sedekah, hibah, wakaf dan sebagainya, sama ada ia kecil atau besar, banyak atau sedikit. Yang paling utama menurut ajaran Islam ialah pemberian yang dilakukan itu adalah ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala semata-mata. Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

"Dari Abi Hurairah Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Janganlah engkau menghina seorang jiran yang menghadihkan kepada jirannya walaupun hanya dengan kuku kambing." (Riwayat Al-Imam Muslim).

Dalam pemberian hadiah, sama ada ia berupa galakan atau pengiktirafan di atas jasa-jasa yang tertentu misalnya penganugerahan hadiah kepada para tokoh dan jawatan negara dan seumpamanya, maka pemberian dan penerimaan hadiah dalam jenis ini tidaklah menjadi kesalahan dan tidak bertentangan dengan ajaran agama. Berlainan halnya jika sekiranya pemberian hadiah itu dari seseorang yang ada urusan rasmi dengan seseorang pegawai atau kakitangan jabatan kerajaan di tempat dia mempunyai urusan tersebut. Dalam hal ini, nilai hadiah yang diberikan terkeluar dari tujuan sebenarnya, sebaliknya ia sudah termasuk di dalam perbuatan rasuah. Pemberian jenis ini boleh mewujudkan keadaan terikat dan terutang budi di dalam diri

pihak penerima hadiah. Dengan kata lain, pihak pemberi mengharapkan suatu balasan daripada pihak penerima seperti kata pepatah 'ada udang di sebalik batu' iaitu rasuah berselindung di sebalik nama hadiah.

Dalam hubungan ini, sesetengah orang berpendapat bahawa pemberian dan penerimaan hadiah adalah merupakan adat atau budaya yang lazim dilakukan dalam urusan mereka. Akan tetapi, Akta Pencegahan Rasuah Penggal 131 telah menegaskan bahawa hadiah adalah salah satu bentuk suapan dan adat resam, tidak boleh dijadikan alasan untuk memberi atau menerima sebarang hadiah walau sekecil mana hadiah itu diberikan.

Sementara itu, menurut Peraturan 12 di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam Kelakuan dan Tatatertib yang terkandung di dalam Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Penggal 83

AMALAN rasuah adalah perkara yang amat dilarang oleh syarak dan tergolong dalam perbuatan dosa-dosa besar, kerana ia termasuk dalam perkara memakan atau mengambil harta orang lain dengan jalan yang salah.

memperuntukkan bahawa pegawai awam atau pegawai kerajaan dan keluarga mereka adalah dilarang dari menerima sebarang pemberian dari mana-mana pihak yang ada kaitan dengan tugas rasmi.

Larangan ini bersesuaian dengan ajaran Islam di mana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah mengutus Ibnu Utbiah kepada satu kabilah untuk mengutip zakat. Setelah beliau pulang, Ibnu Utbiah pun menyerahkan hasil kutipan zakat kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, sedangkan ada sebahagian lagi tidak diserahkan kerana ia adalah hadiah peribadi yang diberikan oleh kabilah itu

kepadanya. Ibnu Utbiah berkata: "Ini bahagian kamu dan ini apa yang dihadihkan kepadaku." Mendengar ucapan itu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya:


"Mengapa kamu tidak tinggal di rumah bersama ayah dan ibu kamu menantikan hadiah itu sampai kepada kamu, sekiranya kamu memang benar orang yang jujur." (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Amalan rasuah adalah perkara yang amat dilarang oleh syarak dan tergolong dalam perbuatan dosa-dosa besar, kerana ia termasuk dalam perkara memakan atau mengambil harta orang lain dengan jalan

yang salah. Ini ada dijelaskan dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Baqarah ayat 188, tafsirnya:

"Dan janganlah kamu makan atau mengambil harta orang-orang lain di antara kamu dengan jalan yang salah dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan atau mengambil sebahagian dari harta manusia dengan berbuat dosa, padahal kamu mengetahui salahnya."

Adapun mereka yang terlibat dengan amalan rasuah akan mendapat kemurkaan dan laknat daripada Allah Subhanahu Wa-



ta'ala, sebagaimana yang disebutkan dalam sebuah hadis, maksudnya:

"Dari Abdullah bin Amru, katanya: Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Laknat Allah ke atas pemberi rasuah dan penerima rasuah." (Riwayat Al-Imam Ibnu Majah).

Bersempena dengan Hari Antarabangsa Mementang Rasuah pada esok hari 9 Disember 2006, adalah tepat bagi kita semua menyedari tentang bahaya rasuah kerana rasuah itu boleh menjejaskan imej negara dan integriti Perkhidmatan Awam. Rasuah juga boleh mengakibatkan sikap mementingkan diri sendiri dan menjejaskan keadilan. Bagi sese-

orang yang terlibat di dalam gejala rasuah, perbuatannya itu boleh merosakkan imejnya sendiri serta keluarganya, selain daripada menerima hukuman seperti dipenjara dan dibuang kerja.

Oleh itu sama-samalah kita menghindarkan diri dari terlibat dengan amalan rasuah. Kita juga hendaklah sentiasa berwaspada dalam menerima sesuatu hadiah, kerana ditakuti tanpa kita sedari hadiah tersebut mengandungi unsur rasuah. Mudah-mudahan kita semua mendapat rahmat, taufiq dan hidayah dari Allah Subhanahu Wata'ala serta dijauhkan dari kemurkaan dan laknat Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal'alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Naml ayat 36, tafsirnya:

"Maka apabila utusan pembawa hadiah itu datang menghadap Nabi Sulaiman, berkatalah Nabi Sulaiman kepadanya: Tiadalah patut kamu memberikan kepadaku pemberian harta benda kerana apa yang telah diberikan Allah kepadaku lebih baik dari apa yang telah diberikannya-Nya kepada kamu, bukan aku yang memandang kepada pemberian hadiah bahkan kamulah yang bergembira dengan harta kekayaan yang dihidhihkan kepada kamu atau yang kamu hadihkan dengan perasaan megah."

OLEH itu sama-samalah kita menghindarkan diri dari terlibat dengan amalan rasuah. Kita juga hendaklah sentiasa berwaspada dalam menerima sesuatu hadiah, kerana ditakuti tanpa kita sedari hadiah tersebut mengandungi unsur rasuah.

وقت سمبھيغ، امساك، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سمبھيغ، امساك، شوروق دان ضحی باكي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 22 ذوالقعدة، 1427 برسماامن دغن 13 دسيمبر، 2006 هيغك كهاري ثلاث، 28 ذوالقعدة، 1427 برسماامن دغن 19 دسيمبر، 2006 اداله سفرت دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحی	مسيحي
نوالقعدة									دسيمبر
22	12.16	3.37	6.10	7.25	4.46	4.56	6.18	6.43	13
23	12.16	3.38	6.10	7.25	4.46	4.56	6.19	6.44	14
24	12.17	3.38	6.11	7.26	4.47	4.57	6.19	6.44	15
25	12.17	3.39	6.11	7.26	4.47	4.57	6.20	6.45	16
26	12.17	3.39	6.12	7.27	4.48	4.58	6.20	6.45	17
27	12.18	3.40	6.12	7.27	4.48	4.58	6.21	6.46	18
28	12.18	3.40	6.13	7.28	4.48	4.58	6.21	6.46	19

وقت ۲ سمبھيغ باكي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبھيغ فرض جمعة دسلوروه نكارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوكل 12.45 تغهاري.

Ketahuiilah bahaya cuai dalam sukatan dan timbangan!

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda).

ISLAM menuntut umatnya untuk mencari rezeki melalui jalan yang baik dan halal. Antara jalan mencari rezeki yang halal itu ialah melalui berniaga, yang mana sembilan daripada sepuluh punca rezeki itu bersumber dari perniagaan. Ianya adalah satu pekerjaan yang mulia kerana jika dilihat dari segi sejarah, Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam sendiri merupakan seorang peniaga. Baginda dikenali sebagai seorang pemuda yang sangat jujur, baik dalam hal kehidupan seharian mahupun dalam perniagaan. Maka kerana kejujuran Baginda itu juga, Baginda digelar Al-Amin.

Namun tujuan dan matlamat asal berniaga itu janganlah dicemari dengan perkara-perkara yang haram seperti memutar-beli, mengelirukan, mengkhianat, memeras pembeli dan menipu seperti mengurangkan timbangan dan sukatan kerana akibat dari perbuatan itu ialah mengurangkan hak pengguna. Malahan ianya juga termasuk di antara dosa-dosa besar.

Walaupun ada undang-undang untuk menyekat dan seterusnya menghalang sebarang penipuan dalam urusan jual beli, namun kerana liciknya penjual terjadi juga penipuan dalam perniagaan dengan pelbagai cara.

PERINTAH MENYEMPURNAKAN SUKATAN DAN TIMBANGAN

Syariat Islam telah lebih dahulu memerintahkan dan mengajarkan agar umatnya mengamalkan sikap jujur dalam semua hal dan ini termasuklah jujur dalam menyempurnakan sebarang sukatan, timbangan, takaran dan ukuran. Firman Allah Ta'ala yang tafsirnya:

"Dan betulkanlah cara menimbang itu dengan adil, serta janganlah kamu mengurangi barang yang ditimbang." (Surah Ar-Rahman: ayat 9).

Ini kerana perbuatan mengurangkan timbangan itu bermakna mengurangkan hak manusia dan perkara ini adalah dilarang. Firman Allah Ta'ala yang tafsirnya:

"Dan wahai kaumku! Sempurnakanlah sukatan dan timbangan dengan adil, dan janganlah kamu kurangkan manusia akan benda-benda yang menjadi haknya dan janganlah kamu merebakkan bencana kerosakan di muka bumi." (Surah Hud: 85).

Di samping itu terdapat beberapa ayat lain mengenai sukatan dan timbangan; antaranya Surah Yusuf ayat 59, awal Surah Al-Muthaffifin dan satu ayat lagi yang menceritakan bahawa Nabi Syu'aib 'Alaihissalam apabila diutus kepada kaumnya penduduk negeri Madyan, Nabi Syu'aib 'Alaihissalam bukan sahaja diperintahkan untuk menyeru mereka kepada tauhid; bahkan juga menyeru mereka agar menyempurnakan sukatan dan timbangan. Firman Allah Ta'ala yang tafsirnya:

"Dan kepada penduduk Madyan (Kami utuskan) saudara mereka Nabi Syu'aib. Dia berkata: 'Wahai kaumku, sembahlah kamu akan Allah, (sebenarnya) tiada Tuhan bagi kamu selain daripada-Nya. Sesungguhnya telah datang kepada kamu keterangan yang nyata dari Tuhan kamu. Oleh itu, sempurnakanlah sukatan dan timbangan dan janganlah kamu kurangkan bagi manusia akan benda-benda dan perkara-perkara yang menjadi haknya dan janganlah kamu berbuat kerosakan di muka bumi sesudah Allah menjadikannya (makmur teratur) dengan sebaik-baiknya. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu jika betul kamu orang-orang yang beriman.'" (Surah Al-A'raf: 85).

Antara hadis yang menyebut tentang menyempurnakan timbangan dan sukatan ialah sabda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Pedagang yang jujur lagi dapat dipercayai, (dia) beserta



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail : mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

Bilangan 237 Bilangan Pertama

"Sukatlal sehingga kamu memenuhinya." (Hadis riwayat Al-Bukhari).

Kemudian diriwayatkan oleh Sayyidina 'Utsman Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam berkata kepadanya yang maksudnya:

"Apabila kamu menjual, maka sukatlal dengan sempurna dan apabila engkau membeli (makanan) mintalah untuk disukat dengan sempurna." (Hadis riwayat Al-Bukhari).

HIKMAH DI SEBALIK SUKATAN DAN TIMBANGAN

Mereka yang menyukat dan menimbang barangannya dengan sempurna akan diberkati berdasarkan niatnya semata-mata untuk mentaati perintah Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana sabda Baginda Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang diriwayatkan daripada Al-Miqdam bin Ma'di Karib Radiallahuanhu yang maksudnya:

"Sukatlal atau timbanglah makanan kamu, maka kamu akan diberkati." (Hadis riwayat Al-Bukhari).

Di samping itu, keberkatan yang diperolehi hasil dari menimbang dan menyukat sesuatu itu adalah kerana selamat dan terpelihara daripada buruk sangka.

BALASAN MENEPATI TIMBANGAN

Orang-orang yang jujur dalam urusan niaganya, khususnya dalam menyukat dan menimbang barangan akan memperoleh kebaikan di dunia dan pahala di akhirat. Firman Allah Ta'ala yang tafsirnya:

"Dan sempurnakanlah sukatan apabila kamu menyukat dan timbanglah dengan timbangan yang adil. Yang demikian itu baik (kesannya bagi kamu di dunia) dan sebaik-baik kesudahan (yang mendatangkan pahala di akhirat kelak)." (Surah Al-Israa': 35).

Secara dasarnya seorang peniaga yang menyempurnakan timbangan adalah seorang peniaga yang jujur. Maka renungkanlah sabda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam mengenai ganjaran yang diperolehi oleh seorang peniaga yang jujur seperti mana yang diriwayatkan oleh Abu Sa'id yang maksudnya:

"Pedagang yang jujur lagi dapat dipercayai, (dia) beserta

para nabi, orang-orang yang jujur dan para syuhada' (orang-orang yang mati syahid)." (Hadis riwayat At-Tirmidzi).

BALASAN MENGURANGI TIMBANGAN

Menurut Ibnu Hajar Al-Haitami, perbuatan mengurungi timbangan merupakan salah satu daripada dosa-dosa besar kerana pelakunya memakan harta secara batil. Selain daripada mendapat dosa, antara balasan lain yang telah disebutkan dalam Al-Qur'an dan hadis ialah:

1. Mendapat Kecelakaan Di Akhirat

Firman Allah Ta'ala yang tafsirnya:

"Kecelakaan besar bagi orang-orang yang curang (dalam timbangan dan sukatan). Iaitu mereka apabila menerima sukatan (gantang cupak) dari orang lain mereka mengambilnya dengan cukup. Dan (sebaliknya) apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka kurangi. Tidakkah mereka menyangka bahawa mereka akan dibangkitkan (hidup semula sesudah mati)? Pada Hari (Kiamat) yang amat besar (huruf-harunya). Hari berdiri manusia untuk menghadap Tuhan sekalian alam?" (Surah Al-Muthaffifin: 1-6).

Ayat ini merupakan ancaman yang keras kepada mereka yang tidak menepati timbangan. Maka apakah yang dimaksudkan dengan kecelakaan itu? Ianya bererti azab yang amat pedih di akhirat. Menurut Ibnu 'Abbas Radiallahuanhu pula 'wail' adalah nama sebuah wadi atau lembah dalam Neraka jahannam yang mengalir di dalamnya nanah ahli neraka; disediakan untuk orang-orang yang curang (dalam timbangan dan sukatan).

Mengapa awal Surah Al-Muthaffifin ini diturunkan? Antara sebabnya ialah ketika Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam mula-mula tiba di Madinah:

* Diriwayatkan daripada Ibnu 'Abbas Radiallahuanhu, Baginda mendapati penduduk Madinah tergolong antara orang yang berkelakuan buruk dalam sukatan. Apabila mereka membeli daripada peniaga lain, mereka meminta supaya disukat dan ditimbang dengan betul dan sah, tetapi bila mereka menjual pula, mereka akan mengurangkan timbangan dan sukatan daripada yang sepatutnya. Lalu Allah menurunkan ayat di atas dan setelah itu mereka pun memperbaiki cara mereka melakukan sukatan.

* Seorang lelaki (peniaga) yang bernama Abu Juhaifah mempunyai dua set alat sukatan yang berlainan. Salah satunya digunakan untuk menyukat barangan yang dibelinya dari peniaga lain dan yang satu lagi digunakan untuknya menjual barangannya kepada pembeli.

2. Punca Turunnya Bala

* Daripada 'Abdullah bin 'Umar Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam telah datang menemui mereka, lalu Baginda bersabda yang maksudnya:

"Wahai seluruh orang-orang Muhajirin!

Ada lima perkara, bila sudah merata perbutan itu daripada kamu sekalian (maka akan tiba balasannya), dan aku mohon perlindungan daripada Allah (agar kamu tidak) menemui lima perkara ini:

"Salah satu darinya adalah: Tidakkah mereka (suatu kaum itu) mengurungi sukatan dan timbangan, melainkan mereka akan mendapat seksa (berupa) kemarau, kesulitan bahan makanan dan penguasa yang zalim ke atas mereka." (Hadis riwayat Ibnu Majah).

* Daripada Ibnu 'Abbas Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda kepada orang-orang yang menggunakan sukatan dan timbangan yang maksudnya:

"Wahai para peniaga! Sesungguhnya kamu semua diberikan kuasa ke atas perkara yang mana bangsa-bangsa dahulu sebelum kamu telah binasa kerananya: perkara itu ialah sukatan dan timbangan." (Hadis riwayat Al-Baihaqi).

* Antara balasan lain ialah Allah telah membinasakan dan menyenyapkan kaum Nabi Syu'aib 'Alaihissalam kerana perbuatan mereka menipu orang ramai dalam perkara timbangan dan sukatan.

3. Terkeluar Dari Golongan Umat Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

Perbuatan mengurangkan timbangan adalah serupa dengan menipu. Manakala penipuan pula adalah dilarang dalam Islam. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam telah mengingatkan bahawa yang maksudnya:

"Dan sesiapa yang menipu (memperdayakan) kami, maka bukanlah dia daripada (golongan) kami." (Hadis riwayat Muslim).

Manakala dalam hadis lain menyebutkan bahawa orang yang menipu itu balasanannya adalah api neraka seperti riwayat daripada 'Abdullah, Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Sesiapa yang menipu (memperdayakan) kami, maka bukanlah dia daripada (golongan) kami. Dan (seorang) penipu dan putar belit (tempatnyanya) dalam api neraka." (Hadis riwayat Ibnu Hibban).

4. Dihapuskan keberkatan

Daripada Hakim bin Hizam Radiallahuanhu Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Penjual dan pembeli sama-sama bebas menentukan jual belinya selagi keduanya belum berpisah atau sabda Baginda lagi: 'Sehingga keduanya berpisah'.

"Maka jika keduanya jujur dan berterusterang, maka jual beli mereka akan diberkati (Allah), dan jika keduanya saling menyembunyikan dan mendustai (curang), maka berkat dalam jual beli mereka akan dihapuskan." (Hadis riwayat Al-Bukhari).

Bersambung

Berusaha mencari kebahagiaan dunia tanpa mengabaikan akhirat

ISLAM merupakan agama yang sentiasa menyeru penganutnya supaya bekerja keras untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Kita umat Islam digalakkan bekerja untuk mencari harta kekayaan di dunia, di samping tidak melupakan kewajipan dan tanggungjawab kepada Allah Subhanahu Wata'ala sebagai bekalan atau persiapan di akhirat kelak. Firman Allah Subhanahu Wata'ala yang tafsirnya:

"Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya; Dan bahawa sesungguhnya usahanya itu akan diperlihatkan kepadanya, pada Hari Kiamat kelak." (Surah An-Najm: 39 - 40).

Di dalam Islam apabila seseorang itu telah selesai menunaikan ibadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala, maka dia tidak harus berdiam diri membuang masa, tetapi hendaklah segera bekerja untuk mencari rezeki yang halal. Hal ini digesa oleh Allah Subhanahu Wata'ala yang tafsirnya:

"Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalannya) dari dunia dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana

Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan)." (Surah Al-Qashash: 77).

Islam menyuruh umatnya bergerak secara progresif selagi hayat dikandung badan. Orang yang berdiam diri tanpa melakukan sebarang pekerjaan untuk menjamin kehidupannya di dunia dan akhirat dianggap telah mati meskipun nafasnya masih bernyawa. Justeru itu, Islam telah menetapkan supaya setiap individu Muslim berusaha seagih mungkin untuk mencapai darjat ketinggian sejajar dengan ketinggian dan kemajuan yang telah dicapai oleh bangsa-bangsa lain di dunia ini. Islam telah menggariskan dasar bagi umatnya supaya bekerja kuat dan berusaha sedaya upaya kerana pekerjaan dan usaha itu akan melahirkan kekuatan dan kemajuan untuk meningkatkan serta mencapai tamadun Islam yang gemilang.

Islam juga memberikan penilaian yang sempurna sekali kepada konsep bekerja dan berusaha mencari rezeki yang halal di atas muka bumi ini, kerana usaha dan kerja itu sendiri pada hakikatnya satu naluri semula jadi dalam tubuh badan manusia sejak ia dijadikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Jelaslah kepada kita bahawa Islam meletakkan pekerjaan yang dilakukan untuk memenuhi tuntutan kehidupan juga tergolong di dalam erti kata ibadat kepada Allah. Islam membuka pintu yang seluas-luasnya untuk menjalankan pekerjaan, namun perlu diambil peringat bahawa tidak semua pekerjaan mendapat keredaan daripada Allah. Maka dengan itu, sebelum melakukan sesuatu pekerjaan itu, perlu difikirkan dengan kemampuan yang ada untuk melaksanakan pekerjaan tersebut, di samping mengikut garis pandu dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Mahu tidak mahu pekerjaan itu mestilah dibenarkan oleh Allah, iaitu pekerjaan yang



halal dan tidak mengganggu ketenteraman orang lain. Pekerjaan yang dapat memberi faedah kepada masyarakat Islam dan masyarakat umum juga perlu dimasukkan di dalam kriteria memilih pekerjaan.

Islam tidak melarang umatnya melaksanakan pekerjaan untuk mencari penghidupan yang halal dan suci serta mengejar kemajuan dunia. Apatah lagi dalam kehidupan dunia hari ini yang memerlukan perlumbaan dan persaingan untuk terus maju. Sebanyak manapun galakan yang Islam berikan kepada umatnya, namun peringatan demi peringatan diberi agar umatnya tidak hanya leka mengejar kemewahan dunia semata-mata.

Oleh kerana itu Islam tidak membenarkan umatnya mencari kesempurnaan hidup di dunia ini sebagai matlamat yang akhir, sebaliknya perlu sentiasa berwaspada bahawa setiap makhluk akan menemui kematian. Justeru itu, letakkanlah akhirat sebagai matlamat yang terakhir dalam setiap gerak laku sama ada yang kecil mahupun yang besar.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Wujudkan Persekitaran Bersih dan Selamat'. Tarikh tutup 20 Disember 2006.

2. 'Belia Perlu Lebih Dinamik'. Tarikh tutup 27 Disember 2006.

2. 'Lakukan Persiapan Sekolah Anak-anak Lebih Awal32'. Tarikh tutup 3 Januari 2006.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam,
jaafar.ibrahim @ information.gov.bn.
e-mel: pelita@brunet.bn

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Memelihara Jati Diri Bangsa Tanggungjawab Bersama'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Memelihara jati diri bangsa tanggungjawab bersama

JATI diri secara umumnya boleh ditakrifkan sebagai ketulenan jiwa: sejati iaitu keaslian identiti diri yang perlu dimiliki seseorang individu atau komuniti sesebuah bangsa.

Dalam konteks bangsa Melayu Brunei, jati diri merujuk kepada nilai agama dan patriotisme iaitu bagaimana seseorang itu perlu memantapkan atau memamerkan perilaku kebruneian yang terkenal dengan sikap kesopanan, kaya dengan nilai budi, baik dari segi pertuturan, perbuatan mahupun penilaian sesuai dengan ajaran agama Islam.

Dewasa ini, media massa telah menjadi agen pemeriksaan ataupun penghakisan jati diri bangsa yang paling berpengaruh. Hubungan antara media dengan persoalan jati diri bangsa dan nilai agama serta patriotisme telah menjadi sangat rapat, lebih-lebih lagi dengan wujudnya

kemudahan internet dan telefon bimbit. Kemudahan-kemudahan ini semakin berleluasa di kalangan remaja. Walaupun ia amat mustahak, namun impak buruknya terhadap jati diri generasi sekarang tidak boleh dipandang ringan.

Ibu bapa, generasi tua dan guru memainkan peranan yang sangat penting. Namun, mereka kini berhadapan dengan tugas yang lebih mencabar lantaran wujudnya dua jenis kemudahan tadi. Dari itu, mereka mestilah melengkapkan diri dengan ilmu dan berusaha lebih keras dalam membimbing generasi penerus. Satu-satunya pendekatan yang paling ideal menangani masalah ini ialah dengan berpegang kepada ajaran Islam.

Dalam Al-Qur'an, terdapat banyak panduan yang memberi penekanan kepada soal akidah, keimanan kepada Allah, ingatan kepada hari pembalasan selain menyeru kepada akhlak yang mulia dan melakukan kebajikan. Misalnya, dalam surah Luqman, (ayat 31) ada menekankan perihal disiplin anak-anak yang meliputi hubungan penuh adab dan akhlak dengan ibu bapa, guru, jiran dan sahabat.

Melalui pendekatan keislaman, insya-Allah jati diri bangsa akan dapat dikekalkan kerana persoalan sistem hidup kekeluargaan yang murni

dan penuh tatasusila segalanya telah sedia terangkum di dalam Al-Qur'an untuk diterapkan pada peribadi sesiapa sahaja, termasuk generasi muda.

Tanggungjawab memelihara kekuatan jati diri bangsa perlu ditangani oleh semua pihak. Dalam hubungan ini, aspek kesedaran adalah merupakan elemen dasar yang amat penting. Tanpa elemen ini jati

diri bangsa akan mudah diakis oleh pengaruh asing hingga akhirnya bangsa akan tercemar dan tidak lagi digalati.

Muhammad Husaini bin Haji Matyassin
No. 16, Simpang 599,
Kampung Salar, Jalan Muara, BU 1429.
No. k/p: 00-275455.

Budaya murni gambaran imej baik negara

PENCAPAIAN tamadun dan nilai-nilai murni budaya bangsa menggambarkan imej yang baik kepada negara. Negara yang maju dan bertamadun sudah tentunya wujud dari bangsa yang gigih dan berwibawa.

Budaya merupakan tatasusila atau cara kehidupan kita sehari-hari yang telah diamalkan sejak dahulu lagi. Ia diturunkan dari generasi ke satu generasi.

Kerana itu kita perlu berbangga, budaya murni berteraskan agama Islam yang diterapkan dan diamalkan di negara ini banyak menyumbang kepada keteguhan masyarakat dan melahirkan bangsa yang cemerlang.

Nilai-nilai, tatacara pergaulan dan budaya kehidupan kita yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja (MIB) telah membawa kemakmuran dan kesejahteraan kepada bangsa dan negara.

Ia juga perlu dihayati dan disebarluaskan sebagai usaha memperkasa serta menyerlahkan keupayaan bangsa, di samping memupuk semangat cinta kepada agama, bangsa dan negara.

Dalam era serba moden yang penuh dengan pergolakan sosial ini ia menjadi benteng kepada segala kemungkaran dan gejala negatif seperti rasuah, penyalahgunaan dadah, mencuri, merompak, pergaulan bebas, membunuh dan bermacam-macam lagi.

Untuk membendung dan mencegah gejala-gejala yang kurang sihat itu generasi muda memerlukan bimbingan ibu bapa sejak kecil lagi agar mereka sedar bahawa perbuatan jenayah itu merugikan masa depan mereka.

Ke arah itu nilai-nilai murni budaya bangsa yang kita warisi sejak zaman-berzaman hendaklah sentiasa diterapkan kepada generasi baru.

Satu perkara yang perlu diperkukuhkan ialah jati diri dan keupayaan kita selaku rakyat Negara Brunei Darussalam untuk menjadi anak bangsa yang berkebolehan dalam pelbagai bidang.

Dengan mengamalkan nilai-nilai murni budaya maka kita akan dapat membentuk bangsa yang proaktif dalam semua aspek pembangunan dan kemajuan negara.

Kita sebagai penduduk negara ini juga harus sedar betapa pentingnya menjaga dan memelihara keamanan negara dan mendukung falsafah MIB agar kita dapat hidup aman dan sentosa serta diberkati oleh Allah Ta'ala.

Dayang Noryati binti Juni
No. 62G, Kg. Sumbiling Lama,
Jalan Istana Lama, BN 1111.
No. k/p : 00-062559.

Perilaku mulia merupakan

SELOK-ELOK perbuatan itu ialah perilaku yang mulia. Maka adalah perlu bagi kita memperkukuhkan jati diri atau perilaku sebagai orang Brunei yang terkenal dengan sikap peramah, bersopan santun, berbudi pekerti dan mesra sesama manusia.

Manusia mudah tergo-da dan terpengaruh dengan suasana persekitarannya. Sikap manusia yang serba ingin tahu semua perkara akan mendedahkan mereka kepada sesuatu yang baik atau buruk.

Bagi mereka yang berilmu pengetahuan, tahu berfikir baik buruk sesuatu itu sudah tentu akan memilih perkara yang baik. Sebaliknya mereka yang tidak berilmu dan berakhlak akan memilih perkara yang buruk. Oleh yang demikian, langkah-langkah perlu dilaksanakan bagi menghindari seseorang itu terpesong melakukan perkara-perkara negatif.

'Melentur buluh biarlah dari rebungnya'. Tanggungjawab ibu bapa dalam mendidik anak-anak adalah diperlukan dan amat digalakkan. Sebaik-baik didikan adalah mende-

dahkan anak-anak dalam perkara yang positif dari segi moral dan sebagainya.

Menyentuh mengenai jati diri ini, kita juga dapat mengenali sesuatu bangsa itu melalui pakaian. Umumnya kaum lelaki Melayu memakai pakaian baju cara Melayu dan kaum wanita memakai baju kurung. Cara berpakaian terutama di majlis-majlis formal juga merupakan suatu aspek menunjukkan jati diri seseorang itu.

Bagi segelintir masyarakat menjaga aurat sudah dipandang ringan. Pakaian menutup aurat dikatakan kolot. Lelaki sudah memperagakan diri seperti wanita dengan menindik telinga, tepi hidung, bibir dan kening. Malah terdapat juga sebilangan wanita yang sanggup meniru gaya lelaki. Mereka seolah-olah tidak mensyukuri nikmat pemberian Allah Subhanahu Wata'ala.

Pertuturan juga merupakan salah satu aspek pengenalan jati diri. Orang Melayu kaya dengan budi bahasa. Menyapa dengan mengucap 'assalamu'alaikum' dan dibalas dengan ucapan 'waalaikumsalam'.

Sungguh indah dan mulia jika kita bertegur sapa secara sedemikian terhadap saudara-mara, jiran tetangga dan sahabat handai, sambil bersalaman. Lebih elok lagi jika pembicaraan menggunakan bahasa yang sopan dan manis didengar.

Adalah menjadi tanggungjawab semua pihak termasuk media cetak untuk menyediakan bahan bacaan yang positif mengenai pentingnya jati diri dalam penerbitan majalah, akhbar dan sebagainya, sesuai dengan pergolakan arus zaman sekarang yang kian mencabar ini.

Memelihara jati diri bangsa ini adalah tanggungjawab kita bersama. Dari itu kerjasama bersepadu dari pelbagai pihak diharap akan mampu menyedarkan masyarakat mengekalkan jati diri kebruneian.

Sahlan bin Haji Abd. Kadir
No. 33A, Simpang 763-19,
Kampung Masin, Jalan
Limau Manis, BH 2723.
No. k/p : 00-310898

Kekalkan jati diri orang Brunei

'JATI DIRI bukan sahaja setakat untuk diketahui, malah juga mesti diketarakan. Ia perlu sentiasa nampak, dipakai dan dihayati, barulah faedahnya dapat dirasai.'

Petikan di atas merupakan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Sambutan Hari Raya anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 14 November yang lepas.

Melalui petikan titah tersebut menunjukkan bahawa baginda amat menitikberatkan tentang jati diri orang Brunei. Titah baginda itu telah membuka mata orang ramai dan menyedarkan banyak pihak. Bangsa yang mempunyai jati diri yang tinggi adalah bangsa yang maju. Dengan jati diri yang tinggi, sesebuah bangsa tidak akan hanyut ditelan arus budaya Barat yang negatif.

Dalam konteks kehidupan, jati diri sangat luas pengertiannya. Ia merangkumi sikap dan keolahan, disiplin, ketaatan, kesetiaan dan banyak lagi. Jika kita mempunyai jati diri yang tinggi, insa-Allah kita akan selamat dari perkara-perkara yang tidak diinginkan.

Jati diri dapat dibentuk dari usia muda lagi. Bak kata pepatah 'melentur buluh biarlah dari rebung'. Di rumah, ibu bapa dapat menerapkan nilai-nilai murni dengan menyemai sikap hormat-menghormati sesama insan,

bertanggungjawab, taat beragama dan lain-lain.

Didikan agama yang baik akan dapat menjurus seseorang insan ke arah kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Selain dari didikan secara tidak formal iaitu di rumah, didikan secara formal di sekolah juga mesti diberikan keutamaan dengan mempelajari sivistik di sekolah rendah, MIB (Melayu Islam Beraja) di sekolah menengah dan yang baru sekali Pendidikan Pencegahan Rasuah yang dapat menyuntik jati diri yang teguh dan kuat.

Namun, pembelajaran sahaja adalah tidak cukup jika ia tidak dipraktikkan dalam kehidupan kita. Sekarang terdapat segelintir orang katani terutama muda-mudi yang terlalu taksu dengan pelbagai fesyen, gaya hidup, tingkah laku dan lain-lain yang diciplak dari dunia barat. Mereka hendaklah diberikan nasihat dan diberikan kefahaman mengenai nilai-nilai murni secara berterusan.

Peliharalah negara kita, raja kita, bangsa kita dan agama kita agar ia tidak didominasi oleh budaya asing yang tidak kena-mengena dengan kehidupan orang Brunei. Agungkanlah bangsa kita dengan memiliki jati diri yang tinggi yang tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

Mohammad Nasrin bin Napiiah,
G18/50, Simpang 85,
Lorong 4, Seria, KB 2933.
No. k/p : 01-052862.

REMAJA

BERSIAP MENGHADAPI MASA DEPAN

OLEH : H. A. MANAP

ARUS perkembangan semasa ternyata memberi impak yang amat besar dalam pertumbuhan kehidupan kita. Perkembangan demi perkembangan ternyata tidak dapat kita hadapi tanpa kita menyertai perlumbaan yang membina tamadun baru dalam kehidupan. Tamadun baru yang dimaksudkan ialah kemajuan yang pelbagai bidang ternyata lebih ketara menjadi keperluan yang kita kehendaki. Perubahan yang bukan setakat menyingkap suasana sekeliling semata, akan tetapi ia kini menguk hingga bersifat menyeluruh dalam mewujudkan suasana baru. Bidang teknologi maklumat misalnya ternyata lebih mendominasi perubahan dan kepentingannya. Ekonomi berkembang dengan pesat dengan tawaran pelbagai produk, pendidikan lebih ketara berperanan dalam mencaturkan dan mencorakkan kehidupan seseorang. Infrastruktur kini lebih menjurus kepada pengaliran keuntungan masuk. Sosial budaya juga kini mengalih trend kepada yang lebih memberikan keuntungan. Pertumbuhan anak-anak hingga mencapai usia remaja dan belia kini lebih banyak dipengaruhi oleh perkembangan sejagat dan suasana sekelilingnya.

Pelbagai kemudahan menjadikan kehidupan mereka lebih ke hadapan berbanding dengan kehidupan alam mereka yang seusia di beberapa tahun yang sudah semakin jauh kita tinggalkan. Kini kehidupan dunia remaja sudah semakin dipenuhi dengan pelbagai kemudahan yang mengorak ke arah pembaharuan demi pembaharuan. Senario sedemikian ini ada kalanya rentak iramanya tidak dapat dipenuhi dan terisikan oleh generasi berkenaan. Bila ini berlaku maka wujudlah sindrom lembap dan tidak 'up-to date', namun hal ini tidaklah ketara menjejaskan keupayaan individu belia dan remaja. Apa yang lebih ketara ialah pengisian diri dengan ilmu pengetahuan yang berkembang pesat di sekeliling kita ternyata memberi kesan yang amat signifikan.

Setiap perubahan dan kemajuan di sekeliling ternyata mempunyai daya kemiripan yang tinggi ke arah penggarapan ilmu. Contoh paling ketara dan tidak boleh diketepikan begitu sahaja ialah perubahan dan kemajuan dunia teknologi tinggi. Bidang perhubungan atau komunikasi masa kini lebih pantas dan berupaya mewujudkan perubahan drastik, maka dalam hubungan ini gerak dan kepanasan ia berlaku tidak boleh dibiarkan. Generasi remaja dan belia perlu melihat bahawa perubahan semasa yang drastik ini, adalah merupakan kesempatan yang bernilai tinggi untuk diterokai. Persoalannya kita perlu bersiap untuk berhadapan dengannya. Melalui proses kehidupan yang sedia ada, ternyata sudah cukup untuk memberikan isyarat betapa kelengkapan diri itu perlu dan ia mesti digerakkan dengan perubahan dan perkembangan semasa. Salah satu darinya ialah kita perlu mempersiapkan diri dengan kemahiran tinggi dan ilmu pengetahuan yang mendalam. Hanya inilah sahaja satu-satunya yang boleh mewujudkan keupayaan kita untuk bersaing dengan yang sedia ada.

Kita perlu memahami dengan penuh kesedaran bahawa membina tamadun berpengetahuan tinggi adalah satu proses pembinaan insan dan kemajuan negara. Ia menggarap kehidupan dan yang mampu menghasilkan keupayaan berdaya saing dan menjaga minda. Ia tidak beku, tetapi aktif dan kerana itulah, pendidikan yang sihat adalah segala-segalanya. Perkembangan sejagat dan gelombang perubahan yang berlaku masa kini dan akan datang akan terus bergantung kepada ketinggian ilmu pengetahuan menghasilkan pelbagai ledakan kemajuan misalnya wujud teknologi tinggi, canggih dan lebih dinamik. Justeru di saat kita sudah semakin dekat untuk meninggalkan tahun 2006 ini, maka adalah wajar kita menyusun dan mengatur strategi kemajuan diri yang lebih dinamik dan berupaya menjaga persiapan

menghadapi masa hadapan yang lebih cemerlang. Kita perlu bersiap dari sekarang untuk berdepan pelbagai cabaran dan dunia baru yang akan lebih sengit dengan persaingan dan pergelutan kemajuan.

Di sana nanti kita perlu menyukai akan keupayaan dan kemampuan kita untuk berdepan dengan suasana yang menagih kemampuan dan kemahiran diri. Kegemilangan dan kecemerlangan yang akan terhasil, adalah merupakan tunggak yang akan memperkuat kekokuh kehidupan bernegara dan bermasyarakat. Kita boleh menilai dan menanggapi bahawa jika generasi muda belia kita berada di dalam keadaan kehidupan yang mantap dan berwibawa sekali gus ini akan melahirkan masyarakat yang mempunyai kekuatannya yang tersendiri. Generasi hari ini akan menjadi penerus kepada kepimpinan negara di masa depan. Justeru wajarlah pembinaan kekuatan di saat usia masih lagi kuat dan mempunyai daya saing masih lagi kental. Kemampuan untuk berdepan dengan suasana baru dan perubahan sejagat akan membawa implikasi positif seandainya generasi belia itu sendiri dilengkapi dengan kekuatan diri.

Kekuatan diri yang mesti ada mestilah bersumber dari keimanan dan ketakwaan yang mendalam, berpengetahuan tinggi, berkemahiran yang akan membantu mencapai kegemilangan di sisi manusia namun lebih jauh dari itu ialah mengharapkan kemuliaan di sisi Allah. Inilah kekuatan yang tidak akan mampu dikotak-katikan oleh perubahan masa dan persekitaran. Perubahan yang akan terus bergelora akan lebih banyak membawa kepada implikasi peribadi sama ada baik atau sebaliknya. Justeru bila kita mempersiapkan diri ia harus berada pada tahap di mana kehendak dunia ini diiringi dengan kehendak dan kewajipan dunia akhirat yang lebih kekal abadi. Namun tidak bererti kita boleh berpeluk tubuh mengharungi kehidupan ini. Kita perlu bijak dan mengatur persiapan diri agar masa hadapan yang kita tempuhi lebih cemerlang sifatnya.

SEKILAS INFO

UNIT PENGURUSAN PEMASANGAN BARU JABATAN KERJA RAYA

DIMAKLUMKAN bahawa Unit Pengurusan Pemasangan Baru di Jabatan Kerja Raya telah ditubuhkan mulai Februari tahun ini. Ianya ditubuhkan bagi mengendalikan permohonan orang awam mengendalikan kerja penyambungan paip air utama.

Unit ini juga dipertanggungjawabkan bagi mengendalikan permohonan orang awam bagi pemasangan meter air baru di setiap premis yang mana sebelum ini dikendalikan oleh Bahagian Meter.

Bagi memohon pemasangan paip utama borang bolehlah diperolehi secara percuma dari:-

**UNIT PENGURUSAN PEMASANGAN BARU
JALAN TASEK LAMA,
BANDAR SERI BEGAWAN,
IBU PEJABAT
JABATAN PERKHIDMATAN AIR**

Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan menyertakan apa-apa jua keterangan yang diperlukan seperti: Nombor Kad Pengenalan Pemohon, nombor telefon (Rumah atau telefon bimbit), Surat Kebenaran Jalan Laluan dari Agensi Kerajaan yang berkaitan dan rajah kasar tempat yang dipohonkan.

Borang yang lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke unit di atas pada waktu pejabat dibuka.

KOPERASI PEMINDAHAN PELANTAR

JABATAN Laut memaklumkan kepada pelaut-pelaut bahawa Operasi Pemindahan Pelantar SEW19 Platform ke SMRNF-C1 Drilling of a New Site SEW19 Platform and SMRNF-C1 akan diadakan pada 20 November 2006 selama 60 hari bertempat di kawasan Offshore Seria.

Kawasan tersebut melibatkan SEW19 Platform / 4.39°01.1"N/114.22°18.9"E dan SMRNF-C1/ 4.39°07.1"N/114.19°46.1"E dengan menggunakan Rig pengerudi BIMA dan kawasan bahaya dua batu nautika dari kawasan tersebut.

OPERASI PENGGERUDIAN TELAGA EKSPLORASI

JABATAN Laut memaklumkan kepada pelaut-pelaut bahawa Operasi Penggerudian Telaga Eksplorasi SMRNF-C1 Drilling Exploratin Well Operation SMRNF-C1 akan diadakan pada 25 November 2006 selama 47 hari bertempat di kawasan Offshore Seria.

Kawasan tersebut melibatkan PGM-4/ 4.39°10.01"N / 114.19°34.97"E dengan menggunakan Rig pengerudi BIMA dan kawasan zon eksklusif 500m dari kawasan tersebut.

PENGUNAAN SISTEM KAUNTER BERKOMPUTER

JABATAN Perkhidmatan Pos memaklumkan kepada orang ramai, penggunaan sistem komputer akan dimulakan pada 1 Disember 2006 Masihi/10 Zulkaedah 1427 Hijrah di Pusat Memproses Mel, Airport Lama Berakas dan cawangan Pejabat Pos Salamgigar.

**PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan,
diberikan percuma kepada rakyat;
rajin membaca luas pengetahuan,
Alai jawablah soalan tercatat.**

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

Jawapan soalan Alai Pintar 751 keluaran 29 November 2006, ialah :

Bangunan Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam.

Pemenang bagi Soalan Alai Pintar 751 keluaran 29 November 2006

Nurul Majidah binti Haji
Abas,
Sekolah Rendah Sengkunong,
Umur : 11 tahun

Md. Hairul Hamizan bin Md.
Ariffin,
Sekolah Rendah Dato Marsal,
Umur : 7 tahun

Siti Najliyana binti Haji
Rahimie,
Sekolah Rendah Pulaie,
Umur : 9 tahun

ALAI PINTAR

**ALAI DIALU-
ALUKAN
MENGUNAKAN
PERPUSTAKAAN
RUJUKAN,
JABATAN
PENERANGAN**



SOALAN ALAI PINTAR 753

1. Apakah nama bangunan ini?

.....

2. Di manakah letaknya?

.....

.....

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 753

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruang Alai Pintar, 753,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

HARI itu, bukan kali pertama dia menerima kiriman surat perkenalan dari Justin. Salam perkenalan yang dihulurkan hanya disambut lesu. Bukannya tidak ada rasa seronok atau gembira kerana yang berkiriman itu orang yang dipuja ramai, tapi hanya seolah-olah tidak membekalkan sebarang perasaan wujud untuk insan itu. Dia tak mahu ada sekecil-mahupun terdetik sedikit pun perasaan sayang kepada insan itu, sungguh-sungguh tidak mahu. Dia pasti jika orang lain yang menerima huluhan salam perkenalan itu, pasti sudah secepat kilat menerimanya. Tapi dia berbeza, biarlah orang itu tidak bersungguh tapi yang pentingnya dia sudah berkiriman salam, bukankah itu maknanya dia mengenali kita. Memang kebanyakan rakan-rakannya mengimpikan detik-detik seperti itu tapi sebaliknya pula berlaku kepadanya.

Izzah tahu Justin memang terkenal di kampus UBD itu. Bukan setakat kerana raut wajah dan penampilan dirinya yang menarik tetapi juga kerana keterampilannya sebagai pemimpin dalam pelbagai persatuan disitu termasuklah pencapaian akademiknya yang cemerlang. Pendek kata, insan seperti Justin hanya ada satu dalam seribu. Mana-mana 'freshie' yang baru masuk pun kenal siapa Justin, apatah lagi dirinya yang sudah masuk tahun kedua di situ.

Kunjungan Nazalia petang semalam ke biliknya dengan membawa berita itu bagaikan susah untuk dipercayainya. Mulanya dia gusar andainya Nazalia hanya mempermain-mainkannya tapi bila Nazalia beria-ia mengatakan yang dia serius, barulah Izzah sendiri pun memikirkan semula tentang hal tersebut. Nazalia teman seumurnya tetapi disebabkan dia lambat setahun untuk memohon masuk ke UBD, Nazalia menjadi seniornya yang tinggal bersebelahan bilik asrama yang kebetulan pula ialah rakan satu jurusan dengan Justin. Katanya, dah lama Justin teringin nak berkenalan dengannya tapi belum ada kesempatan. Baru sekarang dia berpeluang untuk menghulur silaturahmi.

Izzah mula mengenali Justin kerana ada antara subjek kursusnya yang sama kuliah dengan Justin. Walaupun Justin agak popular di kalangan siswasiswi di sana, tapi Izzah tak kisah semua tu. Dia sentiasa ingat bahawa tujuannya ke situ adalah untuk mencapai cita-citanya untuk berjaya sebagai seorang guru yang berkecayaan. Sebolehnya dia tidak mahu terlibat dalam apa-apa perhubungan perasaan selama tempoh pengajiannya itu. Dia tahu ramai rakan-rakannya yang lain sengaja mengambil kesempatan yang ada untuk berkasihi-kasih, maklumlah mungkin lebih senang mencari bakal suami di situ tapi dia menetapkan imannya dan memfokuskan tujuannya hanya untuk berjaya dalam pelajaran dan untuk kerjayanya juga nanti.

Sebenarnya Justin bukanlah orang pertama yang cuba menduga hatinya, malahan ramai yang lain telah cuba tapi semuanya gagal. Semua pelawaan mereka hanya ditolak dengan alasan dia masih lagi belum bersedia. Dia tak perlu menerangkan lebih lanjut, tentu mereka sendiri akan faham. Dan kali ini, dia juga berharap perkara yang sama akan berlaku, dia harap Justin akan faham, dia bukannya tidak sudi berkenalan tapi dia mahu mencapai cita-citanya terlebih dulu.

Namun apa yang diharapkan tidak menjadi. Huluhan salam semakin lebih kerap diterimanya, kadang-kadang berserta hadiah-hadiah tertentu. Ada kala juga diselit nota-nota kecil ataupun kad-kad yang istimewa ke dalam buku-bukunya. Kalau terserempak pulak, sebelum sempat dia mengelak, Justin terlebih dulu mengatur langkah menemui dan menyapanya. Dia rasa semakin sukar untuk mengelakkan diri daripada lelaki itu, semakin jauh dia lari, semakin pantas pula Justin mengejarnya. Izzah mulai merasa bimbang, dia bimbang dia akan tersungkur oleh kata-katanya sendiri. Sebolehnya dia tak mahu itu berlaku, tidak mahu ada gangguan semasa dia sedang bergelut dengan pelajarannya.

"Izzah kau ni mungkin dah tak betul agaknya.

Orang lain punyalah menanti siang dan malam nak jadi 'girlfriend' dia, yang kau buat tak tahu saja. Kau ni takde perasaan ke?" soalan Ainul, 'room-mate'-nya yang tiba-tiba itu, mengejutkan dia dari lamunan. Cepat-cepat dia membetulkan kedudukannya di pembaringan di tilamnya itu. Rasa terkejutnya masih terasa, tahu-tahu Ainul sudah pun berada bersamanya.

"Apa kau cakap tadi, aku tak dengar la ..."

"Aku cakap ... kau ni dah tak betul ke ... kau tolak Justin tu mentah-mentah macam tu aje. Kalau kau dah tak nak sangat, bagi kat aku je ... aku memang nak sangat pada dia," Ainul mengulangi soalnya sebentar tadi. Kali ini berharap ada jawapan yang memuaskan hati yang keluar dari mulut Izzah.

"Kalau kau nak, kau ambil sajalah. Aku memang tak nak. Dan aku bukannya tak betul, kalau aku tak betul, takdelah aku boleh sambung belajar sampai sini ..."

"Apalah dia ni ... larat betul. Kalau ia pun tak nak jadi 'girlfriend' dia, kau kawan je la dengan dia. Lepas tu, kalau kau dah jadi

kawan baik dia, bolehlah kenalkan aku kat dia. Amacam ... boleh pakai tak idea aku ni?"

"Haa ... bagus la tu. Ada kah suruh aku baik dengan dia semata-mata sebab nak kenalkan kau dengan dia. Kalau kau teringin sangat dengan Justin tu, kau pergi la jumpa sendiri. Tak kuasa aku nak tolong. Banyak lagi kerja aku nak buat, aku nak berusaha untuk kejayaan aku je di sini, kau tau tak!" sengaja Izzah menghangatkan keadaan itu. Dia faham Ainul pun salah seorang daripada ramai lagi peminat Justin di kampus itu.

"Kau ni Izzah, tak 'sporting' langsung. Kau tau tak, rugi betul kau tolak Justin tu, ... bukan senang nak dapat orang tu. Tak boleh nak ngorat dia sesuka hati, dia tu bukan jenis kebanyakan lelaki yang tak boleh langsung nak tengok perempuan cantik-cantik, dia seorang lelaki yang benar-benar sempurna pada pandangan mata aku dan aku yakin yang dia ni jenis yang setia orangnya. Janganlah kau tolak Izzah, kawan la dulu dengannya, mana tau Justin tu okey. Esok-esok kalau kau tengok aku kawin dengan Justin tu, haa ... sakit pula hati kau

SEIKHLAS HATIMU

CERPEN

Oleh : Melati Putih

masih tidak putus asa untuk memujuk Izzah supaya menerima Justin. Entah kenapa hatinya kuat mengatakan Justin memang seorang lelaki yang baik.

"Dah lah tu Ainul. Bosan betul aku asyik cerita pasal dia aje ... Cerita lain pulak la okey. 'Assignment' kau dah 'start' buat ke belum. Kalau kau nak buat, jom kita pegi perpustakaan cari bahan sama-sama, lagi bagus dari borak tak tentu pasal macam ni. Marilah ... jom bersiap!" tegas Izzah memberi arahan. Kalau dibiarkan Ainul bercakap, sampai esok pun tak habis.

Izzah sendiri tidak menafikan Justin memang menampilkan ciri-ciri lelaki idaman kebanyakan wanita tetapi dia tidak mahu bermain dengan api. Dia mahu berjaya dalam hidupnya untuk menyara keluarga setelah ibunya meninggal dunia hampir dua tahun yang dulu. Sebagai anak sulung, dia mahu membantu ayahnya yang kini bekerja berseorangan berjual kuih di gerai yang berhampiran rumah mereka di kampung untuk menyara dirinya dan dua lagi adiknya yang masih lagi di persekolahan menengah.

Yang dia khuatirkan, andainya dia bermain cinta, bimbang dirinya akan hanyut dalam perasaan dan menjadi lalai menunaikan tanggungjawab sebagai seorang pelajar dan sekaligus akan menghalangnya mencapai kecemerlangan dalam kerjaya. Lagipun Justin tu kan bukan Melayu, bukan Islam, bukannya senang nak membimbing dia nanti. Itu baru bab nak membimbing, belum masuk lagi bab persetujuan ahli keluarga ... Susah ... susah ... Jadi sebelum se-

masih masalah tu mengenai padanya, lebih baik dia menjauhkan diri.

Minggu-minggu berikutnya sehingga semester pertama di tahun kedua berakhir, tiada lagi salam-salam yang dikirimkan oleh Justin. Walaupun terasalnya terlepas dari cengkaman masalah namun tidak dapat tidak dia akui terasa rindu pada salam-salam yang kerap kali diterimanya dulu daripada Justin. Namun hatinya cuba dipujuk, mengatakan itulah yang dipintanya sendiri dulu, jadi terimalah akibatnya.

Namun segala-galanya telah berubah bila semester kedua menginjak tiba. Hari pertama semester dibuka, dia dikejutkan sekali lagi oleh Nazalia, katanya Justin ingin berjumpa dan sedang menunggu dia dibawah. Sudah puas ditolak dengan pelbagai alasan tapi tetap puas dipujuk oleh Nazalia untuk bertemu Justin. Katanya, kalau betul pun dia tidak mahu berkawan dengan Justin, pergilah berjumpa berterus terang. Akhirnya Izzah kalah dengan pujukan lembut Nazalia. Lagipun ada betulnya cakap Nazalia, lebih baik dia berterus terang daripada asyik melarikan.

"Assalamualaikum! Apa khabar Izzah?" salam daripada Justin mengejutkan Izzah yang telah pun melabuhkan punggung duduk berhadapan dengan Justin di restoran asrama mereka.

"Waa ... Waalaikum-salam."

"Tengah buat apa tadi? Sibuk ke? Maaf ya, saya ganggu Izzah sekejap," lancar saja Justin bertutur dalam bahasa Melayu, biarpun masih terdengar loghat bahasa Cinanya.

"Takdelah ... baru tengah belek-belek buku tadi. Emm ... Justin nak jumpa saya ni nak apa?" macam orang bodoh saja Izzah bertanya. Dia sendiri tak tahu nak mulakan dari mana perbualan dengan Justin. Hatinya berdebar-debar bagaikan tak tentu arah saja sejak tadi.

"Dah banyak kali saya hulurkan salam perkenalan pada Izzah. Kenapa tak pernah menjawab? Izzah tak sudi ke nak berkawan dengan saya?"

"KAU ni Izzah, tak 'sporting' langsung. Kau tau tak, rugi betul kau tolak Justin tu,... bukan senang nak dapat orang tu. Tak boleh nak ngorat dia sesuka hati, dia tu bukan jenis kebanyakan lelaki yang tak boleh langsung nak tengok perempuan cantik-cantik, dia seorang lelaki yang benar-benar sempurna pada pandangan mata aku dan aku yakin yang dia ni jenis yang setia orangnya.

... Program Ramah Mesra dan Hari Raya Jabatan Penerangan ...

Rombongan Jabatan Penerangan berhari raya ke Daerah Tutong

TUTONG, Isnin, 13 November 2006.- Rombongan Jabatan Penerangan diketuai Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Amir Hamzah bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Zakaria meneruskan kunjungan muhibah sempena Hari Raya Aidilfitri ke rumah Ketua Kampung Penabai dan Ketua Kampung Sengkarai di sini.

Rombongan yang juga disertai oleh pegawai-pegawai kanan dan kakitangan Jabatan Penerangan itu bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturahim di antara Jabatan Penerangan dengan institusi penghulu dan ketua kampung selain untuk menyampaikan maklumat semasa kerajaan kepada masyarakat setempat.

Ia juga merupakan salah satu pendekatan untuk menyampaikan maklumat dan pemberitahuan selain menjalin kerjasama dengan orang ramai sesuai dengan peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mulut dan telinga kerajaan.

Kunjungan muhibah tersebut bermula di rumah Ketua Kampung Penabai, Awang Abd. Wahab bin Haji Duraman dengan disambut mesra oleh ketua kampung dan para penduduk kampung.

Rombongan Pemangku Pengarah Penerangan ke Kampung Penabai diberikan taklimat ringkas mengenai kampung tersebut oleh Awang Abd. Wahab sendiri yang menurutnya penduduk kampung tersebut berasal dari bandar iaitu 'abai' yang bermaksud Brunei.

Beliau menerangkan selain dari bekerja dengan kerajaan penduduk kampung tersebut kebanyakan berusaha sebagai nelayan selain menjalankan perusahaan sendiri.

Apa yang membanggakan, penduduk kampung tersebut juga berjaya menghasilkan bot yang diperbuat dari 'fiber glass' yang diusahakan oleh Syarikat Seri Melati.

Selain itu usaha ke arah pembangunan di bidang ternakan juga sedang dijalankan termasuk ternakan udang, ternakan ber-

kala ikan kerapu dan sebagainya.

Kunjungan muhibah kemudian diteruskan ke rumah Ketua Kampung Sengkarai, Awang Haji Momin bin Abdul Razak.

Juga hadir pada majlis itu ialah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Indera Dato Paduka Haji Awang Sidek bin Yahya serta Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung berkenaan.

Pada kesempatan itu sesi dialog dan perbincangan juga diadakan antara kedua belah pihak bagi sama-sama menjelaskan perkara-perkara yang menjadi kemusykilan sesetengah penduduk, di samping penerangan ringkas daripada ahli rombongan.

Selain mengeratkan tali silaturahim program itu juga menyediakan wadah perbincangan dua hala, menerima maklumat dan maklum balas antara pihak kerajaan dan masyarakat umum.

Ini selaras dengan hasrat Kerajaan Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menekankan pentingnya kerjasama erat antara agensi-agensi kerajaan dengan institusi penghulu dan ketua kampung khususnya serta orang ramai umumnya.

Beraya ke Kampung Ayer

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 2 November. - Serombongan 20 orang pegawai serta kakitangan Jabatan Penerangan mengadakan kunjungan Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri ke rumah kediaman Ketua Kampung Setia 'B', Awang Haji Kamis bin Haji Metassan dan kediaman Penghulu Mukim Tamoi, Pengarah Haji Mokti bin Md. Salleh.

Rombongan diketuai oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Yusof bin Haji Ladi. Antara objektif kunjungan tersebut ialah bagi mengeratkan hubungan silaturahim antara kedua-dua belah pihak, disamping meningkatkan kerjasama dan proses pertukaran mak-



ROMBONGAN Jabatan Penerangan diketuai oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Yusof bin Haji Ladi semasa berada di rumah kediaman Penghulu Mukim Tamoi, Pengarah Haji Mokti bin Md. Salleh. - Foto: Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.

Oleh : Zahrani Haji Bojeng, Maslina Awang Kurus

lumat antara kedua-dua belah pihak.

Program seumpama ini juga dihasratkan dapat membantu institusi penghulu dan ketua kampung dalam sama-sama menyumbang ke arah kemajuan dan pembangunan negara.

Program ramah mesra Hari Raya di mukim dan kampung yang terpilih di keempat-empat daerah dirancang sebagai salah satu projek tahunan Jabatan Penerangan yang mula diperkenalkan pada tahun 2003.

Pada kesempatan itu, Ketua Kampung Setia 'B', Awang Haji Kamis selaku

wakil penduduk melahirkan penghargaan kerana kampungnya terpilih dalam kunjungan Jabatan Penerangan.

Menurutnya, dengan adanya kunjungan ini dapatlah mengeratkan persahabatan dan muhibah antara penduduk kampung beliau dan Jabatan Penerangan khasnya. Beliau menambah, Kampung Setia 'B' didiami oleh lebih kurang 1,820 orang penduduk dapat menikmati pelbagai kemajuan dan kemudahan dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam seperti jambatan penghubung dan api elektrik.

"Pelbagai pencapaian telah diperolehi oleh kampung ini seperti menerima Anugerah Kampung Terbaik, Kampung Contoh Cemerlang dan penduduk kampung ini sentiasa aktif dengan aktiviti-aktiviti tahunan seperti bertadarus, khatam Al-Qur'an semasa bulan Ramadan, junjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Hari Raya dan doa arwah sekampung dan Majlis Ramah Mesra Hari Raya yang diselenggarakan dengan penyampaian derma anak yatim," ujar beliau.

Dari muka 8

"Eh ... bukanlah. Saya tak ada niat nak sakitkan hati Justin. Bukan saya tak sudi nak berkawan tapi saya rasa buat masa ni saya nak tumpukan 'study' dulu. Kalau boleh saya nak capai cita-cita saya dulu, baru boleh fikir benda-benda lain."

"Saya rasa tak salah kalau sekadar nak berkawan kan. Selama ni pun saya sendiri tak pernah mengabaikan pelajaran saya. Saya pasti pelajaran kita takkan terjejas hanya kerana kita berkawan."

"Pada Justin mungkin macam tu, tapi berbeza dengan saya. Saya nak perhatian saya pada 'study' seratus peratus. Saya tak nak gagal di tengah-tengah pengajian. Saya perlu berjaya untuk menyara keluarga saya. Justin boleh faham, kan?"

"Saya tak rasa Izzah menolak saya semata-mata hanya kerana itu, kan? Tentu ada sebab lain. Mungkin kerana sebab saya ni bukan orang Melayu?" soalan dari Justin itu betul-betul mengejutkan Izzah. Tak tahu bagaimana untuk memberikan jawapan untuk soalan itu. Bimbang jika tersalah jawab, mungkin ada yang akan tersinggung hatinya.

"Soal bangsa dan agama bukan penyebabnya. Saya boleh menerima sesiapa saja asalkan dia baik. Tapi macam yang saya kata tadi, saya tak nak 'study' saya terganggu oleh sebab-sebab yang tidak berkaitan. Sorry

ye ...". Izzah masih cuba untuk menyembunyikan kebenaran yang sedang dia fikirkan.

"Macam ni lah Izzah. Apa kata Izzah beri peluang kepada diri Izzah untuk mengenali saya. Kita berkawan sajalah dahulu. Pada masa yang sama, saya juga boleh mengenali diri Izzah dan mengenali budaya Melayu dan agama Islam dengan lebih mendalam. Mungkin Izzah dapat membimbing saya ke jalan yang benar ... mana tahu ..."

Apa maksud dia bercakap begitu? Kenapa dia perlukan aku untuk membimbingnya. Tidak ada orang lain yang lebih sesuai? Kalau betul sekali-pun, dapatkah aku menjadi pembimbing yang baik? Segala-galanya berlegar-legar dalam kepala Izzah. Akhirnya kata putus diambil Izzah. Membiarkan sahaja hubungan itu berjalan dengan sendiri. Tiada paksaan dari mana-mana pihak.

Tapi sejak peristiwa bertemu Justin agak kerap menghubunginya. Bertanyakan khabar dan kadangkala perkembangan pelajarannya. Ada kalanya Justin akan mengajaknya keluar tetapi dipertahankan juga prinsipnya untuk tidak keluar berdua-duaan dan akhirnya mereka hanya bertemu di dalam kampus.

Memang ada suara-suara sinis yang mengaitkan hubungannya dengan Justin tetapi tidak dipedulikannya. Biarlah apa orang nak kata, tapi dia sendiri tahu apa yang dibuatnya.

Sebelum berakhir semester kedua, Justin sekali lagi menemuinya. Kali ini diharapkan perhubungan yang lebih serius. Kalau boleh sebelum keluar dari bumi kampus, Justin ingin Izzah menerimanya sebagai teman. Tidak mahu lagi berteka-teki sendiri. Izzah sendiri tahu dia juga sudah mulai menyayangi Justin tetapi dia juga sangsi kalau Justin akan melupakannya bila sudah mendapat pekerjaannya nanti. Bimbang hanya dia seorang yang tertanti-nanti.

"Tak usahlah Izzah bimbang apa-apa. Saya ikhlas nak menjadi teman Izzah. Saya pun dah lama tertarik dengan agama Islam. Tapi Izzah janganlah salah anggap, jika saya masuk Islam sekalipun bukanlah kerana Izzah semata-mata tapi lebih kerana saya menyayangi agama suci ini. Izzah tak perlu risau ... saya tahu apa yang saya perlu buat," walaupun kata-kata jaminan diberikan oleh Justin tetapi Izzah masih tidak pasti. Baginya bercinta dengan orang yang bukan seagama bukan perkara mudah. Cinta tak akan dapat mengatasi semua masalah.

"Okeylah Justin. Kita cuba dahulu. Kalau keluarga Justin atau keluarga saya tak dapat menerima diri kita masing-masing, kita harus mengalah. Saya lebih pentingkan ayah saya daripada segalanya. Lagipun biarlah Justin belajar mendalami Islam sebaik mungkin. Kalau pun tidak pandai atau tak dapat membimbing saya,

tapi sekurang-kurangnya biarlah lepas tanggungjawab Justin sendiri. Kalau tak, saya takut hubungan kita akan menghadapi banyak masalah nanti. Saya tak sanggup nak berhadapan dengan semua tu!"

"Saya faham semua tu. Lepas ni saya akan mula bekerja. Saya nak simpan duit, nak masuk memining Izzah. Saya nak buktikan pada Izzah yang saya tak pernah nak main-mainkan perasaan Izzah."

"Insya-Allah, kalau Justin ikhlas, mungkin kita boleh bersatu satu hari nanti," hanya itu sahaja kata-kata semangat yang dapat Izzah luahkan pada Justin.

Sejak memasuki tahun terakhir dikampus, Izzah dapat merasakan hidupnya yang menjadi sedikit sunyi tanpa kemunculan Justin sekali sekala seperti dulu. Sejak mula bekerja, Justin menjadi sibuk dan tidak dapat menziarahinya selalu. Cuma mereka lebih banyak meluahkan masa berbalut dalam telefon. Jadilah ... boleh juga jadi pelepas rindu. Mungkin ada eloknya juga, Izzah ingin memberi lebih perhatian pada pelajarannya yang sudah pun berada di tahun akhir pengajian.

Setelah setahun berlalu, hubungan Izzah dan Justin semakin intim. Mereka banyak berkongsi cerita dan pengalaman bersama-sama. Walaupun ilmu agama Izzah tidaklah terlalu mendalam tetapi sekali sekala dia tetap

memberikan teguran dan nasihat kepada Justin tentang hal ehwal Islam. Akhirnya Izzah sendiri berjaya menamatkan pengajiannya dengan cemerlang, hasil usaha gigihnya dan juga tunjuk ajar daripada Justin.

"Assalamualaikum pak cik, Izzah."

"Walaikumassalam. Ha Faris ... apa khabar?"

Entah dari mana datangnya Justin pada hari konvokesyen Izzah pun tak dapat memastikannya. Sebelum ini Justin sendiri yang menyatakan dia tak dapat datang ke konvokesyennya, kerana ada tugas di luar daerah. Tau-tau dah ada di depan matanya. Pulak tu, boleh bertegur sapa dengan ayahnya. Dan Faris? ... kenapa pulak ayahnya memanggil Justin dengan nama Faris?

"Izzah ... Macam mana? Seronok tak hari ni? Izzah dah ada dalam tangan, boleh tak sekarang Faris nak masuk memining?"

"Faris ...? kenapa Justin dah jadi Faris pulak? Sejak bila pulak Justin dah tukar nama ni? Hari ni kata nak 'out-station', macam mana boleh ada di sini pulak!" rasanya ada banyak soalan yang hendak ditanya oleh Izzah kepada Justin sehinggalah dia tidak sempat mengambil nafas.

"Outstation? tu alasan saje. Saya memang nak datang sini nak rai kan hari paling bermakna dalam hi-

dup Izzah ni dengan 'family' Izzah. Sebenarnya sejak saya keluar dari kampus dulu, saya dah pun memeluk Islam. Tapi sengaja saya tak cakap pada Izzah, nak 'surprise'kan Izzah hari ni. Lagipun saya nak bertemu ayah Izzah dulu sebelum nyatakan pada Izzah."

"Ayah ... ayah dah pernah jumpa Justin ni? terpinga-pinga Izzah bila Justin menyatakan yang dia sebenarnya telah pun memeluk Islam dan juga telah pun bertemu dengan ayahnya tanpa pengetahuannya."

"Memang ayah dah jumpa Faris ni. Dia dah datang ke rumah dan memperkenalkan dirinya pada ayah sebagai kawan Izzah. Faris dah ceritakan semuanya dari awal sampai akhir. Dia pun dah mintak izin pada ayah untuk memining Izzah. Ayah tak ada halangan dan ayah izinkan. Terpujilah pada Izzah nak terima atau tak."

"Ayah tak kisah ke Justin ni bukan orang Melayu?"

"Izzah ... kan Faris ni dah masuk Islam. Apa lagi nak dipertikaikan. Ayah tak kisah langsung lagipun Faris dah menunjukkan keikhlasan dia. Lebih elok macam tu daripada berka-wan tapi nak sorok-sorok daripada ayah. Ayah yakin, Izzah pun akan dapat membimbing Faris nanti. Ayah percaya Izzah dapat melakukannya, kan anak ayah ni seorang guru."

"Tapi ayah ... Izzah baru saja nak mula bekerja. Izzah nak bantu ayah dulu ..."

Izzah cuba merayu ayahnya. Bukannya dia tak mahu menjadi insan istimewa di sisi Justin, tapi dia bimbang jika dia berkahwin terlalu awal, dia tak dapat membantu ayahnya dengan sepenuhnya.

"Tentang itu Izzah tak payahlah risau. Bukannya ayah tak mampu nak sara adik-adik Izzah tu. Lagipun Faris dah beritahu ayah, dia takkan melarang sekiranya Izzah nak membantu ayah. Dia sudah faham keadaan kita. Izzah ... terimalah Faris seadanya. Ayah merestui hubungan ni. Tak perlulah Izzah risau."

Terasa satu bebanan besar telah di angkat daripada bahu Izzah sebaik sahaja ayahnya memberikan persetujuan merestui hubungannya dengan Justin. Cepat-cepat dikucup pipi ayahnya sebagai tanda terima kasihnya kerana merestui mereka. Nampaknya tidak sia-sia juga dia memperjuangkan nasibnya untuk berkawan dengan Justin.

Kini dia mulai dapat merasakan bahawa sebenarnya Tuhan telah pun memberikannya satu peluang untuk membimbing seorang saudara baru agar mengenali dan mencintai agama Islam yang mulia ini. Izzah bertekad dia tidak akan mempersiakan peluang yang ada ini. Semoga segalanya akan dirahmati oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan semoga dia dan Faris akan hidup bahagia meniti hari-hari yang mendatang.

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

BERLARI

Seolah baru semalam
aku menjadi tetamu Allah
beribadat dan berkorban
di Mekah Al-Mukarramah.

Masih beralun manusia beriman
terpeta di bola mata
tawaf haji mengelilingi Baitullah
mengagungkan kebesaran Allah.

Begitu rancak masa berkejaran
masih terasa aku berlari-lari anak
Sa'ie dari Safa ke Marwah
menghimbau perlakuan Siti Hajar
mengejar bayangan percikan air
buat si anak lelaki yang kehausan.

Kukucup Hajralaswat
di sisi Ka'abah
masih tercium bau kesturi
menghilangkan stress di hati
sejuknya mutiara dari syurga
mendamaikan gundah di jiwa
inilah sebuah kedamaian abadi
yang belum pernah aku temui.

Kini Zulhijah bertolak pergi
tahun depan akan datang lagi
menggamit sanubari
berbisik agar datang lagi
ke Rumah Allah di Tanah Suci
insya-Allah ...!

CUMA KERUGIAN

Walau tidak minta harganya
yang namanya pengorbanan
bagaikan jiwa
berkorban pada manusia
untuk berbakti
kepada semuanya.

Apakah jiwa
akan menuntut keuntungan
yang nyata manusia itu
cuma ada kerugian.

SIAPA

Keganasan
angkara siapa ...!
kerakusan
untuk apa ...!
peperangan
cipta kedamaian ...?
tajaan siapa.

Semuanya ...!
akibat lakonan silam
buat menutup
pekung di dada.

Maya Brunei

KEPADA PARA SOLEHAH

Ya Ilahi!
pada permukaan bumi gersang ini
Engkau taburkan tunas-tunas cahaya
menjadi tumpuan pengabdian diri
dalam melihat betapa impian
yang telah meraka suratan azali
dicatatkan oleh Malaikat pesuruh Allah
ke atas hamba-Nya para solehah
menghadiri sebuah perhimpunan agung
Arafah yang Engkau tentukan
rukun yang difardukan untuk dikerjakan
sepenuh syahdu.

Arafah menjanjikan
kepada tetamu-tetamu-Nya
berwajah solehah
agar telusnya hati nurani
mahu memohon keampunan-Nya
agar kiranya diterima oleh Allah
sesuci ketika dilahirkan ibu
untuk menjadi penghuni Jannah.

MAAFKAN SAJA

Maafkan saja dosa-dosa itu
ternodanya kasih ditakdirkan
engkau sendiri mengetahui
diri bukan pendusta
bukan pengkhianat
perosak jiwa.

Maafkan saja kesilapan itu
bercerainya kasih
engkau sendiri meyakinkan
diri mencari rezeki
tiba-tiba guruh gempita
memisahkan kita.

Maafkan saja segala-galanya itu
memang sudah dijanjikan
cinta
berdebu di tengah jalan
kita pun kembara sendiri
menuju syurga.

Hanirah

DADAH

Dadah
membawa kemusnahan
mencipta persengketaan
menuju ambang kematian.

Sedarlah ... Insaflah
selagi kita punya waktu
selagi kita punya upaya.

Jauhilah ... Hindarilah
kerana kita mampu
membanteras dadah durjana.

MANUSIA

Manusia ...
pelbagai jenis manusia
bermacam bentuk sifat manusia
pelbagai rentak jenis kehidupan manusia.

Manusia yang berada
mereka hidup penuh kemewahan
kaya dengan harta benda yang berlimpah
tapi miskin dengan budi pekerti
sombong dan berhidung tinggi.

Manusia yang miskin
hidup penuh penderitaan
reda dengan ketentutan Ilahi
tapi kaya dengan akhlak yang tinggi
bersifat terpuji dan merendah diri.

Sedarlah wahai manusia
dalam kehidupan kita
kadang kita lupa diri
lupa dengan segalanya
segala buruk dan baiknya
miskin atau kaya
semua datang dari-Nya
Allah Yang Esa.

PENANTIAN

Penantian
sesuatu yang menyeksakan
menanti penuh kesabaran
mengharap sebuah kepastian.

Terasa lambat masa berjalan
di hati penuh persoalan
perlukan sebuah jawapan
agar terlerai semua kekusutan.

Sampai bila harus begini
moga terjawab persoalan hati
namun satu yang pasti
kutetap akan terus menanti.

RINDU

Hati meratap pilu

wajah menatap sayu
mengenangkan dirimu
yang tiada lagi di sisiku.

Hidup tanpamu kurasa sepi
tanpa gurau tawamu menghibur hati
namun kureda apa yang terjadi
dirimu telah pergi menghadap Ilahi.

Begitu berat beban kurasakan
menghayun kaki mengorak langkah
walau di hati penuh kerinduan
pada Yang Esa jua kumampu berserah.

DRBA 262

WAJAH KEKASIH

Yang berpusar mengurai kepak
bukannya angin
tapi adalah nyanyian rindumu
yang mendebur menghempas tanjung
bukannya ombak
tapi adalah suara mesramu
yang melayang mengurai kepak
bukannya cama
tapi adalah lagu kasihmu
yang terapung mengepung arus
bukannya buih
tapi adalah butiran cintamu.

Menatap laut dengan sifatnya
bagai menatap wajah kekasih
suram tapi mengasyikkan
rawan tapi mengghairahkan ...

Seroja

RIANG

Wajahnya riang menghilangkan lelah
senyuman mulutnya manis sekali
giginya putih ayu berseri
sayangnya ibu tiada pengganti.

Angan-angan rumah tangga bahagia
menjadi isteri yang solehah
menimbang anak idaman hati
riang hatinya ingin jadi seorang ibu.

Riang gembira melihat anaknya
terlalu manja dengan si ayah
ibu menangis pahit ditanggung
kini ayahnya sepi tidak akan kembali lagi.

Anak sedih merayu-rayu
hanya ibu menjadi pengubat rindu
riang wajahnya beralas duka
mengenang memori silam bersama suami.

RAJIN

Bersifat rajin amalan mulia
menjadi sanjungan setiap masa
tanamkan ia di dalam dada
untuk bekalan di usia remaja.

Banyak cabaran dugaan menimpa
namun semuanya ditangkis jua
kalau malas ada di jiwa
gantikan ia dengan sifat kerajinan jiwa.

Rajin kita tanam dalam dada
pintu tangga kejayaan dunia
besarlah pengorbanan ia dalam diri manusia
kerana ia mengasuh kesabaran iman di dada.

Terima kasih buat dirimu
akan aku semai dirimu dalam ragaku
siapakah dirimu itu?
bersifat rajin itulah jawabku.

Si Insaf

INSAN TERPILIH

Aku melangkah tenang
walau gugup ingin menerpaku
aku harus cekal
kerana ini perjuangan
merebut peluangku.

Kupeluk buktiku
satu tanda pencapaianku
sedari kecilku hingga dewasa
di alam pelajaranku.

Akan kubalas
setiap persoalan
yang akan mereka hujani padaku
agarku dapat kuasai
keyakinan mereka terhadapku.

Namun keputusan mereka tentukan
mereka saja yang dapat menilai
diri hanya mampu berdoa
dan pada-Nya jua diri bertawakal
adakah diri insan terpilih?

WAJAH-WAJAH KECIL

Kududuk dan kulihat
wajah-wajah kecil
berlari-lari riang
mencetus bahagia
pada mata yang memandang.

Namun mereka masih alpa
mentah untuk mengerti
jauh untuk memahami
tujuan apa mereka ke sini.

Warna putih diibaratkan
suci bersih tiada calar serta cela
masih baru bukan lama
tetapi bukan berarti selamanya
mereka tetap tumbuh
seperti seadanya
menagih dan terciari-cari
ingin tahu segalanya.

Berikan mereka sepatutnya
bentuk fikiran merkea seeloknya
indahkan budi pekertinya
cantikkan pengetahuan mereka
warnai jiwa mereka dengan agama
suluhkan perjalanan mereka
agar dapat mereka lalui jalan berliku.

Biarkan mereka terus melangkah
di atas pentas kehidupan ini
kerana mereka pewaris bangsa
pelapis untuk yang lama
moga negara terus menuju sejahtera.

Awang Bakhtiar

ILHAM DAN BAKATKU

Terbayang melayang
kuambil pena tersayang
kuingat dan kucatat
agar tak hilang berlalu lenyap
biarku susun mengindah madah.

Betapa kau ilhamku
menghimbaukan fikirku
berhayal dalam sedar
amalan murni nahuri malar
buat diri, keluarga, negara tercinta.

Begitu ruginya diri ini
andai kata tak kujelmakan bakat semula jadiku
anugerah Allah yang maha pemberi
pada insan semulia makhluk-Mu oh Tuhan
tak kira waktu bila hadirnya
malah tak tentu menata di mana berada.

Ilhamku sejati murni
hadirlah kau bersemi
tenteramkan jiwaku
buat amal melerai pendam
kan kucanai di muka alam.

Ilhamku buat seluruh insan
kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala
kekallah kau di persada fikirku
mengangkatku sebagai insan seni
indah bahasa indahlah seninya.

Haji Mariat Haji Abdullah



سوسون رنچاغن تيليشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RABU 13 DISEMBER

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	DRAMA - 'Sanay Wala Ng Wakas'
11.00	BACKYARD SCIENCE
11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan
12.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QUR'AN
4.15	RANCANGAN HARI INI
4.20	CYBERCHASE
4.45	THE LOST WORLD
5.15	DRAMA MOU - 'Mencari Sinar'
5.45	BERITA
6.10	AZAN MAGHRIB
6.30	FILLER
6.45	SIRAH NABAWIYAH

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	AZAN ISYAK
7.30	GALERI
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA - 'Misteri Di Balik Tabir'
9.30	WARNA WARNI - Ulangan
10.00	NEWS AT 10
10.45	ON THE BALL
11.15	BEWITCHED
11.45	BOSTON LEGAL
12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 14 DISEMBER

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	DRAMA - 'Sanay Wala Ng Wakas'
11.00	BACKYARD SCIENCE
11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan
12.00	DRAMA - 'Kabut Sutera Ungu'
12.16	AZAN ZUHUR

PETANG

1.00	TRANSIT
1.30	GUINNESS WORLD RECORD
2.30	PHILIPPINES MOVIE - 'Kung Ako Nalang Sana'
3.38	AZAN ASAR
4.00	SAMURAI X - Siri Baru
4.30	DRAGON TALES
5.00	BEYOND 2000
5.45	BERITA
6.00	MOLECULAR UNIVERSE
6.10	AZAN MAGHRIB
6.30	FILLER
6.45	FIQHUL MIRATS

MALAM

7.00	SURAH-SURAH PILIHAN
7.25	AZAN ISYAK
7.30	WARTA ISLAM
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	AN NUUR - 'Masjid Bukit Beruang'
10.00	NEWS AT 10
10.45	DRAMA - 'Jasmine'
11.45	WAYANG PILIHAN - 'A Perfect Murder'
1.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 15 DISEMBER

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	SESAME STREET
10.45	SHAPIES
11.15	RAKAN CYBER
11.30	BERITA
11.45	WILDLIFE DIARY
12.15	FINGER TIPS
12.30	SEMBAHYANG FARDU JUMAAT - Siaran Langsung

PETANG

1.30	VISI SUCI
2.00	TETAMU SUKAN - Siaran Langsung
3.00	TAYANGAN GAMBAR HINDI - 'Korbaar'
3.38	AZAN ASAR
3.40	TAYANGAN GAMBAR HINDI - Sambungan
5.25	SYIAR MASJID
5.45	BERITA
6.00	SYIAR MASJID - Sambungan
6.11	AZAN MAGHRIB

6.30 FILLER

6.45 BICARA IMAN

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.26	AZAN ISYAK
7.30	DRAMA - 'Genap Dua'
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	RANJAU KEHIDUPAN
9.30	MOUSE TV
10.00	NEWS AT 10
10.45	ULASAN KHUTBAH JUMAAT
11.00	TELEDRAMA - 'Aku Kaya Giler'
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 16 DISEMBER

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	W.I.T.C.H.
10.45	FERGUS McPHAIL
11.15	DRAMA - 'Menuju Keredaan'
11.30	BERITA
12.00	GILLETTE WORLD OF SPORT
12.17	AZAN ZUHUR
12.30	PANGGUNG PETANG SABTU - 'Jacob Two Meets The Hooded Fang'

PETANG

2.00	DRIVE
2.30	SPORTS PAGE 2005
3.00	THIRD WATCH
3.39	AZAN ASAR
4.00	DOKUMENTARI SPECIAL - 'When Surgical Tools Left Behind'
5.00	THE MAGIC SCHOOL BUS
5.30	JUST A KID: CAITLIN'S WAY
5.45	BERITA
6.11	AZAN MAGHRIB
6.15	PORTS OF CALL
6.45	PEDOMAN AKIDAH

MALAM

7.00	DUNIA ASIA
7.26	AZAN ISYAK
7.30	MANAGING GLOBAL BUSINESS
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DARI STUDIO SATU
10.00	NEWS AT 10
10.45	TAYANGAN GAMBAR - 'Westender'
12.15	GUINNESS WORLD RECORDS
12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 17 DISEMBER

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	GIRL STUFF BOY STUFF - Siri Baru
10.45	TIMEBLAZERS
11.15	PADA SUATU HARI - Ulangan
11.30	BERITA
11.45	SUNDAY MATINEE - 'Pit Pony'
12.17	AZAN ZUHUR

PETANG

1.15	LIGA BRASIL
2.45	JUARA 2006 - Siaran Langsung
3.30	CITA RASA AIDILFITRI
3.39	AZAN ASAR
4.00	CARLAND CROSS
4.30	DRAMA - 'Meniti Pelangi'
5.00	KAUNSELING MASYARAKAT
5.30	PENGAJARAN DARI AL-QUR'AN
5.45	BERITA
6.00	MUTIARA HUTAN - 'Flora Hutan Kerangas 2'
6.12	AZAN MAGHRIB
6.30	MUSULMAN THE UNTOLD STORY

MALAM

7.00	TAHUKAH AWDA
7.27	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	TIRAI KELUARGA - 'Puteri Gunung Ledang'
10.00	NEWS AT 10
11.45	TIRAI KELUARGA - Sambungan
11.15	STRONG MEDICINE
12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 18 DISEMBER

PAGI

6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	DRAMA - 'Sanay Wala Ng Wakas'
11.00	BACKYARD SCIENCE
11.30	HEALTHY HOME
12.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QUR'AN
4.15	RANCANGAN HARI INI
4.20	THE LEGEND OF ZORRO
5.15	GILLETTE WORLD OF SPORTS
5.45	BERITA
6.00	WORKING ANIMALS
6.12	AZAN MAGHRIB
6.30	FILLER
6.45	BIMBINGAN KELUARGA

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.27	AZAN ISYAK
7.30	LINGKARAN IMAN
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA - 'Tengkujuh Di Musim Bunga'
9.30	EXPATS
10.00	NEWS AT 10
10.45	SUKAN GLOBAL 2006
11.15	PRIVATE LIVES
12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 19 DISEMBER

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	DRAMA - 'Sanay Wala Ng Wakas'
11.00	BACKYARD SCIENCE
11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan
12.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QUR'AN
4.15	RANCANGAN HARI INI
4.20	MAPLETOWN
4.45	BUG ALERT
5.15	SCIENCE WORKSHOP
5.45	BERITA
6.00	ME@TV
6.13	AZAN MAGHRIB
6.30	FILLER
6.45	AL ISLAM

MALAM

7.00	MENCARI SUKINAH
7.28	AZAN ISYAK
7.30	DOKUMENTARI: 'Mou RTB/RTM 2006'
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	RANCANGAN KHAS
9.30	SENARIO
10.00	NEWS AT 10
10.45	DRAMA BMR 'KOD 486' MUSIM 2
11.45	MINI SERIES: 'Third Twin'
12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

**TAWARAN BAGI MENGIKUTI KURSUS DI INSTITUSI PENDIDIKAN
TEKNIK DAN VOKASIONAL BAGI SESI JANUARI 2007
JABATAN PENDIDIKAN TEKNIK, KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

PEMOHON-PEMOHON yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk mengikuti kursus-kursus di peringkat Sijil Kejuruan Gred 2.

KURSUS DI PERINGKAT SIJIL KEJURUAN GRED 2 (NTC 2)

BIL	NAMA KURSUS	KELAYAKAN MASUK	TEMPOH & CARA KURSUS	INSTITUSI
1	BDTVEC National Trade Certificate Grade 2 in Vehicle Body Repair	1. Lulus BDTVEC National Trade Certificate Grade 3 in Vehicle Body Repair. Atau 2. Mempunyai sijil-sijil atau kelulusan yang bersesuaian dan diiktiraf. Dan 3. Lulus temuduga.	Sepenuh Masa 1 ½ tahun	MTSSR

PERHATIAN:

- Pemohon-pemohon yang mempunyai pekerjaan samada dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Swasta mestilah mendapatkan kebenaran dari Jabatan Perkhidmatan Awam atau pihak yang berkenaan terlebih dahulu dan borang permohonan mestilah dihantar melalui Ketua Jabatan / Majikan masing-masing berserta dengan sokongan. Sebarang permohonan yang tidak melalui pihak tertentu tidak akan di layan. Pemohon mestilah sekurang-kurangnya 3 tahun dalam perkhidmatan.
- Pemilihan adalah tertakluk kepada:-
 - Kelayakan dan kelulusan pemohon
 - Lulus dalam pemarkahan / ujian bagi kursus-kursus yang berkenaan
 - Lulus temu duga.
- Borang permohonan hendaklah dikembalikan oleh pemohon itu sendiri kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Blok Pentadbiran, Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal, Simpang 125, Jalan Muara, Negara Brunei Darussalam. BB 2313 **TIDAK LEWAT pada 23 Disember 2006, Jam 4:30 petang.** Borang yang diterima setelah tarikh tutup tidak akan dilayan.
- Hanya pemohon-pemohon yang terpilih sahaja akan dimaklumkan oleh pihak maktab bagi tujuan temu duga.
- Borang permohonan dan keterangan lanjut boleh didapati dari:
Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Blok Pentadbiran
Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal
Simpang 125, Jalan Muara, Negara Brunei Darussalam. BB2313
No. Telefon: 2343551
No. Fax: 2343207



JABATAN PERDANA MENTERI

BILANGAN TAWARAN: OME/LTK/01/2006
'THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING AND TRAINING FOR A NEW PRIVATE AUTOMATED BRANCH EXCHANGE (PABX) SYSTEM FOR THE OFFICE OF THE MINISTER OF ENERGY PRIME MINISTER'S OFFICE'

BILANGAN TAWARAN: OME/LTK/02/2006
'THE SUPPLY, INSTALLATION AND DELIVERY OF LOOSE FURNITURES FOR THE OFFICE OF THE MINISTER OF ENERGY PRIME MINISTER'S OFFICE'

- TAWARAN-TAWARAN hendaklah dihantar terus ke PETI TAWARAN, Lembaga Tawaran Kecil Bahagian Tenaga, Jabatan Perdana Menteri, Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Selasa 26 Disember 2006.**
